



کولٰڪسيٰ اوچاڻن رسمی

# KOLEKSI UCAPAN RASMI MENTERI BESAR KELANTAN SIRI 1



**YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB  
(DATO' BENTARA KANAN)**

# **KOLEKSI UCAPAN RASMI MENTERI BESAR KELANTAN SIRI 1**

**YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB  
(DATO' BENTARA KANAN)**

**SUSUNAN  
MOHD ASRI MAT DAUD**

Cetakan Pertama 2019

---

## **HAKCIPTA TERPELIHARA**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula,  
disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau  
dengan alat apa juu pun, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada  
UKMB Resources.

---

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Koleksi Ucapan Rasmi Menteri Besar Kelantan Siri 1, YAB Ustaz Dato'  
Haji Ahmad bin Yakob (Dato' Bentara Kanan) / (disusun oleh) Mohd Asri  
Mat Daud—Kota Bharu : Azkia Advertising and Printing, 2019. 221 p. : ill.  
; 25 cm.

ISBN 978-967-16008-0-1      1. Ahmad Yakob, Dato' Bentara Kanan  
Adresses                            2. Kelantan – Politics and government – Adresses  
  
i. Mohd Asri Mat Daud

---

**Penerbit**  
UKMB Resources  
Tingkat 1, Bangunan PAS, Jalan Dato' Pati,  
15200 Kota Bharu, Kelantan  
Tel/Fax: 09-7470497  
Emel: ukmbkelantan@gmail.com

**Penyunting**  
Mohd Asri Mat Daud

**Reka letak/Reka atur**  
Nor Zuriana Mokhtar  
Nik Mohamad Azreen Nik Yahya

**Dicetak oleh:**  
Azkia Advertising and Printing  
Kota Bharu, Kelantan

## KANDUNGAN

TAHUN 2014	M/S
<b>Prakata</b>	I
Majlis Perasmian Mesyuarat Agung PIBG Kali Ke-8 dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pelajar	1
Majlis Penyampaian Hak Milik Tanah dan Bantuan Sosial Kerajaan Negeri Kelantan Peringkat Jajahan Tumpat	6
Majlis Perasmian Pusat Komersial Harmoni Square Tanah Merah	10
Program Kenegaraan Yayasan Islam Kelantan (YIK)	16
Majlis Penutupan Pesta Kebudayaan Cina Malaysia Ke-31	19
Solidariti Rakyat Kelantan Bersama Gaza	26
Majlis Perasmian Program Halaqah Wacana Pemikiran Tok Guru	38
Majlis Santapan Malam Persembahan Kerajaan Negeri Kelantan Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Sultan Muhammad V Yang Ke 45 Tahun 2014	43
Majlis Penutup dan Penangguhan Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V Tahun 1436H / 2014M	50
Persidangan Teknologi Hijau Negeri Kelantan Sempena Ekspo Hijau 2014	56
Persidangan Keturunan Foo Sedunia Yang Ke-17	66

Majlis Perasmian Persidangan Agung Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia Kali Ke 40 Tahun 2014	70
Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) Peringkat Negeri Kelantan	76
Majlis Makan Malam Sempena Muzakarah Penyediaan Kaedah-Kaedah Hukuman Kanun Jenayah Syariah (II) EKJS II 1993	82
Majlis Pembukaan Second International Halal Food And Commodities Fair 2014	91
Majlis Penganugerahan Sijil Tasawwur Islam Siri 1 (2013/2014) dan Pelancaran Program Tasawwur Islam Siri 2 (2014/2015)	95
Sidang Dun Yang Ketiga Belas Sempena Perbahasan Usul Mempertahankan Palestin	101
Sempena Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Kelantan Dan Linxia	108
Sempena Penghayatan Hari Mabit 1435H Peringkat Negeri Kelantan	111
Majlis Sambutan dan Kesyukuran Genap 24 Tahun Pentadbiran Kerajaan Kelantan	119
Majlis Makan Malam REHDA Kelantan	130
Majlis Bubur Asyura Karangkraf Bersama Anak Kelantan Di Perantauan	135
Perasmian Penutup Seminar Pemikiran Dan Ketokohan Dr Burhanuddin Al-Helmy	142

Perasmian Temu Mato Jjemok Kkiro Anok Mudo Kelate 2014 : Kembara Anak Soleh	149
Majlis Sambutan Hari Integriti dan Inovasi Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2014	154
Majlis Graduasi Tahfiz Yayasan Islam Kelantan Bagi Tahun 2014	161
Majlis Perasmian Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK)	169
Majlis Perasmian Seminar Merakyatkan Membangun Bersama Islam	175
Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Ke 56 Tahun 2013 Peringkat Negeri Kelantan	183
Majlis Perbarisan Sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Ke-57 Peringkat Negeri Kelantan	190
Program ‘ Ke Arah Kelantan Bebas Denggi’	195
Majlis Pecah Tanah Asrama Baru KIAS	202
Majlis Perasmian Eksspo Pertanian Negeri Kelantan 2014 (Ekspotani Kelantan 2014)	206
Majlis Perasmian Perletakan Batu Asas Pembinaan Rumah Anak Yatim dan Dhuafa’ Lilbanin Sri Peraksi Semerak	212



## PRAKATA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Segala pujian bagi Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat serta mereka yang mengikuti jalan menegakkan hukum Allah di muka bumi.

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya jualah maka Koleksi Ucapan YAB. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob (Dato' Bentara Kanan) Siri 1 ini dapat diterbitkan.

Sesungguhnya, ucapan rasmi YAB. Menteri Besar sangat penting untuk dibukukan agar menjadi rujukan untuk masa-masa akan datang. Sepanjang saya berkhidmat sebagai Setiausaha Akhbar kepada YAB. Menteri Besar Kelantan, begitu banyak idea-idea baharu yang disampaikan kepada saya untuk dimasukkan ke dalam teks ucapan beliau.

Ketelitian YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan dalam ucapannya dapat kita perhatikan setiap kali beliau berucap. Menariknya, ucapan beliau sentiasa dimulai dengan sepotong ayat atau hadis Nabi berkaitan program yang dianjurkan. Konsep ucapan yang sentiasa diselaraskan dengan nasihat agama ini dan disertakan dengan fakta akademik menjadi pegangan beliau sama ada dalam persembahan ucapan di hadapan Sultan, ucapan rasmi atau ceramah politik beliau.

Semoga koleksi ucapan beliau ini dapat menjadi bahan rujukan bahkan kajian bagi pihak penyelidik. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan kepada semua yang menjayakan usaha pembukuan Koleksi Ucapan YAB. Menteri Besar Kelantan ini. Semoga Allah mengganjari dengan sebaik-baik ganjaran.

Sekian, *Wassalam.*

**MOHD ASRI MAT DAUD**

Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan.

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PIBG KALI  
KE-8 DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH  
KECEMERLANGAN PELAJAR**

11 Zulkaedah 1435 / 6 September 2014  
Sekolah Maahad Tahfiz Bustanul Arifin, Tumpat

Firman Allah Taala:

وَأَنْ أَتُلُّوا الْقُرْءَانَ فَمَنِ اهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ  
فَقُلْ إِنَّمَا أَنَا مِنَ الْمُنذِرِينَ

Maksudnya: *Dan supaya aku sentiasa membaca al-Quran. Barangsiapa yang menurut petunjuk (al-Quran dan beramal dengannya) maka faedah perbuatannya itu akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat, maka katakanlah kepadanya: Sesungguhnya aku hanyalah seorang pemberi amaran.* (Al-Naml: 92)

Alhamdulillah, dapat hadir ke majlis perasmian mesyuarat agung PIBG kali ke-8 dan terima kasih atas jemputan merasmikan mesyuarat agung ini sekaligus untuk meraikan anak-anak pelajar yang cemerlang semoga dengan keraian ini menambahkan lagi semangat mereka dan insyaallah tidak mustahil Maahad Tahfiz Bustanul Arifin ini akan menjadi salah satu sekolah yang terbaik di bawah YIK.

Saya ucapkan tahniah juga kepada YIK yang telah merangka pelan kecemerlangan bagi sekolah-sekolah YIK dan menerapkan falsafah pendidikan Islam sesuai dengan dasar Membangun Bersama Islam yang menjadi tonggak pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Dalam hal ini sukalah saya ingatkan bahawa falsafah pendidikan Islam ialah falsafah yang berteraskan wahyu sebagai sumber berbeza dengan falsafah pendidikan yang lain. Manakala tujuan pendidikan pula ialah untuk mencari keredhaan Allah SWT, inilah yang telah ditegaskan oleh Imam al-Ghazali di dalam karyanya Ihya Ulumuddin dan karyanya bertajuk Ayyuhal Walad.

Ayat yang saya baca tadi berkait dengan kita membangunkan falsafah pendidikan ini dimulai dengan penerapan al-Quran dan pengamalan dengan tuntutannya. Inilah sebenarnya yang menjadi tunjang asas kepada falsafah pendidikan yang telah kita bina di negeri ini.

Di Barat, falsafah pendidikan yang diperkenalkan ialah falsafah yang berteraskan fakta semata-mata. Akal fikiran semata-mata dijadikan rujukan teras tanpa sebarang bimbingan wahyu menjadikan masyarakat Barat mungkin maju dari sudut pembangunan fizikalnya tetapi hancur dari sudut moral dan akhlak. Lahirlah masyarakat yang boleh duduk sebumbung di antara lelaki dan perempuan tanpa sebarang ikatan perkahwinan dan melahirkan zuriat yang di luar dari ikatan yang halal.

Di tanah air kita, diperkenalkan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan

kepatuhan kepada Tuhan. Akan tetapi penerapan nilai-nilai yang telah dianjurkan oleh al-Quran agak suram dalam falsafah pendidikan hari ini. Suka saya mencadangkan agar kembali kepada Islam yang telah menggariskan falsafah pendidikannya yang tersendiri iaitu menuntut ilmu dengan sentiasa menyebut nama Allah SWT, ilmu dituntut kerana Allah, penyebaran ilmu juga kerana Allah. Firman Allah SWT:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Yang bermaksud: *Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan.*

Inilah yang merupakan muqaddimah kepada perlantikan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul yang terakhir. Ayat yang pertama ini bukan memerintahkan terus supaya manusia patuh tunduk kepada Allah SWT, tetapi memberikan penekanan agar manusia membaca bagi membuktikan bahawa Islam didirikan di atas ilmu pengetahuan dan bukannya di atas kejahanan. Syarat pembacaan itu pula ialah dengan *bismirabbikallazi khalaq* iaitu dengan nama Tuhanmu Yang Menciptakan. Ini menunjukkan setiap usaha untuk menuntut ilmu pengetahuan wajiblah diasaskan di atas nama Allah SWT. Ini bagi membolehkan ilmu tersebut dimanfaatkan untuk kepentingan manusia sejagat.

Berlandaskan di atas hasrat melaksanakan falsafah pendidikan Islam ini, sukalah saya mengingatkan bahawa tugas YIK bukan hanya

menyediakan pendidikan tetapi memastikan ruh Islam ini hidup di dalam jiwa para pelajar. YIK perlu berperanan ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar muslim tetapi mukmin. Alhamdulillah, sehingga ke hari ini, sekolah-sekolah YIK telah menjadi contoh kepada sekolah lain dan pelajar yang keluar dari sekolah YIK ramai lahir sebagai pelapis kepimpinan di peringkat negeri dan negara.

Saya juga amat berharap agar YIK serta pihak sekolah agama memainkan peranan lebih aktif ke arah membentuk generasi ulama yang mampu muncul sebagai pemimpin masyarakat. Pelajar-pelajar perlu dilatih terus menerus di dalam aktiviti gerak kerja berpesatuan kerana ini amat membantu meningkatkan keupayaan seorang pelajar yang bakal terjun ke tengah masyarakat. Alhamdulillah, kepercayaan masyarakat semakin tinggi terhadap golongan ulama yang berpengetahuan agama di dalam bidang urus tadbir. Jika 23 tahun lepas, ada suara yang curiga kepada Tok Guru Dato' Bentara Setia dalam mentadbir kerajaan dengan serban dan pakaian yang dikatakan hanya sesuai di masjid, kini alhamdulillah tanggapan itu semakin berkurangan, bahkan generasi ulamak ini dapat memimpin dengan baik.

Para ibu bapa juga sewajibnya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan generasi pelapis ini. Guru membimbing di sekolah dan ibu bapa akan terus mendidiknya di rumah dari sudut akhlak, ilmu, ibadat dan lain-lain agar mereka lahir sebagai manusia yang bertaqwa. Ibu bapa perlu bersikap proaktif untuk menyumbang

ke arah usaha kejayaan anak-anak mereka selain daripada membantu dalam kebajikan pelajar, guru dan juga pembangunan sekolah.

Sempena meraikan juga kecemerlangan anak-anak pelajar pada hari ini, saya ambil kesempatan berpesan agar, pasakan niat dalam diri belajar bukan untuk manfaat diri sendiri, akan tetapi untuk masyarakat. Jaga adab dan disiplin dengan guru, hormati mereka dan jadikan mereka sebagai tempat kita berdiskusi dalam pelbagai thaqafah ilmu yang pelbagai di zaman canggih pada hari ini.

Dengan lafaz :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya merasmikan mesyuarat agung PIBG kali ke-8 Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin.

**MAJLIS PENYAMPAIAN HAK MILIK TANAH DAN  
BANTUAN SOSIAL KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
PERINGKAT JAJAHAN TUMPAT**

16 Zulkaedah 1435 / 11 September 2014  
Kompleks Penggawa Daerah Pengkalan Kubor, Kg Geting Tumpat

Firman Allah SWT:

وَهَذَا ذِكْرٌ مُبَارَكٌ أَنْزَلْنَاهُ أَفَأَنْتُمْ لَهُ مُنْكِرُونَ

Maksudnya: *Dan al-Quran ini adalah pengajaran yang berkat, yang Kami turunkan (kepada Nabi Muhammad); Dengan keadaan yang demikian maka patutkah kamu mengingkarinya? (Al-Anbiya: 50)*

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah dengan setinggi-tinggi kesyukuran yang mengizinkan kita untuk menjayakan majlis pada tengahari ini.

Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang menjayakan majlis ini khususnya pihak jajahan Tumpat di atas usaha menjayakan majlis ini juga saya ucapkan tahniah kepada bakal penerima hak milik tanah sekejap lagi.

Kerajaan negeri Kelantan amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat negeri ini, oleh sebab itu pelbagai program dirancang dan dilaksanakan dalam rangka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat, lebih-lebih lagi masalah yang bersangkutan dengan keperluan asas utama iaitu tempat tinggal.

Program pemberian hak milik tanah ini adalah salah satu daripada program kerajaan negeri untuk memberikan kesejahteraan dan keselesaan hidup kepada rakyat. Kerajaan sentiasa membela hidup rakyat, kita tidak mahu ada yang hidup melarat tanpa pembelaan terutamanya yang berkait dengan tempat tinggal.

Pemberian hak milik tanah hari ini di peringkat jajahan Tumpat adalah salah satu bukti sikap kerajaan negeri kepada rakyat di negeri ini. Kita tidak mahu menjadi sesetengah pihak yang hanya membuat janji tapi permasalahan rakyat masih terabai. Panduan kita adalah semua yang terkandung dalam al-Quran, dan ini sebenarnya rahsia kekuatan serta keberkatan kerajaan kita kerana sentiasa merujuk formula-formula dan tuntutan al-Quran, sebagaimana ayat yang telah saya baca di awal ucapan tadi. Kita di peringkat kerajaan amat bersyukur dengan rezeki yang Allah beri kepada kerajaan kita walau amat terhad untuk kita laksana beberapa projek berskala besar, akan tetapi program-program kebajikan dapat kita teruskan dengan baik. Kita yakin dengan apa yang dinyatakan Allah dalam al-Quran sebagaimana firmannya:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زَيْدَ نَحْنُ وَلِئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ

عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah pedih.* (Ibrahim: 7)

Sememangnya menjadi dasar kerajaan, kita mentadbir mengikut prinsip-prinsip Islam, dan kita meletakkan keutamaan yang tinggi dalam memberi pembelaan terhadap rakyat terutamanya yang miskin dan dhaif termasuklah mereka yang mempunyai masalah penempatan. Hak milik tanah atau lot-lot tanah yang diberikan kepada mereka yang dhaif ini adalah sebahagian daripada program kerajaan iaitu sebuah rancangan kerajaan untuk membantu rakyat susah untuk mendapat tapak rumah yang sesuai selain dari kemudahan-kemudahan infrastruktur lainnya yang akan disediakan oleh kerajaan.

Pihak kerajaan tidak mengamalkan sikap bermuka-muka atau memilih kroni dalam urusan membantu rakyat susah jauh sekali untuk jadikan ia sebagai isu politik. Sebab itulah dalam pilihan raya, untuk pemberian bantuan, semua rakyat yang layak dan memenuhi syarat tanpa mengira fahaman politik, tetapi mereka akan mendapat pembelaan. Semua penduduk negeri Kelantan adalah rakyat negeri ini dan tidak ada sebab untuk kerajaan mengasingkan rakyat dengan sebab pelbagai fahaman yang berbeza, Islam mengajar agar kita berkebajikan untuk semua, muslim dan non-muslim, begitu juga yang sealiran dengan pandangan kita dan yang bercanggah dengan pandangan kita, kehidupan dalam sesebuah negeri perlu diutamakan dari sudut membentuk rasa kasih sayang dan saling bantu membantu.

Tuan-tuan yang bakal menerima hak milik tanah ini perlu juga ingat bahawa pemberian ini adalah untuk tuan-tuan dirikan rumah untuk tempat tinggal keluarga dan memudahkan urusan pengajian serta keselesaan kepada anak-anak yang masih belajar di sekolah,

janganlah pula ada di kalangan kita yang ambil kesempatan untuk mendapat keuntungan segera dari pemberian ini lalu dijual tanah-tanah yang baru sahaja kerajaan bagi. Bersyukurlah atas anugerah Allah kepada kita melalui sumbangan kerajaan dan pihak kerajaan tidak menuntut apa-apa daripada tuan-tuan melainkan doa dan sokongan padu agar kerajaan kita dapat melaksanakan syariat Islam sepenuhnya di negeri ini sebagaimana yang telah kita isytihar bahawa insyaAllah, jika Allah memudahkan segalanya, kerajaan negeri ini akan laksanakan undang-undang Islam iaitu hudud, qisas dan takzir pada tahun hadapan insyaallah, doakanlah usaha yang telah lama ini dimakbulkan Allah.

Akhirnya marilah kita ungkap rasa syukur kepada Allah dengan pelbagai nikmat kepada kita dan negeri ini, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan majlis ini. Semoga apa yang kita usahakan ini mendapat ganjaran di sisi Allah, insyaAllah.

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT KOMERSIAL HARMONI  
SQUARE TANAH MERAH**

9 Zulkaedah 1435 / 4 September 2014  
Pejabat Tapak Pembangunan Harmoni Square Taman Pingat  
Harmoni Tanah Merah Kelantan

Firman Allah Taala:

لَا يَأْتِي فِي قُرْيَشٍ ۝ إِلَّا لِفِئَمْ رِحْلَةً أَلْشِتَاءً وَالصَّيفِ ۝ فَلَيَعْبُدُواْ  
رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ۝ الَّذِي أَطْعَمَهُم مِّنْ جُوعٍ وَآمَنَهُم مِّنْ  
خُوفٍ ۝

Maksudnya: *Dengan sebab kebiasaan aman tenteram bagi kaum Quraisy iaitu perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman) dan pada musim panas (ke Negeri Syam). Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan Yang Menguasai Kaabah ini, Dialah Tuhan yang menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan.* (Quraisy: 1-4)

Alhamdulillah, kita panjatkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah keizinanNya, kita dapat menjayakan majlis perasmian Harmoni Square di Tanah Merah pada hari ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Pingat Harmoni Development Sdn Bhd di atas penganjuran majlis ini yang bagi saya sangat-sangat bermakna khususnya di dalam membangunkan pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Ucapan terima

kasih saya rakamkan kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan perasmian pada pagi ini.

Islam sendiri pada hakikatnya sudah menggariskan panduan-panduan asas di dalam kita menguruskan agenda ekonomi serta pelaburan. Bahkan Allah SWT sendiri telah menceritakan sikap orang-orang Quraisy sebelum kedatangan Islam yang suka bermiaga dan menguruskan aktiviti ekonomi sebagaimana dalam ayat yang saya bacakan tadi. Ini menunjukkan amalan perniagaan yang merupakan nadi kepada ekonomi tidak ditegah oleh Islam, cuma diperintahkan agar jangan lupa untuk bersyukur kepada Allah SWT di atas nikmat yang dikurniakan. Ertinya, model ekonomi Islam haruslah berteraskan syukur kepada Allah SWT. Manusia diajar untuk meyakini bahawa harta yang dimiliki bukanlah merupakan milik mutlaknya, tetapi merupakan kurniaan Allah SWT yang wajib disyukuri dan dikeluarkan zakat. Zakat adalah cara kita menyucikan harta yang kita perolehi dan asas kepada zakat ialah kebajikan untuk memberikan kesenangan kepada golongan miskin. Firman Allah SWT :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ بِهَا

Yang bermaksud : *Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka* (At-Taubah: 103)

Ibn Khaldun, di dalam kitabnya yang terkenal, iaitu Al-Mukaddimah menyentuh banyak perkara ekonomi seperti nilai, buruh, sistem harga, hukum permintaan dan penawaran, penggunaan dan pengeluaran,

wang, modal, kewangan negara dan lain-lain. Beliau yang berasal dari Hadramaut dan berpindah ke Andalus merupakan seorang tokoh ekonomi yang banyak mengenangkan teori ekonomi penting yang mendahului Adam Smith dengan jarak waktu 400 tahun. Di antara perkara asas yang dinyatakan oleh beliau ialah beberapa prinsip dan falsafah ekonomi seperti *fairness* (keadilan), *hardworking* (kesungguhan), *cooperation* (kerjasama) dan kesederhanaan dalam mengurus kewangan. Justeru, amalan ekonomi yang tidak ditunjang dengan diskriminasi perlu menjadi amalan di dalam merancang dan membentuk model ekonomi yang berkesan.

Jika ditinjau di dalam sejarah, perancangan dan aktiviti ekonomi yang pesat sudah berlaku di zaman Nabi Yusuf a.s yang menjadi Menteri Ekonomi pertama di Mesir. Baginda telah meletakkan atas ilmu ekonomi dengan menubuhkan unit perancangan ekonomi yang rapi bagi memastikan negara mempunyai bekalan yang mencukupi apabila menghadapi musim kemelesetan. Namun begitu kegiatan ekonomi pada awal Islam agak terbatas dengan kegiatan jual-beli sahaja di pasaran yang mudah. Mulai abad kedua Hijrah bermulalah beberapa kajian mengenai kegiatan ekonomi secara khusus dan lahirlah tulisan-tulisan mengenai hukum riba, sistem harga, monopoli, percukaian, zakat, kewangan kerajaan dan sebagainya. Tulisan-tulisan ini membicarakan hukum-hakam muamalat mengikut mazhab masing-masing.

Di dalam konteks Kelantan sebagai sebuah negeri yang bernaung di Malaysia, hak-hak yang perlu ditunaikan tidak boleh dinafikan sama

sekali. Royalti minyak yang digali dari perut bumi Kelantan sebagai contoh, yang dimeterai dengan jelas berdasarkan perjanjian hitam putih tiba-tiba dinafikan dalam tempoh yang panjang merupakan salah satu amalan diskriminasi yang bertentangan dengan semangat keadilan dalam berekonomi. Tindakan seperti inilah yang akan menghakis kepercayaan dan keyakinan para pelabur untuk berurus. Berhubung isu seperti inilah, Ibn Khaldun telah menekankan bahawa keadilan merupakan tulang belakang dan asas kekuatan sesebuah ekonomi. Apabila keadilan tidak dapat dilaksanakan, sesebuah negara akan hancur dan musnah.

Selain itu, saya juga berpandangan bahawa model ekonomi yang berteraskan konsep langit terbuka pada hari ini perlu disantuni dengan lebih telus dan gigih. Dari sudut ekonomi, Kelantan insyaAllah sedang berusaha menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih mantap dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Kerajaan negeri sebenarnya serius dengan pelbagai usaha untuk menarik pelabur bagi melabur di Kelantan sama ada pelabur dari dalam atau luar negara. Sejumlah peruntukan sebanyak RM 600 ribu telah diperuntukkan untuk misi pelaburan luar negara bagi menarik lebih banyak pelaburan asing langsung ke negeri kita. Ini termasuklah kita adakan pelaburan ke China dan timur tengah bagi melabur dalam industri berasaskan sumber mineral yang terdapat dalam negeri seperti industri simen, petroleum, gas dan juga dalam industri halal. Dalam menjayakan siri-siri pelaburan tersebut kerajaan mengunjurkan nilai pelaburan yang dapat dijana sebanyak RM 12 billion bagi tempoh 3 tahun bermula tahun ini.

InsyaAllah, kita mengharapkan selepas ini Kelantan sebagai sebuah negeri di Malaysia yang paling hampir dengan China dari sudut geografinya boleh menjadi pintu masuk kepada pelbagai produk khususnya produk halal yang mempunyai pasaran yang amat berpotensi di Malaysia pada hari ini. Mengambil pengajaran daripada surah Quraisy tadi di mana Allah SWT menjelaskan sikap bangsa Quraisy yang sering berulang-alik ke Syam dan Yaman untuk bermiaga, maka hari ini kita perlu berusaha lebih serius dalam membuka pintu perdagangan di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, besarlah harapan kerajaan agar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa dapat diperbesarkan dan dinaiktaraf sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa untuk memudahkan urusan hubungan ekonomi dua hala di peringkat antarabangsa.

Pusat Komersial yang dibina ini adalah salah satu pemangkin kepada ekonomi setempat dan bila projek ini siap sepenuhnya saya yakin ia akan dapat menjana peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk setempat dan saya difahamkan seramai 3,400 peluang pekerjaan akan tersedia kepada penduduk tempatan nanti. Ini adalah satu perkara yang membanggakan pihak kerajaan dalam usaha kita membangunkan zon-zon komersial di negeri ini.

Alhamdulillah, perancangan-perancangan ekonomi yang rakyat kita telah usaha dan akan laksanakan membuktikan bahawa Kelantan dan rakyatnya tidak pernah ketinggalan di dalam arus kemajuan. Saya yakin insyaAllah, jika perancangan yang ada disertai dengan pelaksanaan berbekalkan iman dan taqwa kepada Allah SWT,

Kelantan dan rakyatnya akan sentiasa dilimpahi dengan segala macam keberkatan. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Haji Mohd Rasid Mohamad, Pengarah Pingat Harmoni beserta seluruh warga kerja yang telah mengusahakan satu pusat komersial yang sangat strategik dalam masa yang sama memberi imej yang baik dari sudut pembangunan ekonomi negeri ini.

Dengan lafaz :

Bismillahirrahmanirrahim

Saya rasmikan Pusat Komersial Harmoni Square ini.

## **PROGRAM KENEGARAAN YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)**

10 September 2014  
Pusat Tarbiyah Islam Kelantan (PUTIK)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على رسوله الأمين وعلى آله وأصحابه أجمعين:

Firman Allah yang bermaksud:

*Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah). (Fussilat: 33)*

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berada dalam majlis yang insyaAllah diberkati Allah ini dan saya hadir di sini mewakili YAB Menteri Besar Kelantan bagi merasmikan program kenegaraan YIK kali ini.

Program-program Yayasan Islam Kelantan ini selalu saya ikuti dan alhamdulillah saban hari saban minggu mempunyai aktiviti pendidikan dan tarbiyah kepada pelajar yang amat baik. Saya ingin menyatakan hasrat YAB Menteri Besar di sini, yang beliau sentiasa sebut saya ingin tegaskan bahawa; kita mahu lahirkan dari setiap

sekolah YIK seorang murabbi ummah, mujtahid, ulamak yang dijadikan rujukan ummah dan pakar dalam bidang tertentu suatu hari nanti.

Itu adalah harapan Menteri Besar yang sentiasa disebut oleh beliau setiap kali bertemu pelajar-pelajar di sekolah YIK. Kita bina pelajar-pelajar dari sekarang dan kita ingin melihat hasil setelah mereka keluar dari Universiti satu hari nanti. Perancangan ini mesti ada dalam pemikiran setiap pendidik YIK, barulah kita di peringkat kerajaan sentiasa mempunyai pelapis di masa hadapan. Persediaan untuk melahirkan generasi pelapis ini kita sudah buat, YIK sudah pun ada prasarananya, kita sudah ada sekolah tahfiz, tahfiz sains, pembelajaran bahasa arab dengan manhaj yang baik dan subjek agama yang sudah mampu untuk lahirkan daie. Tetapi jika pendidikan ini hanya tertumpu kepada melatih pelajar hanya untuk mereka cemerlang di gelanggang sekolah sahaja, kita masih belum berjaya.

Tujuan kita mempelajari dan mendalami ilmu Allah adalah untuk menjadi hamba Allah yang direhui dan sentiasa diberi petunjuk dalam kehidupan di dunia. Bila Allah kasih dan sayang seseorang itu, Allah pasti akan memberi kefahaman kepadanya tentang ilmu agama supaya dia faham ajaran dan tuntutan Allah yang perlu dilaksanakan.

Di sini saya ingin cadangkan agar pelajar-pelajar YIK dapat melaksanakan beberapa perkara berikut iaitu:

### **Membina budaya menulis dan membaca**

Budaya membaca ini perlu dikuasai dan menjadi amalan seharian mahasiswa, bahkan mahasiswa mesti ada azam untuk mengeluarkan penulisan karyanya sendiri. Kewibawaan ilmu boleh diukur dengan penulisan dan apabila banyak membaca.

### **Bina kebangkitan rohani/dalamam**

Soal pembentukan hati dan rohani ini mesti dibina di peringkat mahasiswa secara serius. Tarbiah mesti didahulukan. Program yang melibatkan tarbiah ini dijadikan agenda utama. Intelek atau pakar tahap yang hebat sekalipun tanpa ada tarbiah maka akan rosak juga.

### **Terlibat dengan aktiviti persatuan dan kokurikulum**

Hal ini akan melahirkan adik-adik pelajar sebagai seorang yang berketerampilan suatu hari nanti.

Ilmu yang adik-adik pelajari kena dijaga dengan baik kerana ilmu itu adalah cahaya dan cahaya dengan kegelapan maksiat ini boleh sekali. Bila maksiat dibuat, ilmu susah untuk dipelajari apa lagi jika kita hendak hafaz dan amalkannya. Imam Syafie ada berpesan kepada penuntut ilmu katanya yang bermaksud:

*Ilmu itu adalah cahaya dan cahaya Allah tidak disampaikan kepada orang yang buat maksiat.*

Semoga yang ada di hadapan saya pada hari ini dapat keluar nanti sebagai rujukan masyarakat dan negara insyaAllah, akhirnya saya dengan ini rasmikan himpunan kenegaraan ini.

## **MAJLIS PENUTUPAN PESTA KEBUDAYAAN CINA MALAYSIA KE-31**

21 September 2014  
Hotel Renaissance Kota Bharu

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dan Salam Sejahtera

Allah berfirman di dalam al-Quran , surah Al-Hujurat ayat ke 13

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ دَرْجَتٍ وَأَنْتُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ  
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ

Yang bermaksud: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu berkenalan-kenalan (iaitu beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. (Al-Hujurat: 13)

Alhamdulillah, saya amat gembira pada malam ini dapat berada dalam majlis penutupan pesta kebudayaan Cina Malaysia kali ke-31 yang saya difahamkan pesta kebudayaan peringkat kebangsaan ini diadakan secara bergilir dengan negeri-negeri lain dan pada tahun ini, Gabungan Pertubuhan Tiong Hwa Kelantan telah dipilih menjadi tuan rumah bagi pesta kebudayaan Cina Malaysia kali ke-31 ini, tahniah

saya rakamkan kepada Gabungan Pertubuhan Tiong Hwa Kelantan yang juga telah menziarahi ke pejabat saya pada baru-baru ini.

Saya sengaja membacakan ayat al-Quran di awal ucapan saya tadi, bagi menyatakan bahawa al-Quran kitab bagi umat Islam sebenarnya telah menyatakan tentang hubungan erat bangsa dan kabilah ini. Manusia keseluruhannya adalah dicipta untuk berkenal-kenalan dan menjalinkan hubungan baik sesama mereka. Islam sendiri mengajar umatnya tentang perkara ini, dan orang yang paling baik di sisi Tuhan ialah yang bertaqwah atau dalam istilah bahasa kita orang yang baik, berjurus dan tidak melakukan perkara khianat, ini adalah orang yang taqwa. Hakikatnya, Islam sendiri tidak pernah membenarkan sebarang penindasan di atas nama kaum.

Jika ditinjau di dalam sejarah, Islam telah disempurnakan hal keagamaannya melalui perutusan Nabi Muhammad SAW yang berbangsa Arab. Sekalipun berbangsa Arab, namun di tengah-tengah sikap orang-orang Arab yang berbangga dengan darah keturunan, Islam tetap diterima dengan baik oleh bangsa-bangsa selain Arab. Lalu kita membaca tentang sejarah kemunculan sahabat-sahabat nabi seperti Salman yang berbangsa Parsi atau sekarang ini Iran, Bilal yang berbangsa Habsyi atau kini dipanggil Ethophia dan Suhaib yang berbangsa Rom, Itali. Demikianlah Islam tidak pernah memandang perbezaan darah dan warna kulit sebagai satu isu yang penting.

Islam mengiktiraf kemuliaan setiap manusia tanpa mengira etnik. Saya rasa agama tuan-tuan juga memberi pengiktirafan tentang kemuliaan manusia ini dan menolak dasar permusuhan. Oleh itu, tidak boleh berlaku perbezaan atau penafian hak berdasarkan etnik. Dalam Islam dinyatakan bahawa manusia secara fitrah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecahbelah dan bermusuhan. Hal ini jika manusia menurut apa yang agama suruh dan tinggal apa yang agama larang. Itu pra-syarat kepada wujudnya suasana harmoni dan kasih-sayang dalam masyarakat walaupun ada kepelbagaian kaum dan bangsa.

Jika kita teliti, bangsa Cina di Kelantan ini dari sudut pergaulan dan bahasa percakapannya tidak ubah seperti orang Melayu Kelantan, bahkan mereka boleh membaca jawi hasil dari mendapat pendidikan di sekolah aliran Melayu selain pergaulan yang rapat sejak kecil dengan rakan mereka yang berbangsa Melayu. Nama-nama pun kadang-kadang sama dengan nama orang Melayu seperti Gan Awang, Tan Awang Besar, Che Hassan, Che Midah, Mek Su dan nama-nama lain. Bagi saya masyarakat Cina di Kelantan ini sangat matang dalam mengendalikan komunikasi dan bidang kerjaya masing-masing sama ada dengan masyarakat tempatan atau antarabangsa. Ini kerana masyarakat Cina di Malaysia ini, asalnya datang dari Kelantan sebagaimana beberapa pandangan pihak pengkaji sejarah. Hal ini

kerana berdasarkan sebuah patung lama Ma Chor Bew di tokong Sui Yek Khong di Pulai, Gua Musang, yang mana patung ini dikesan berasal dari zaman Dinasti Ming yang memerintah negara China antara tahun 1368 sehingga 1644.

Apabila saya diamanahkan menjawat jawatan Menteri Besar Kelantan menggantikan YB Tok Guru Nik Abdul Aziz, saya meneruskan dasar-dasar yang sangat baik yang diasaskan di zaman beliau seperti sentiasa mewujudkan suasana keharmonian kaum. Setakat ini saya sendiri telah turun ke beberapa kawasan yang didiami masyarakat Cina dan juga Siam untuk saya menjalinkan hubungan erat sebagai pemimpin bersama rakyat. Saya adalah menteri besar untuk semua, baik Melayu, Cina, Siam, India dan lain-lain bangsa, tidak hanya kepada orang Melayu sahaja. Hak-hak rakyat yang tidak beragama Islam tetap kita pelihara dan jaga. Hakikatnya, keharmonian kaum dan kebajikan non-muslim sebenarnya telah lama terpelihara di bumi Kelantan ini. Sewaktu rusuhan kaum tahun 1969 lagi, pada masa itu Allahyarham Dato Asri Muda sebagai Menteri Besar Kelantan telah memanggil semua penghulu-penghulu untuk diberikan arahan khas bagi memastikan orang-orang Cina yang sedang menjadi mangsa rusuhan di Pantai Barat terjamin keselamatannya di bumi Kelantan. Alhamdulillah, tidak ada sedikit pun pertumpahan darah berlaku di Kelantan.

Pada hari ini hubungan orang Melayu dan Cina amat erat, orang-orang Melayu juga amat gemar mempelajari bahasa Cina, khususnya

di Kelantan ini ramai anak-anak orang Melayu yang dihantar ke sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, mereka berkawan antara satu sama lain dengan erat di sekolah, berkongsi pandangan dan ramai yang menjalankan kegiatan perniagaan bersama, ini adalah semangat yang dianjurkan oleh agama tadi agar saling kenal-mengenal dan seterusnya bantu-membantu antara satu sama lain.

Inilah kehamronian yang telah lama wujud di negeri Kelantan. Anak-anak kita Melayu, Cina dan India bukan sahaja berkawan di sekolah, malahan boleh bertandang ke rumah masing-masing setiap kali perayaan atau semasa sakit. Budaya di Kelantan yang memanfaatkan nilai-nilai Islam telah membina satu masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi tinggi. Orang Islam yang menghayati nilai Islam yang murni telah menegakkan perpaduan kaum yang erat ini tanpa apa-apa paksaan dan hasad dengki antara satu sama lain. Hal inilah yang saya di peringkat pentadbir negeri mahu diterapkan dalam segenap hati-hati masyarakat kita, agar kita dapat hidup dengan penuh sentosa, negeri kita terus membangun dan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain.

Setelah setahun lebih saya mentadbir negeri ini bersama exco-exco yang lain, dasar yang dibawa oleh Tok Guru iaitu Membangun Bersama Islam diteruskan dan pada kali ini saya merencanakan tonggak utama pada dasar ini agar ianya dapat dijelmakan ke dalam hati dan perilaku rakyat negeri ini. Tonggak kepada dasar itu ialah

“Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan” sebagai langkah fasa kedua bagi merakyatkan Membangun Bersama Islam.

Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan ini membawa maksud cita-cita kerajaan negeri Kelantan untuk menerapkan Membangun Bersama Islam di dalam kehidupan rakyat. Setelah 24 tahun Kelantan dibentuk dengan acuan Membangun Bersama Islam, ia sewajarnya sudah berakar umbi ke dalam kehidupan rakyat dan membawa hasil yang dapat dilihat.

Oleh yang demikian kerajaan berusaha untuk turun ke bawah bersua dengan akar umbi bagi merasai sendiri denyut nadi rakyat untuk dibawa ke perhatian kerajaan. Kita perkenalkan program yang dinamakan “Jalinan Mesra Menteri Besar Bersama Rakyat” di setiap jajahan di mana Alhamdulillah, setakat ini hampir kesemua jajahan berjaya diadakan program ini. Matlamat daripada program ini ialah untuk memberikan peluang kepada rakyat bertemu mata bersua muka dengan pihak kerajaan sama ada muslim juga non muslim. Di sebelah pagi bermula jam 11 pagi kita akan bertemu terlebih dahulu masyarakat pelbagai kaum yang bukan Islam bagi menyantuni mereka dan ini adalah agenda yang utama dalam program jalinan mesra ini.

Sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas jemputan ini semoga jalinan mesra ini akan tersemai selamanya dan bagi pihak kerajaan saya sentiasa memantau dan melihat permasalahan bagi masyarakat Cina yang kita wakili khusus di peringkat exco yang berbangsa Cina, YB Dato’ Anuar Tan sebagai ketandaan prihatin kerajaan kepada masyarakat Cina di negeri ini. Akhirnya saya

rasmikan upacara penutupan pesta kebudayaan Cina Malaysia kali ke-31 ini, semoga terus cemerlang.

Terima kasih semua dan Assalamualaikum.

## SOLIDARITI RAKYAT KELANTAN BERSAMA GAZA

5 September 2014  
Padang Perdana Kota Bharu

Firman Allah Taala:

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ  
سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَاتَلُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ

الْحَرِيقِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang (Yahudi) yang menyatakan: bahwasanya Allah itu miskin dan kami yahudi ialah orang-orang kaya. Allah akan menuliskan perkataan yang mereka ucapkan itu dan perbuatan mereka yang membunuh para Nabi tanpa sebarang alasan yang membenarkannya, dan Kami akan katakan kepada mereka: "Rasalah kamu azab seksa yang sentiasa membakar. (Al-Imran: 181)

Umat Islam hari ini menghadapi kepungan jahiliyah moden di seluruh dunia. Belumpun reda penderitaan dan kesengsaraan umat Islam di Syria, Afrika Tengah, Myanmar, Mesir dan seumpamanya, Palestin pula kembali menjadi tempat persinggahan tetap bagi tragedi peperangan dan penindasan yang dilakukan oleh Zionis Israel. Palestin sering menjadi mangsa serangan Zionis Israel bagi menanamkan kebencian mereka terhadap Islam. Rakyat Palestin

menjadi mangsa penindasan kerana mereka tidak mengiktiraf negara haram Israel. Inilah yang telah ditegaskan Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 217:

وَلَا يَرْأُونَ يُقَاتِلُوكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَنِ دِينِكُمْ إِنْ اسْتَطَاعُوا

*Maksudnya: Dan sentiasalah mereka (golongan musyrikin) memerangi kamu sehingga mereka memalingkan kamu daripada agama kamu jika mereka mampu berbuat demikian.*

Zionis Israel ini adalah musuh kita yang nyata pada hari ini. Zionis Israel adalah negara yang paling banyak melanggar Resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu lebih daripada 80 Resolusi sejak penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945.

Mereka telah menubuhkan negara haram Israel sejak pencerobohan pada tahun 1948 bermakna telah 60 tahun menjajah bumi suci para anbiya' dengan memasukkan bangsa Yahudi melalui beberapa perjanjian yang dicapai seperti Perjanjian Oslo 1 (1992), Perjanjian Oslo 2 (1995) dan banyak lagi dengan itu setiap kali perjanjian diadakan kemasukan Yahudi turut bertambah semasa pemerintahan Ariel Sharon telah melakukan pembunuhan beramai-ramai secara kejam ke atas lebih daripada 2,750 bangsa Palestin di khemah-khemah pelarian Sabra dan Shatila pada tahun 1982.

Menjadi kewajipan kita untuk turut merasai penderitaan dan keperitan yang dialami oleh saudara kita di Gaza, serentak dengan itu kita

haruslah menghulurkan bantuan berupa doa dan harta benda yang ada pada kita. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ لَمْ يَهْتَمْ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ وَمَنْ أَصْبَحَ وَهَمُّهُ غَيْرَ اللَّهِ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ

*Siapa yang tidak mengambil berat urusan umat Islam maka ia bukanlah daripada golongan umat Islam, dan sesiapa yang pada pagi hari mengutamakan perkara selain daripada agama Allah, maka bukanlah dia daripada golongan yang direhái Allah. (Riwayat al-Tabarani)*

Selama lebih 70 tahun, umat Islam di Palestin hidup di medan peperangan. Mereka berada di tengah-tengah kekejaman penajah durjana bernama Zionis Israel. Mereka ditindas dan dizalimi tanpa belas dan simpati. Orang-orang tua diusir keluar dari tanah air, kaum lelaki mereka dikelar dan ditembak mati, wanita diperkosa dan dibelah perutnya, kanak-kanak dibunuh dan dicuri organ-organnya, manakala rumah kediaman dihancurkan dan dibakar sejak sekian lama.

Para Pemimpin dan ulama' besar Palestin seperti Syeikh Izzudin al-Qassam, Syeikh Ahmad Yassin, Dr. Abdul Aziz al-Rantisi dan lain-lain telah menemui syahid dihujung senjata Zionis Israel yang kejam. Para mujahid dan pemuda-pemuda Islam yang muah mempertahankan tanah air mereka, ditangkap dan dikurung puluhan tahun lamanya, dalam bilik kurungan yang sempit dan serba gelap

serta diperlakukan seperti binatang. Demikianlah firman Allah berbunyi:

لَتَحِدَّنَ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ آمَنُوا إِلَيْهُو وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا

Maksudnya: *kamu akan dapati, manusia yang paling bermusuh dengan orang-orang yang beriman ialah kaum Yahudi dan orang-orang yang menyekutukan Allah.* (Al-Maidah: 82)

Kebanyakan umat Islam hari ini masih lagi tidak memahami dan kurang arif terhadap isu-isu berkaitan dengan Palestin yang membabitkan umat Islam dan kepentingannya kepada dunia Islam. Situasi ini termasuklah konflik antara Palestin dan regim Israel. Ramai yang mengatakan bahawa ia hanya satu konflik politik dunia Arab. Ada yang mengatakan bahawa ia soal perkauman, soal agama, pembersihan etnik dan lain-lain. Selain itu, masyarakat menganggap bahawa isu Palestin sebagai isu perjuangan agama Islam dan isu penduduk Palestin sahaja. Bahkan terdapat juga umat Islam yang langsung tidak mengetahui dan mengambil peduli mengenai Baitul Maqdis dan Palestin. Keadaan ini menggambarkan seolah-olahnya Palestin adalah dunia yang asing dan tidak pernah wujud di muka bumi ini. Sedangkan konflik di Palestin itu melibatkan isu tanah, isu kemerdekaan, isu kedaulatan dan isu keperibadian sesebuah bangsa, isu keadilan dan kemanusiaan sejagat. Betapa liciknya musuh Islam permainskan isu Palestin ini dan sebab itu kalau kita sedari, peta Palestin tiada dalam Google Maps sedangkan semua negara dunia yang lain ada.

Kesatuan Ulama Islam Sedunia yang dipengerusikan oleh Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi dan Presiden PAS telah dilantik sebagai orang kedua terpenting mengendalikan kesatuan ulamak sedunia ini telah mengusulkan kepada negara-negara umat Islam agar membantu umat Islam di Palestin, khususnya kerajaan HAMAS yang dipilih secara demokratik. Beliau telah mengeluarkan fatwa yang menegaskan, wajibnya umat Islam menghulurkan bantuan kepada Palestin.

Kita menyeru rakyat Kelantan untuk menderma serta menyumbang fisabilillah dan ini adalah jihad kita disini. Firman Allah:

وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ آمَنُوا بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقَهُمُ اللهُ وَكَانَ اللَّهُ بِهِمْ عَلِيمًا

Maksudnya: *Dan apalah (kerugian) yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mereka mendermakan sebahagian dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka? (Ingalah) Allah sentiasa mengetahui akan keadaan mereka.* (Al-Nisa': 39)

Jadi, kita keluar infaq semampu yang boleh, kita ingin kutip bermula malam ini dan dalam tempoh seminggu ini satu dana yang besar bagi membina Gaza baru yang akan disalurkan melalui saluran rasmi yang sah.

Sumbangan yang diberikan ini kita akan gunakan untuk membina Gaza baru yang telah teruk musnah. Setakat ini dilaporkan lebih 17,000 unit

rumah penduduk Gaza yang musnah. Untuk bangunkan Gaza ini sememangnya mengambil masa yang lama, mungkin jangka masa 15 hingga 20 tahun baharu boleh siap sepenuhnya usaha pemulihian infrastruktur dan tenaga manusia. Usaha membina semula Gaza ini dijangka akan menelan kos sebanyak 6 bilion USD atau bersamaan RM 18.9 bilion. Ini adalah satu kos yang sangat besar dan memerlukan seluruh masyarakat antarabangsa untuk membantu Gaza.

Pihak kerajaan negeri Kelantan merakamkan ucapan tahniah kepada Presiden Turki baru Erdogan, di atas usahanya yang pantas membantu mangsa serangan Israel baru-baru ini dan juga tahniah kepada Raja Qatar, Syeikh Tamim bin Hamad Ali Thani yang telah isytihar bahawa kerajaan Qatar akan membantu bangunkan semula Gaza baru. Selain bantuan pembinaan semula Gaza, saya difahamkan kerajaan Qatar telah menyumbangkan 1,000 USD kepada setiap mangsa yang rumahnya telah musnah.

Di sini pihak kerajaan negeri Kelantan menuntut kepada pihak antarabangsa agar mendesak:

- 1) Supaya Israel membuka lebih banyak pintu masuk di sempadan dengan Gaza bagi membolehkan barang, termasuk bantuan kemanusiaan disalurkan dengan mudah.
- 2) Supaya negara Mesir membuka dan memudahkan urusan di sempadan Rafah bagi pihak bantuan kemanusiaan dari luar untuk memasuki Gaza.

- 3) Supaya diberi hak kepada rakyat Gaza untuk lebih banyak memajukan tanah ladang berdekatan dengan sempadan di samping membuka ruang di luar pantai Gaza tanpa had hanya 3 batu sahaja seperti sebelum ini bagi memudahkan nelayan Gaza mencari rezeki mereka.
- 4) Supaya pihak Israel membebaskan beratus-ratus tahanan Palestin yang ditahan di Tebing Barat ketika ini.
- 5) Supaya bantuan asasi segera seperti bekalan air bersih juga kemudahan-kemudahan pendidikan anak-anak Gaza disalurkan dengan mudah. Pembinaan segera sekolah, masjid termasuk lapangan terbang di Gaza yang telah ditutup pada tahun 2000 selepas dibom oleh Israel juga perlu diutamakan.

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat Islam seluruhnya ialah dengan memboikot barang buatan Israel dan Amerika Syarikat bagi menunjukkan rasa sokongan kepada rakyat Palestin yang telah dizalimi Zionis dan sekutunya. Hal demikian kerana dengan cara memboikot produk dan segala perkhidmatan mereka, ekonomi musuh mampu dilumpuhkan sekiranya semua masyarakat Islam melakukannya secara konsisten dan berterusan.

Sungguhpun keupayaan kerdil dimiliki oleh kita, marilah kita tunaikan hak persaudaraan terhadap saudara kita di Palestin dalam setiap ruang dan peluang yang mampu kita salurkan, sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah SAW:

مَثْلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهُمْ وَتَرَاحِمُهُمْ وَتَعَاطُفِهِمْ، مَثْلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُّوٌ  
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

*Perumpamaan orang-orang beriman dalam berkasih sayang mereka, hubungan naluri mereka dan persaudaraan mereka seperti satu jasad. Apabila satu anggota terasa sakit, maka seluruh anggota turut berjaga dan terasa sakit (demam). (Riwayat Muslim)*

Setiap kali berlaku serangan ke atas Gaza di Palestin, atau sebarang konflik dalam wilayah dunia Islam, Pertubuhan Kerjasama Islam, OIC, sering disebut dalam kenyataan-kenyataan, mendesak pertubuhan terbesar masyarakat Islam dunia itu bertindak.

Malangnya, realiti politik aliansi global tidak membenarkan peranan yang besar itu diambil oleh OIC, sebuah pertubuhan yang dikuasai oleh Arab Saudi dan tidak melibatkan diri dalam isu politik yang rumit.

Negara-negara Arab yang secara tradisi menguasai dunia Islam dan sekaligus OIC ialah Arab Saudi dan Mesir, dua negara yang juga sekutu kuat Amerika Syarikat.

Dua negara ini ialah negara yang tidak senang dengan Ikhwan al-Muslimin dan Hamas, kumpulan yang umumnya berkongsi falsafah perjuangan yang sama. Maka, amat sukar untuk melihat OIC yang dikuasai Saudi dan Mesir berupaya mengambil tindakan yang tegas dalam isu Palestin.

Mesir di bawah Abdel Fatah al-Sisi kini lebih kuat memusuhi dua kumpulan ini, dan tidak dapat diharapkan sama sekali untuk membantu dalam kes Gaza.

Dalam dunia Arab, politik serantau seperti konflik Syria dan Iraq biasanya ditangani melalui Liga Arab, yang kini juga dikuasai oleh Arab Saudi dan sekutu-sekutunya di Teluk Parsi.

Tindakan paling tegas diambil oleh Liga Arab sejak beberapa tahun lalu, pada 2011, ialah menggantung keahlian Syria, dalam satu tindakan yang memperlihatkan persaingan serantau melibatkan konflik di negara itu.

Syria yang bersekutu dengan Iran sejak 1979 kini digugat oleh Saudi, Qatar, Turki dan negara sealiran yang lain dalam usaha melemahkan paksi Syria-Iran dan kumpulan-kumpulan yang disokong mereka, yang paling utama Hizbulullah dan Hamas.

Syria dan Iran - dan juga Sudan - memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kekuatan persenjataan Hamas dan Hizbulullah dalam berdepan dengan Israel.

Syria dan Iran ialah pembekal utama senjata kepada Hamas dan Hizbulullah, yang menjadi satu sebab AS yang melindungi Israel mahu pakatan Syria-Iran diputuskan. Selain dua negara itu, Sudan berperanan sebagai satu saluran bekalan senjata dari Iran ke Hamas dan Hizbulullah. Kilang senjata, yang satu destinasi utamanya ialah Gaza, turut beroperasi di wilayah Sudan.

Pada tahun 2012, sebuah kilang senjata di Sudan, tidak jauh dari Khartoum, dibom, dipercayai oleh Israel sebagai usaha menjelaskan bekalan senjata kepada musuhnya di Gaza dan Lubnan. Kilang tersebut dikatakan dimiliki oleh Iran, dan dioperasikan untuk membekalkan senjata kepada musuh-musuh Israel di kawasan Syam.

Sudan sebelum itu pada 2009 menjadi sasaran serangan udara, dipercayai oleh AS ke atas konvoi membawa senjata. Satu serangan pada Januari dan satu lagi pada Februari, 2009, dilaporkan mengorbankan 88 orang.

Hari ini, Iran masih membekalkan senjata kepada Hamas dan juga semakin banyak kepada Jihad Islami yang berdepan dengan serangan Israel. Realiti politik serantau menunjukkan yang kuasa-kuasa Arab tidak diyakini untuk berdepan secara tegas dengan Israel, akibat pelbagai kepentingan dan keterbatasan.

Sebuah lagi negara Islam, Turki, telah menunjukkan kesediaan berdepan dengan Israel pada tahap tertentu, tetapi kedudukannya sebagai anggota Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara, Nato, menghalangnya daripada bertindak lebih tegas.

Realiti politik rantau Arab mendedahkan kompleksiti yang menjadikan sebarang tindakan tegas ke atas Israel sukar dilakukan oleh kuasa-kuasa Arab, terutama Mesir yang bersempadan dengan Gaza, yang kini dipimpin oleh al-Sisi. Kekuatan dan iltizam politik yang lebih kuat diperlukan oleh kerajaan-kerajaan negara Islam untuk membantu umat di Palestin.

Ini tidak bermakna usaha membantu terhad kepada kerajaan, kerana pertubuhan-pertubuhan kemanusiaan telah menunjukkan kemampuan dalam membantu warga Palestin. Tetapi, realiti politik melibatkan persaingan kuasa-kuasa di dunia Islam ini menjadikan penyelesaian masalah Palestin menjadi semakin sukar, dan bermakna serangan ke atas Gaza akan terus berulang.

Dalam menangani isu kekejaman Israel, selain bantuan kemanusiaan, penyelesaian politik tetap diperlukan kerana faktor kuasa negara yang menjadi penentu besar dalam hal ini. Tetapi, pada masa sama, perhatian yang serius juga perlu diberikan pada umat Muslim di negara-negara lain yang juga berdepan kezaliman seperti di Burma, Thailand, Filipina, dan Sri Lanka.

Tentang Negeri Syam yang disebutkan dalam hadis di atas, riwayat di bawah ini menjelaskan bahawa Negeri Syam yang dimaksudkan adalah Palestin. Hal itu sebagaimana yang disebutkan dari Abu Umamah, dia berkata: Rasulullahshalallahu alaihi wasallam bersabda, "Akan sentiasa ada sekelompok umatku yang berada di atas kebenaran, mengalahkan musuh-musuhnya, dan orang-orang yang memusuhi mereka tidak akan mampu menimpa bahaya terhadap mereka kecuali sedikit musibah semata. Demikianlah keadaannya hingga akhirnya datang urusan Allah. "Wahai Rasulullah, di manakah kelompok tersebut? "Tanya para sahabat. "Mereka berada di Baitul Maqdis dan pelataran Baitul Maqdis."

يَا ابْنَ حَوَّالَةٍ إِذَا رَأَيْتَ الْخِلَافَةَ قَدْ نَرَأَتِ الْأَرْضَ الْمُقَسَّةَ فَقَدْ أَئْتَ الرَّازِيزَ

Briged Hamas sekarang ini mampu mereka alat-alat perang yang canggih sehingga pelancar roket tercanggih yang dimiliki oleh Briged iaitu M-302 mampu menjangkau sehingga 160 km dengan berat kepala peledaknya 144 kg. Dengan kekuatan itu, pelancar ini mampu memusnahkan sebahagian besar kawasan negara haram Israel itu. Ini yang amat digeruni Israel sekarang. Hamas telah lancar perang dengan nama ‘Al-Asf Al-Ma’kul’ yang bermaksud daun kayu yang dimakan ulat. Jadi perang hamas ini akan menjadikan tentera-tentera zionis sama seperti itu dan ternyata sudah ratusan tentera mereka yang terbunuuh dengan hina. Mereka sekarang dalam ketakutan dan difahamkan ramai tentera mereka sekarang ini yang tidak mahu keluar berperang dan diambil tindakan disiplin oleh Komander mereka. Ini adalah kejayaan daripada serangan Al-Qassam tersebut.

## **MAJLIS PERASMIAN PROGRAM HALAQAH WACANA PEMIKIRAN TOK GURU**

16 Zulkaedah 1435 / 11 September 2014  
Dewan Bunga Teratai Kota Darulnaim

Firman Allah Taala:

أَنْظُرْ كَيْفَ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَلَلَا خِرَةُ أَكْبُرُ دَرَجَتٍ وَأَكْبُرُ

 تَفْضِيلًا

Maksudnya: *Lihatlah bagaimana Kami lebihkan sebahagian dari mereka atas sebahagian yang lain dan Sesungguhnya pemberian di akhirat lebih besar darjat-darjatnya serta lebih besar kelebihannya.*  
(Al-Isra': 21)

Alhamdulillah syukur kita kerana pada pagi ini saya dapat hadir bersama di awal majlis perasmian halaqah wacana pemikiran Tok Guru dan tajuk yang akan diperbincangkan pada hari ini ialah ‘Pemikiran Tok Guru; kehidupan dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah’.

Tok Guru Bentara Setia adalah salah seorang ulamak berkaliber dan pemimpin serta murabbi ummah yang sangat berpengaruh. Allah telah berikan kelebihan dan keizzahan pada dirinya, ini disebabkan Tok Guru adalah seorang yang amat menitik beratkan soal akhirat dalam pentadbirannya ketika mana beliau menjadi ketua kepada

kerajaan Kelantan. Allah telah mengangkat darjatnya di dunia lagi, pihak kawan dan lawannya amat menghormati dan mengiktiraf kepimpinan beliau dari sudut memandu sebuah kerajaan dan mengendalikan parti iaitu PAS.

Selepas Tok Guru meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar, saya tidak mahu idea-idea dan model pentadbirannya yang sangat unik dan menepati ajaran agama hilang begitu saja, jadi saya cetuskan agar diwujudkan satu institut bagi mengumpul dan membuat kajian terhadap pemikiran yang telah dicetuskan oleh Tok Guru dan kita mahu idea-idea baru Tok Guru sentiasa berlegar dalam pentadbiran kerajaan pada hari ini dalam kepimpinan yang telah diamanahkan kepada saya beserta ahli majlis mesyuarat kerajaan yang lain.

Kelantan telah melakar sejarah yang tersendiri dengan lahirnya ulamak-ulamak terkemuka serta sistem pengajian pondok di merata tempat bermula hujung abad ke-18. Sejarah juga telah menunjukkan betapa syariat Islam telah mencorak kehidupan masyarakat serta mendapat tempat dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri.

Dengan lahirnya seorang ulamak yang juga umarak iaitu Tok Guru, di mana beliau memulakan kariernya mengajar agama semenjak pulang dari Timur Tengah pada tahun 1962 lagi. Sehingga kini, sudah lebih 51 tahun beliau berkecimpung dalam bidang dakwah, iaitu 28 tahun sebelum dilantik menjadi Menteri Besar dan 23 tahun selepasnya. Hasil pembelajaran dan pengalaman yang dilaluinya melayakkan beliau tersenarai di antara orang yang paling berpengaruh di dunia.

Dalam menyampaikan ilmu agama, tafsir al-Quran adalah antara subjek utama yang mendominasi kuliah pengajiannya. Pengalamannya menuntut ilmu beberapa kitab tafsir seperti Tafsir al-Jalalayn, Tafsir Fi Zilal al-Quran, Tafsir al-Sha'rawi dan Tafsir al-Quran Ibn Kathir sebelum pulang ke tanah air menyebabkan beliau mempunyai sudut pandang yang tersendiri dalam menghuraikan maksud ayat. Ini dipadankan dengan cadangan jalan penyelesaian terhadap permasalahan *waqi'* dengan cara penyampaian gaya bahasa yang menarik serta mudah difahami masyarakat.

Beliau telah menghidupkan semula kegemilangan itu dengan mengasaskan dasar membangun bersama Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri setelah beliau diberi amanah sebagai ketua kerajaan selama 23 tahun bermula tahun 1990.

Jasa dan sumbangan Tok Guru dalam usaha mendaulatkan syariat Islam serta usaha gigih beliau untuk mencorakkan kehidupan rakyat Kelantan agar berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah tidak dapat dipertikaikan.

Pemikiran, pandangan dan pengalaman beliau perlu diteruskan dan dimanfaatkan walaupun beliau tidak lagi secara rasmi mentadbir kerajaan ini. Secara pemerhatian kasar, kekuatan yang ada pada Tok Guru adalah kehidupan peribadi beliau sendiri yang dibentuk melalui ilmu dan tarbiyah yang secukupnya. Sejarah pengajian, pergaulan, pengalaman berpolitik dan didikan disiplin ayahanda beliau Tok Guru Nik Mat Alim adalah faktor utama yang membentuk Tok Guru

muncul sebagai pemimpin ulamak seperti yang telah kita saksikan sebelum ini dan masa kini.

Hari ini, kita dapat melaksanakan satu wacana bersekitar pemikiran Tok Guru yang difokuskan kepada kehidupan sehari-hari beliau dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah yang akan dibentangkan oleh YB Dato' Dr Johari Mat, ahli dewan negara. Saya ucapkan terima kasih atas usaha yang amat baik ini daripada pengajur semoga manfaat daripada wacana ini dapat menjadi bahan rujukan dan bacaan kepada masyarakat dan juga kerajaan.

Sebelum ini sudah ada pihak yang telah mengkaji dan menulis tentang pemikiran dan biografi beliau seperti:

1. Mohamad Kamil Abdul Majid pada tahun 1993 bukunya yang bertajuk “Menyoroti Minda Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat”.
2. Rahimi Saarani tahun 1994 bukunya bertajuk “Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Peranan dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Islam di Kelantan.”
3. Haziyah Hussin. Tahun 1999 tajuk kajian ilmiahnya “Pemikiran Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam Tafsir al-Quran: Tumpuan Terhadap Surah Hud”,
4. Habibul Izzah Ahmad. Tahun 1997. Beliau menulis “Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Sebutir Sinar di Serambi Mekah”. Dan terkini beliau menulis tentang Biografi Tok guru yang dilancar baru-baru ini.

Harapan saya juga agar, kajian-kajian semasa yang dicetuskan oleh Tok Guru sama ada dalam perkara politik, ekonomi dan juga tarbawi dapat dijalankan oleh pihak yang berkelayakan dan IPTG ini boleh memainkan peranan penting untuk menterjemahkan pemikiran Tok Guru ke dalam masyarakat tempatan dan antarabangsa di samping mennganjurkan program-program yang bersesuaian dengan pembangunan institut ini.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada pihak pengajur dan Dato Dr Johari Mat yang sudi berkongsi pandangan dalam majlis pada hari ini, semoga ianya diberkati Allah.

**MAJLIS SANTAPAN MALAM PERSEMPAHAN  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
SEMPENA PERAYAAN ULANG TAHUN HARI  
KEPUTERAAN  
KDYMM SULTAN MUHAMMAD V YANG KE 45 TAHUN  
2014**

17 Muharram 1436H Bersamaan 10 November 2014M  
Dewan Jamuan Utama Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Firman Allah SWT :

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ دَيْنَبِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ  
تُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلَوْاْنُهُوْ ثُمَّ يَهْبِيْحُ فَتَرْنُهُ مُصْفَرًا ثُمَّ تَجْعَلُهُوْ  
حُطَّيْمًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولَئِكَ الْأَلَبِ  
١٧

Maksudnya: *Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkannya menjadi matair-matair di bumi; kemudian ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut*

*itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna. (Al-Zumar: 21)*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam berpanjangan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, serta seluruh ahli keluarga, sahabat dan pendokong ajarannya di seluruh pelusuk bumi.

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Sultan bagi negeri Kelantan Darul Naim dan Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.

Di kesempatan yang sangat berharga ini, patik menjunjung kasih mengucapkan tahniah yang tidak terhingga di atas sambutan hari keputeraan Tuanku yang ke-45. Semoga Tuanku berada dalam keafiatan, bersemayam di takhta kerajaan dengan segala kebesaran dan kedaulatan, terus berperanan sebagai lambang keutuhan negeri sebagai payung yang menaungi seluruh rakyat. Semoga negeri dan rakyat Kelantan yang berada di bawah payung naungan tuanku akan dilimpahkan segala keberkatan dan kesejahteraan, insyaAllah.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.

Justeru, patik ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuanku untuk berangkat mencemar duli di majlis makan malam pada malam ini. Semoga dengan keberangkatan Tuanku menambahkan seri dan mengeratkan kasih sayang yang sedia terjalin di antara Tuanku dan warga tadbir sekaliannya.

Tidak lupa selamat datang kepada semua tetamu-tetamu Diraja yang hadir pada malam ini dari dalam dan luar negeri, *ahlan wasahlan wamarhaban bikum*. Serta rakaman tahniah kepada pihak urusetia yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis makan malam pada kali ini, semoga Allah SWT mengganjari setiap usaha dengan sebaik-baik ganjaran.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.

Sesungguhnya nikmat umur yang berpanjangan yang dianugerahkan oleh Allah SWT merupakan satu nikmat yang perlu disyukuri. Ini kerana dengan kesyukuran yang berpanjangan akan melipatgandakan lagi keberkatan yang akan dikurniakan oleh Allah SWT. Justeru, patik pohon perkenan Tuanku untuk mengingatkan diri patik dan seluruh hadirin sekalian agar melafazkan pujian dan syukur yang tidak terhingga kepada Allah SWT di atas segala nikmat yang telah dikurniakan sehingga mampu untuk kita bermahas di hari ini. Tanpa belas kasihan dan rahmat daripada Allah SWT, mana mungkin dapat kita meneruskan saki-baki hidup di dunia sementara ini.

Sesungguhnya kehidupan dunia ini ibarat kita menanam sebatang pokok lalu pokok tersebut membawa hasil, dedaunnya menghijau dan dahan serta rantingnya kukuh. Setelah beberapa waktu akhirnya segala buah gugur begitu juga daun yang menghijau akan suram dan luruh ke bumi, dahan dan ranting mulai reput, akhirnya pokok tersebut rebah ke bumi dan akhirnya hancur dimamah bumi. Begitulah diri kita yang akan berakhir kehidupan sebagaimana kehidupan sebatang pokok sebagaimana pengajaran daripada sepotong ayat yang telah patik bacakan di awal tadi. Bertitik tolak dari hakikat inilah, Rasulullah SAW mengingatkan kita bagaimana perlunya kita mensyukuri nikmat umur yang panjang serta kesihatan yang sejahtera bagi mengenang anugerah Allah. Sabda Rasulullah SAW :

نِعْمَتَانِ مَغْبُونُ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ الصَّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Yang bermaksud: *Dua nikmat yang kebanyakannya manusia kerugian (untuk mensyukuri) padanya, iaitu: kesehatan dan kelapangan masa.* (Hadis riwayat al-Bukhari).

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.

Sesungguhnya pentadbiran kerajaan negeri Kelantan di bawah naungan Tuanku telah banyak melangkah ke hadapan mengorak langkah menjalankan urus tadbir ke arah menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri berkebajikan dan menaungi golongan

*mustadh'afin.* Pada 21 oktober 2014 lepas iaitu sempena Sambutan Ulang Tahun Pentadbiran Kerajaan Kelantan Membangun Bersama Islam ke-24, patik sekali lagi menitik beratkan dalam fasa kedua Membangun Bersama Islam yang kita masyhurkan dengan Merakyatkan Membangun Bersama Islam ini dengan penerapan motto Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Dasar ini telah terbukti berjaya mendidik minda bukan sahaja rakyat negeri ini bahkan seluruh masyarakat Malaysia. Islam yang menjadi teras di dalam pentadbiran kerajaan tidak lagi dilihat sebagai agama yang disebut-sebut di masjid atau madrasah semata-mata, tetapi ia dibawa ke meja pentadbiran. Islam dilihat mampu mentadbir dan bukan ditadbir, Islam dilihat sebagai syariat yang memerintah dan bukannya syariat yang diperintah.

Kini dasar Membangun Bersama Islam terus diperkuuh dengan pelancaran Pelan strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam pada 6 Mei 2014 yang lalu dengan mengambil kira sudut pemakaian sistem perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek yang akan dipantau oleh SPARK yang telah ditubuhkan pada 16 Febuari 2014 bagi memastikan proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan setiap projek ini di bawah Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan ahli EXCO berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

Pelan 'merakyatkan' yang kita jenamakan ini adalah suatu perancangan program bersepadu untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan agar bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama di mana kita memfokuskan beberapa strategik

tertentu bagi mencapai matlamat misi Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan iaitu dengan memberi tumpuan kepada tujuh nilai teras Merakyatkan Membangun Bersama Islam:

- 1) Amalan Kebersihan;
- 2) Menyempurnakan Solat;
- 3) Pembangunan Pendidikan;
- 4) Menyuburkan Kebudayaan dan Kesenian;
- 5) Menangani Gejala Sosial;
- 6) Menerajui Pembangunan Ekonomi; dan
- 7) Penyelidikan dan Penilaian.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.

Akhir kata, sekali lagi patik merakamkan junjung kasih dan tahniah di atas keputeraan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang disambut pada tahun ini. Patik sentiasa mengutuskan doa yang berterusan agar Tuanku sentiasa dilimpahkan *inayah* dan kasih-sayang daripada Allah SWT untuk terus menaungi negeri ini dengan syariat Allah SWT. Semoga Tuanku diberi kemuliaan sebagaimana sabdaan Rasulullah SAW:

خَيْرُ النَّاسِ قَالَ مَنْ طَانَ عُمُرُهُ وَحَسْنَ عَمَلُهُ

Yang bermaksud : *Sebaik-baik manusia ialah yang panjang umurnya dan baik amalannya* (Riwayat Tirmizi dan Ahmad).

Sekali lagi bagi pihak seluruh warga tadbir dan pacal rakyat sekalian, patik merafakkan sembah melafazkan ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga Tuanku serta seluruh usrah Diraja sekalian sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT sepanjang masa.

Syariat dipatuhi, Raja dihormati, Rakyat dilindungi.

*Allahu Akbar, Walillahil Hamd.*

Patik sudahi dengan :

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENUTUP DAN PENANGGUHAN  
WACANA KEPUTERAAN SULTAN MUHAMMAD V  
TAHUN 1436H / 2014M**

24 Muharram 1436H / 17 November 2014M  
Dewan Dato' Mohd Shahir,  
Institut Latihan Islam Malaysia.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله  
وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين ، أما بعد ....

Firman Allah SWT:

وَأَبْتَغِ فِيمَا آتَيْنَاكَ اللَّهُ أَلَّدَارِ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنْ  
الْأَدْنِيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَعْجِلْ الْفَسَادَ فِي  
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ



Maksudnya: "Dan tuntutlah harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu di dunia; dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau

*melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ". (Al-Qasas: 77)*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berada dalam majlis penutup dan penangguhan Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V tahun 1436H bersamaan 2014M, serta peyempurnaan Majlis Pelancaran Pelan Induk Transformasi Ummah (PINTU) sempena Wacana Keputeraan pada kali ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Jaksa Pendamai Kelantan, Persatuan Kerabat D'raja Kelantan Al-Muhammadi dan Telekom Malaysia Berhad yang banyak membantu sama ada dari segi kewangan, tenaga dan juga idea dalam menjayakan Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V pada kali ini.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur yang telah bertungkus lumus menganjurkan wacana ini setiap tahun sejak tahun 2012 lagi. Usaha murni ini diharapkan dapat menjadi penggerak kepada pelaksanaan Program Pelan Transformasi Ummah.

Bermula dengan titah ucapan perasmian Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V sempena Majlis Sambutan Hijratul Rasul Peringkat negeri Kelantan tahun 1432H yang telah menggagaskan lima tonggak Islam yang unggul iaitu *Faqihan*, *Aminan*, *Rahiman*, *Ilman* dan *Salaaman* untuk diterapkan dalam pembangunan masyarakat, maka pada tahun ini, saya merasa amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya Modul Pelan Induk Transformasi Ummah (PINTU) berdasarkan lima tonggak tersebut berjaya dilahirkan bagi memantapkan pengurusan Hal Ehwal Agama Islam dan sebagai satu anjakan ke arah pembangunan ummah secara terancang, cekap dan berkesan.

Pelan Induk Transformasi Ummah (PINTU) ini sebagaimana yang dimaklumkan adalah salah satu usaha bagi merealisasikan dasar kerajaan negeri iaitu Membangun Bersama Islam yang sekarang ini telah masuk fasa kedua dan kita masyhurkan dengan ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’ yang menjadi asas ke arah memperkuuhkan kemuliaan seseorang manusia dan melahirkan masyarakat yang bertaqwa serta mencapai negeri sejahtera sebagaimana firman Allah S.W.T :

بِلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ عَفْوٌ .....

Maksudnya: “(*Negeri kamu ini adalah*) negeri yang baik (*aman dan makmur*), dan (*Tuhan kamu adalah*) Tuhan Yang Maha Pengampun!”  
(Saba’: 15)

Berdasarkan tonggak ketiga yang dibentangkan dalam wacana kali ini iaitu Rahiman, Islam amat menekankan usaha mewujudkan masyarakat penyayang. Dalam menjamin keharmonian masyarakat, beberapa ciri asas yang menjadi dasar pembentukan masyarakat perlu ditekankan. Islam mengaitkan pembentukan masyarakat penyayang dengan tiga hubungan dasar iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam.

Hasrat untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan sebuah negara yang aman tidak akan tercapai melainkan dengan membentuk keperibadian individu yang berteraskan Islam terlebih dahulu. Keperibadian yang mulia dan pegangan agama yang mantap adalah faktor penting dalam mewujudkan masyarakat penyayang. Walau bagaimanapun tahap kesedaran masyarakat terhadap konsep masyarakat penyayang masih rendah. Masalah penganiayaan kanak-kanak di pusat asuhan dan penderaan isteri masih menjadi isu nasional yang diperkatakan oleh media massa dan masyarakat. Begitu juga dengan kes pengabaian terhadap orang-orang tua. Keadaan ini memerlukan perhatian serius dari setiap anggota masyarakat. Jika semua kita menghayati :

وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ﷺ  
وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ

Sebagaimana ayat yang telah dibacakan di awal tadi, maka penerapan nilai ‘Rahiman’ ini dengan sendiri akan berpahat dihati setiap umat Islam. Manusia yang lain juga ibarat batang tubuh kita sendiri dengan itu tidak boleh sama sekali kita menganiayai, menzalimi antara satu sama lain. Sebenarnya segala gejala kerosakan atas muka bumi ini adalah berpunca dari pendidikan hati kita, sekiranya elok tarbiyah hati, maka akan eloklah gerak kerja dalam kehidupan kita dan begitulah sebaliknya.

Saya berharap Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V ini, akan terus dimanfaatkan sebagai saluran yang berkesan untuk membincang dan menyusun strategi ke arah memperkasakan Pelan Transformasi Ummah ini. Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan dalam wacana ini adalah satu sumbangan besar dan boleh dianggap sebagai satu sokongan untuk menjayakan pelan transformasi ini.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak pengajur iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan kerana telah berjaya menganjurkan wacana kali ini dengan kerjasama JAKIM, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, YADIM, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Jaksa Pendamai Kelantan, Persatuan Kerabat D’raja Kelantan Al-Muhammadi Dan Telekom Malaysia Berhad.

Dengan lafaz:

بسم الله الرحمن الرحيم

Saya merasmikan Pelancaran Pelan Induk Transformasi Ummah (PINTU) Sempena Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V bagi tahun 1436H bersamaan 2014M.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERSIDANGAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI  
KELANTAN  
SEMPENA EKSPO HIJAU 2014**

5 Muharram 1436H – 9 Muharram 1436H  
29 Oktober 2014 – 2 November 2014  
KB Mall, Kota Bharu.

Firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ حَوْفًا وَطَمَعًا ۝ إِنَّ

رَحْمَتُ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ 

*Maksudnya: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada Allah dengan hadirkan rasa gerun dan juga perasaan terlalu mengharapkan keredhaanNya. Sesungguhnya rahmat Allah itu amat dekat kepada orang-orang yang memperelokkan amalannya.*

(Al-A'raf: 56)

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah kerana dengan keizinanNya dapat kita anjurkan Ekspo Hijau selama 5 hari ini dan bagi pihak saya, terima kasih saya ucapkan kepada pengajur yang telah bertungkus lumus menjayakan ekspo yang sangat penting ini. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah atas inisiatif mengadakan persidangan dan pameran yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai teknologi hijau agar dapat

meminimumkan impak negatif kepada persekitaran, dan memulihara alam sekitar untuk jangka masa panjang.

Ekspo Hijau 2014 yang sekaligus turut diadakan persidangan dan pameran ini memfokuskan bidang penyelidikan dan pembangunan teknologi hijau melalui gagasan bertani satu ibadah adalah tepat diadakan pada waktu ini bagi mewujudkan sebuah Negeri Hijau dan tema ekspo yang diadakan ini “ KelantanKu Hijau Sejahtera” menjadi indikator bagi menjayakan hasrat ini serta memajukan penerokaan teknologi hijau di negeri Kelantan Darulnaim.

Pada hari ini, dengan perkembangan pembangunan sosioekonomi yang semakin meningkat, penerokaan sumber semulajadi juga semakin meningkat dan hal ini telah menghasilkan produk sampingan seperti bahan buangan dan pencemaran alam sekitar. Akibatnya, keadaan negara kita sedang menghadapi kemelut perubahan iklim dan pemanasan global. Oleh itu, aplikasi teknologi hijau amatlah diperlukan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar yang kian meruncing.

Teknologi hijau ini merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem termasuklah amalan atau budaya untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, juga bagi meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Sektor air dan pengurusan sisa merupakan antara sektor yang digalakkan untuk mengamalkan teknologi hijau serta amalan hijau terutama dalam mengurus dan menggunakan sumber air,

merawat kumbahan dan air larut resap serta mengurangkan bau di kawasan pelupusan sisa pepejal.

Dalam melaksanakan amalan hijau ini, kita seharusnya mengambil sikap pro-aktif dengan melaksanakan kitar semula, pengkomposan serta mengurangkan pembaziran tenaga di rumah mahupun di pejabat contohnya menutup alat penghawa dingin serta lampu semasa keluar dari rumah atau pejabat. Sikap atau sumbangan ini walaupun nampak kecil atau remeh, jika dijadikan amalan atau budaya hidup di kalangan rakyat di negeri ini akan dapat menyumbang secara positif kepada pencapaian KelantanKu Hijau Sejahtera.

Oleh yang demikian, promosi yang efektif dan kesedaran awam perlu diusahakan semaksima mungkin kerana ia adalah faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembangunan teknologi hijau di negeri ini. Ini disebabkan perkara tersebut memerlukan perubahan pemikiran masyarakat. Kempen hijau tidak dapat dicapai melalui aktiviti semata-mata dan memerlukan usaha yang berterusan dalam membuat perubahan demi perubahan dalam kehidupan harian.

Jika kita meneliti ajaran Islam dalam pemeliharaan alam sekitar, kita dapati Islam amat menitikberatkan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar kerana ia merupakan satu elemen yang penting untuk memastikan kesinambungan kehidupan manusia di dunia ini. Alam sekitar adalah sebahagian daripada ciptaan Allah. Dengan itu melakukan kebaikan terhadap alam sekitar yang menjadi elemen

utama alam ini adalah sebahagian daripada tuntutan untuk menjadi hamba Allah yang bertakwa dan direhahaiNya.

Allah telah mencipta alam sekitar dengan segala kemudahan sebagai kelangsungan manfaat kepada manusia dan kesejahteraan mereka. Segala isi alam patuh kepada perintah Allah untuk kemudahan manusia. Antara contohnya seperti air, udara, sumber asli, tanah dan sebagainya. Air mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan manusia kerana ia membina pertumbuhan dan kesihatan tubuh manusia. Tanah yang dicipta amat sesuai untuk tanaman. Bayangkan sekiranya Allah menjadikan semua tanah sebagai gurun atau pasir ataupun semua emas, sudah pasti manusia tidak boleh bercucuk tanam di atas muka bumi. Jadi alam ini adalah tempat untuk manusia bertadabbur dan bertafakkur tentang kejadian alam yang unik serta komplek yang mengandungi tanda-tanda kebesaran dan keagungan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الَّيلِ وَالنَّهارِ لَآيَاتٍ

لِأُولَئِكَ الْمُبِينِ

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah bagi orang-orang yang berakal. (Al-Imran: 190)

Penciptaan alam semesta ini juga adalah untuk memudahkan manusia melakukan pengabdian kepada Allah. Sebagai contoh, Allah menurunkan air supaya dapat digunakan oleh manusia untuk bersuci dalam proses melakukan ibadat kepadanya. Di samping memberi kemudahan kepada manusia untuk beribadah, seluruh alam semesta sendiri turut beribadat dengan berzikir memuji Allah, ini kerana mereka juga makhluk Allah yang perlu diberi jagaan oleh kita. Persekutaran yang bersih juga diperlukan untuk manusia menyedut udara segar bagi menghasilkan kesihatan yang baik. Jika kita perhatikan kepada penciptaan tanah, tanah digunakan oleh manusia untuk bercucuk tanam dan dengan tanaman itu membolehkan mereka berzakat dan daripada tanah ini juga boleh digunakan sebagai pengganti air iaitu tayammum untuk melaksanakan ibadah solat.

Oleh itulah, al-Quran dan as-Sunnah memberikan penekanan yang serius mengenai penjagaan alam sekitar di mana kedua-dua sumber perundangan ini menyeru manusia untuk mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Allah yang agung. Sebab itu, Islam milarang pencemaran di samping menggesa manusia untuk memanfaatkan khazanah alam di mana usaha murni ini dianggap sebagai ibadat yang agung di sisi Allah SWT.

Alam semesta ini pada asalnya adalah bersifat *Nasim* atau segar ianya sebagai lambang rahmat Allah kepada kehidupan. Di dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang menyatakan bagaimana Allah melimpahkan rahmatnya kepada kehidupan melalui tiupan angin dan penurunan hujan. Sifat kesegaran itu turut digambarkan oleh al-Quran

melalui penjelasan tentang kesuburan tumbuh-tumbuhan yang mempunyai kepelbagaian jenis dan sifat. Lebih daripada itu, al-Quran juga turut menampilkan suasana kehijauan yang merupakan simbol kesegaran kepada para pencinta alam sekitar masa kini. Apabila hijau sudah lenyap, maka itu petanda kehancuran kepada alam ini. Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَا يُعِظِّمُ فَسَلَكَهُ رَبِيعٌ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ  
تُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهْبِطُ فَتَرْكِيهُ مُصَفَّرًا ثُمَّ تَجْعَلُهُ  
حُطَمًا

Maksudnya: *Tidakkah kamu memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkannya menjadi mata air di bumi; kemudian Dia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang pelbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar kehijauan, selepas itu ia bertukar menjadi kuning; kemudian ia pun hancur.* (Al-Zumar: 21)

Allah juga telah menciptakan seluruh alam semesta ini mempunyai sifat *jamal* atau indah. Di dalam al-Quran disebutkan bahawa kejadian tumbuh-tumbuhan serta haiwan-haiwan mewujudkan pemandangan yang indah kepada manusia. Keindahan kejadian alam semesta ini juga merupakan *zinah* iaitu perhiasan yang menimbulkan ketenangan kepada manusia. Sifat keindahan mempunyai hubungan yang rapat

dengan kejadian alam semesta yang penuh dengan susunan yang rapi. Semua sifat-sifat alam semesta yang dikemukakan adalah lambang kepada kebijaksanaan Allah yang telah menciptakannya.

Oleh sebab itu, menjadi kewajipan kita semua untuk mengelakkan daripada sebarang masalah kepada alam sekitar seperti pencemaran, penebangan hutan secara berleluasa, pengurangan sumber bumi dan sebagainya yang akan mengakibatkan hilangnya keseimbangan kepada alam. Islam sendiri telah meletakkan etika berkaitan penjagaan alam sekitar, contohnya, ketika peperangan, Rasulullah SAW melarang umatnya menebang pokok atau membakar tanaman kecuali keadaan benar-benar memaksa berbuat demikian. Jika dalam peperangan, alam sekitar mempunyai hak ke atasnya untuk dijaga, apatah lagi dalam suasana tiada peperangan. Malangnya, kemusnahan alam sekitar di beberapa tempat di negara kita, adalah akibat kerakusan nafsu manusia semata-mata dan mengejar mencari kemewahan dunia.

Jika alam sekitar rosak dan musnah, sudah tentu sistem ekologi juga akan terjejas. Ia bukan saja akan menyebabkan kehilangan spesies alam dan fauna yang amat berharga, malah haiwan liar serta unggas turut diancam kepupusan. Di samping kesan ke atas ekologi, pembangunan yang tidak terkawal boleh memberi kesan terhadap topografi sesuatu tempat. Ramai antara kita tidak sedar bahawa kegiatan pembersihan hutan dan meratakan bukit, mengancam aliran sungai dan jalan raya, malah turut mengancam struktur bangunan yang berdekatan. Bukit-bukau ini juga perlu dijaga dan pada

hakikatnya ia adalah tiang-tiang seri muka bumi yang menjadi pasak kepada bumi seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah an-Naba' ayat ketujuh:

وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا

Maksudnya: *Dan gunung-ganang sebagai pasak bumi.*

Dalam Islam, aspek akhlak meliputi semua perkara. Kita bukan saja disuruh berakhlak kepada Allah atau manusia, malah menjaga akhlak kepada alam semesta, bukit-bukau, sungai, haiwan dan sebagainya. Kita tidak boleh rakus dalam usaha pembangunan, yang akhirnya bukan saja memusnahkan ekologi yang menjadi habitat kepada makhluk lain, malah turut memudharatkan manusia.

Perbuatan mencemar dan merosakkan alam sekitar ini adalah salah satu pencabulan kita kepada fungsi kekhilafahan yang telah ditaklifkan kepada manusia. Ini kerana bumi bukan milik manusia untuk dia berbuat sesuka hati tetapi bumi ini adalah milik Allah yang dipinjamkan kepada manusia yang kemudiannya dituntut untuk menjalankan segala perintah Allah di atasnya. Rasulullah SAW juga bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ حَضِيرَةٌ، وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَحْلِفُكُمْ فِيهَا، فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: *Dunia ini cantik lagi menghijau, dan Allah telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan.* (Hadis Riwayat Muslim)

Ayat-ayat dan hadis yang telah saya bacakan tadi jelas menunjukkan konsep yang harus dimiliki oleh umat manusia terhadap alam sekitar. Manusia tidak sebebasnya memiliki semua khazanah di muka ini. Alam sekitar sekadar amanah Allah SWT kepada manusia dan kita berkewajipan mengurusnya dengan baik. Melakukan kerosakan dan kebinasaan kepada alam ini adalah tanda pengkhianatan terhadap amanah tersebut.

Kesimpulannya, menjaga alam sekitar ini bukanlah menjadi tugas individu atau kerajaan semata tetapi menjadi tanggungjawab kita semua secara bersama. Semua makhluk yang bernama manusia, tidak kira apa bangsa dan agama harus bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar agar dapat merealisasikan dunia ini menjadi sebuah taman kehidupan yang indah, aman, sejahtera, harmoni dan terhindar dari sebarang bencana yang boleh menghancurkan spesies kehidupan bernyawa di atasnya.

Akhir sekali, saya amat berharap persidangan yang diadakan sempena Ekspo Hijau ini dapat memugar idea baru serta mencari jalan bagi menjayakan perancangan kita dalam memberi kesedaran berkenaan teknologi hijau kepada masyarakat negeri ini kusususnya di samping bagaimana cara untuk kita melihat peluang dan ruang serta cabaran Kelantan dalam memajukan teknologi hijau secara berkesan. Sekali

lagi saya ucapkan tahniah kepada pengajur dan terima kasih juga kepada agensi, syarikat-syarikat swasta dan para peserta Seminar Teknologi Hijau Negeri Kelantan dan Bengkel Halatuju Teknologi Hijau Negeri Kelantan yang diadakan sempena Ekspo Hijau kali ini. Dengan lafaz yang mulia:

بسم الله الرحمن الرحيم

Saya dengan ini merasmikan Ekspo Hijau 2014, semoga berjalan dengan lancar.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERSIDANGAN KETURUNAN FOO SEDUNIA YANG KE-  
17**

22 November 2014  
Hotel Grand Riverview Kota Bharu

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Allah berfirman di dalam al-Quran , surah Al-Hujurat ayat ke;13

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ  
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُمْ

Yang bermaksud: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu berkenalan-kenalan (iaitu beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu.

Alhamdulillah, saya melahirkan rasa syukur dan gembira pada pagi ini kerana dapat berada dalam Persidangan Keturunan Foo Sedunia kali ke-17 yang julung kali diadakan di negeri Kelantan ini. Saya bagi pihak kerajaan negeri Kelantan mengalu-alukan kedatangan seluruh tetamu dari keturunan Foo yang saya difahamkan persidangan kali ini melibatkan 8 buah negara termasuk negara-negara Asean, Jepun, China termasuk Amerika Syarikat.

Saya sengaja membacakan ayat al-Quran di awal ucapan saya tadi, bagi menyatakan bahawa al-Quran kitab bagi umat Islam sebenarnya telah menyatakan tentang hubungan erat bangsa dan kabilah ini. Manusia keseluruhannya adalah dicipta untuk berkenal-kenalan dan menjalinkan hubungan baik sesama mereka. Islam sendiri mengajar umatnya tentang perkara ini, dan orang yang paling baik di sisi Tuhan ialah yang bertaqwah atau dalam istilah bahasa kita orang yang baik dan tidak melakukan perkara khianat, ini adalah orang yang taqwa. Hakikatnya, Islam sendiri tidak pernah membenarkan sebarang penindasan di atas nama kaum.

Jika ditinjau di dalam sejarah, perutusan Nabi Muhammad yang membawa ajaran Islam adalah daripada bangsa Arab. Sekalipun berbangsa Arab, namun di tengah-tengah sikap orang-orang Arab yang berbangga dengan darah keturunan, Islam tetap diterima dengan baik oleh bangsa-bangsa selain Arab. Lalu kita membaca tentang sejarah kemunculan sahabat-sahabat nabi seperti Salman yang berbangsa Parsi atau sekarang ini Iran, Bilal yang berbangsa Habsyi atau kini dipanggil Ethophia dan Suhaib yang berbangsa Rom, Itali. Demikianlah Islam tidak pernah memandang perbezaan darah dan warna kulit sebagai satu isu yang penting.

Islam mengiktiraf kemuliaan setiap manusia tanpa mengira etnik. Saya rasa agama tuan-tuan juga memberi pengiktirafan tentang kemuliaan manusia ini dan menolak dasar permusuhan. Oleh itu, tidak boleh berlaku perbezaan atau penafian hak berdasarkan etnik.

Dalam Islam dinyatakan bahawa manusia secara fitrah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecahbelah dan bermusuhan. Hal ini jika manusia menurut apa yang agama suruh dan tinggal apa yang agama larang. Itu pra-syarat kepada wujudnya suasana harmoni dan kasih sayang dalam masyarakat walaupun ada kepelbagaian kaum dan bangsa.

Pada hari ini hubungan orang Melayu dan Cina amat erat, orang-orang Melayu juga amat gemar mempelajari bahasa Cina, khususnya di Kelantan ini ramai anak-anak orang Melayu yang dihantar ke sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, mereka berkawan antara satu sama lain dengan erat di sekolah, berkongsi pandangan dan ramai yang menjalankan kegiatan perniagaan bersama, ini adalah semangat yang dianjurkan oleh agama tadi agar saling kenal-mengenal dan seterusnya bantu membantu antara satu sama lain. Di peringkat pengajian tinggi, kita di Kelantan ada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra atau KIAS yang menawarkan pengajian bahasa Cina khususnya bagi mahasiswa yang mengambil bidang dakwah. Sudah ramai graduan yang keluar dan mereka mampu berbahasa Cina dengan baik serta menjadi penterjemah dalam majlis-majlis rasmi yang dianjurkan oleh kerajaan.

Saya amat mengutamakan di Kelantan, semangat menegakkan perpaduan kaum yang erat dalam membina satu masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi tinggi. Hal inilah yang saya di peringkat pentadbir kerajaan negeri mahu diterapkan dalam segenap hati-hati masyarakat kita, agar kita dapat hidup dengan penuh sentosa, negeri ini terus membangun dan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain dalam membina hubungan mesra dan erat antara kaum lain.

Oleh yang demikian, saya merangka program bersama masyarakat non-muslim, turun bertemu dan bertanya khabar bagi merasai sendiri denyut nadi rakyat untuk dibawa ke perhatian kerajaan. Kita perkenalkan program yang dinamakan “Jalinan Mesra Menteri Besar bersama Rakyat” di setiap jajahan di mana Alhamdulillah, setakat ini hampir kesemua jajahan berjaya diadakan program ini. Matlamat daripada program ini ialah untuk memberikan peluang kepada rakyat bertemu mata bersua muka dengan pihak kerajaan sama ada muslim juga non-muslim.

Bersempenakan persidangan yang bermula pagi ini, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih di atas jemputan ini semoga jalinan mesra ini akan tersemai selamanya dan saya rasmikan persidangan keturunan Foo kali ke-17 ini, semoga terus kuat dan cemerlang.

**MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN AGUNG  
KESATUAN PENGHULU PENGGAWA SEMENANJUNG  
MALAYSIA KALI KE 40 TAHUN 2014**

7 November 2014  
Dewan Teratai Kota Darulnaim

Bismillahirahmanirahim

الحمد لله والصلوة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه أجمعين.

Firman Allah SWT yang membawa maksud:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya. Dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat”.*

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah inayah dan keizinanNya dapat dijayakan majlis persidangan pada malam ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kesatuan penghulu penggawa kerana telah menjemput saya memberi sepatah dua kata di dalam majlis ini dan memilih negeri Kelantan sebagai lokasi untuk mengadakan persidangan kesatuan penghulu penggawa kali ke 40 ini. Kepada penghulu yang datang dari

seluruh negara, saya ucapkan selamat datang ke negeri Kelantan Darulnaim. *Ahlan Wasahlan* kepada semua.

Kita semua pada hakikatnya telah diamanahkan oleh Allah sebagai pelaksana tanggungjawab di dunia ini, tidak lebih dari itu, walau sebesar mana pun pangkat dan darjat di dunia ini, hakikatnya ialah kita semua adalah hamba Tuhan dan pemegang amanahnya sahaja. Dunia ini adalah medan yang digunakan oleh Allah untuk menguji manusia, sama ada manusia itu telah benar-benar menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai hamba dan pemegang amanah tersebut. Perkara sebegini kita sentiasa wajib peringatkan antara satu sama lain kerana ia berkait rapat dengan akidah.

Akidah seperti ini tidak terdapat di dalam mana-mana ajaran di dunia ini selain dari ajaran Islam. Tidak ada dalam ajaran agama Islam apabila seseorang itu meninggal dunia, maka riwayatnya akan tamat setakat itu, bahkan sambungan kehidupan akan berlaku hingga akhirat. Bagi orang Islam, akhirat telah menjadi salah satu daripada rukun Iman, tujuannya ialah supaya manusia benar-benar yakin dan percaya terhadap akhirat, di sana terdapat beberapa perkara yang pasti akan berlaku, seperti yang dijanjikan oleh Allah, iaitu ada mahsyar, syurga dan neraka, di akhirat adalah destinasi terakhir perjalanan manusia dan segala makhluk Allah. Dunia ini hanya diibarat sebagai tempat persinggahan sementara, untuk membolehkan manusia mengumpul bekalan bagi kehidupan akhirat. Dunia ini diumpamakan sebagai ladang untuk akhirat. Kalau banyak kita kumpulkan bekalan semasa di dunia ini maka senang lenang dan kaya rayalah kita di

akhirat. Kalau tidak kita menjadi orang yang fakir dan miskin serta papa kedana.

Di antara orang yang akan beruntung dan mendapat bekalan yang banyak untuk hari akhirat ialah orang yang berjaya menunaikan amanat dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Kalau berjaya ditunaikan dengan baik dan sempurna dan banyaklah pahala yang akan diperolehnya. Oleh sebab itu Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa di antara orang yang akan mendapat naungan atau teduhan di hari yang tidak ada sebarang bahan teduhan yang lain iaitulah pemimpin yang adil yang telah berjaya menunaikan amanahnya dengan sebaik mungkin. Sementara orang-orang yang mengkhianati amanah yang diberikan kepadanya pula disifatkan oleh Rasulullah sebagai orang yang mempunyai tanda-tanda munafik. Sebagaimana maksud sabda Nabi SAW iaitu ada empat sifat yang boleh menjadikan seseorang itu munafik. Kalau ada padanya satu sifat maka dia sudah memiliki satu daripada sifat munafik tersebut. sifat-sifat itu ialah apabila di beri amanah dia mengkhianati, apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia mungkiri dan apabila bertengkar dia melampaui.

Ini bermakna perbuatan pecah amanah atau mengkhianati kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan oleh orang lain kepada kita adalah satu perbuatan yang boleh menjadikan seseorang itu munafik. Sementara kedudukan orang-orang munafik pula sewaktu di akhirat adalah berada di bahagian bawah sekali daripada neraka. Dalam struktur organisasi kerajaan, Para pemimpin yang

terdiri dari Perdana Menteri, Menteri Besar, Exco, pegawai-pegawai sehinggalah kepada para penggawa juga penghulu adalah sebahagian daripada orang-orang yang telah diberi amanah untuk menjaga agama di tempat masing-masing dan menguruskan orang ramai. Dalam istilah agama tanggungjawab itu disebut sebagai khalifah.

Tugas khalifah adalah menegakkan agama sebagai instrumen untuk memerintah negara dan sekalian rakyat. Antara ajaran agama yang mesti digunakan sebagai instrumen pemerintahan ialah soal halal haram, serta amar ma’aruf nahi mungkar. Perkara ini menjadi lebih penting dalam sistem pemerintahan kerana sesebuah kerajaan adalah satu kuasa yang berfungsi sebagai pengawal dan pintu terhadap segala aktiviti rakyat. Instrumen agama seperti itu tidak bermakna sama sekali kalau ia sekadar untuk menjadi peraturan yang bertulis.

Apa yang lebih penting ialah ianya mesti dihayati dan diamalkan oleh setiap individu bermula daripda peringkat atas sehingga ke peringkat bawah, persoalan halal-haram hendaklah di dahulukan sebelum melaksanakan urusan di kalangan rakyat awam. Sebagai orang yang memiliki sedikit kuasa yang diamanahkan ini, kita lebih terdedah terhadap salah laku dan amalan-amalan penyelewengan berbanding dengan rakyat biasa. Oleh hal yang demikian kita semua hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk menunaikan amanah dan tanggungjawab ini, supaya ianya menepati tuntutan syariat.

Para penggawa dan penghulu sangat besar peranan dan sumbangan mereka terhadap kerajaan, kerana mereka adalah golongan yang

paling hampir dengan rakyat terbanyak. Pelbagai peranan yang positif boleh dimainkan oleh para penghulu, penggawa. Dalam suasana golongan muda-mudi dilanda oleh gejala sosial, peranan penggawa sangat-sangat diperlukan, sebagai orang yang dihormati dan disegani oleh orang-orang kampung, para penggawa bukan sahaja boleh menjadi mata telinga kepada agensi kerajaan, tetapi juga boleh menjadi penasihat kepada ibu bapa supaya mereka lebih memberi perhatian dan mengawal kegiatan anak-anak mereka supaya tidak terjebak dengan kegiatan jenayah dan kegiatan yang tidak bermoral.

Hari ini kalau kita perhatikan sepetimana yang tersiar dilaman *youtube*, dalam internet, remaja di sekolah semakin ganas, suka membuli rakan-rakan sendiri dan kadang-kadang sampai ke peringkat yang serius di samping dengan pengambilan dadah. Perkara ini perlu diberi perhatian serius, dan perlu diadakan program bina syakhsiah diri, mendekatkan remaja ke masjid dan diskusi ilmu. Inilah antara peranan para penghulu yang kita anggap penting dalam membasmi gejala sosial dan mungkar yang berleluasa.

Di kesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih atas kejayaan kesatuan ini menjalankan gerak kerja sebelum ini dan menyempurnakan persidangan agungnya pada hari ini. Bagi yang datang dari luar Kelantan, diharapkan semua tuan-tuan merasa gembira semasa berada di sini dengan pelbagai juadah makanan tradisi di samping ramah mesra rakyat di sini. Kalau ada sebarang kekurangan dan kelemahan berilah teguran untuk kita perbaiki bersama.

Dengan lafaz *Bismillahirahmanirahim* saya rasmikan mesyuarat agung kesatuan penggawa, penghulu Semenanjung Malaysia bagi kali yang ke 40 ini. Semoga berjalan dengan lancar.

Saya Sudah dengan;

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم والسلام عليكم ورحمة الله وبركات

**MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN  
(BBK) PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

15 Oktober 2014  
KB Mall Kota Bharu

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. (Ibrahim: 4)*

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul bagi menjayakan majlis yang penuh keberkatan ini iaitu Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 Peringkat Negeri Kelantan. Saya mewakili YAB Menteri Besar Kelantan pada hari ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di atas usaha menjayakan majlis yang sangat bermakna ini dan membangunkan pembudayaan bahasa serta persuratan Melayu dalam kehidupan sosial, khususnya dalam urusan rasmi tanpa mengira ideologi politik, anutan agama, etnik mahupun keturunan. Saya penuh yakin bahawa setiap daripada kita sangat-sangat berharap agar bahasa Melayu

selaku bahasa ibunda akan terus perkasa selaku bahasa perantaraan utama khususnya di negara kita Malaysia.

Hakikat ini selaras dengan salah satu fungsi bahasa Melayu, iaitu sebagai bahasa pemersatu dan bahasa perpaduan warganegara Malaysia yang bersifat majmuk. Bahasa Melayu juga merupakan lambang nasional yang telah memainkan peranan utama dalam mewujudkan rasa kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan warganegara Malaysia.

Secara umumnya, setelah 57 tahun negara mencapai kemerdekaan, pemerksaan terhadap bahasa kebangsaan masih juga belum meluas ataupun dalam erti kata lain, kemantapan bahasa kebangsaan dalam sistem bernegara masih belum boleh dibanggakan sepenuhnya dan memerlukan kepada penambahbaikan daripada semasa ke semasa. Bahasa Melayu dalam era ini belum dapat dilihat sebagai bahasa perdagangan, bahasa ekonomi, bahasa ilmu dan bahasa teknologi tinggi yang diutamakan. Malah, ada badan dan syarikat korporat bertaraf GLC yang mengutamakan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris dan Mandarin dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi mereka dan mengetepikan kepentingan bahasa kebangsaan.

Menyedari hakikat ini, sedaya mungkin kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar sekarang akan sentiasa berusaha memastikan bahasa kebangsaan digunakan secara meluas oleh rakyat dalam pelbagai bidang. Ini termasuklah dalam bidang pendidikan,

pentadbiran, perniagaan, perbankan, kehakiman dan bidang-bidang yang lain.

Kerajaan negeri juga akan sentiasa berusaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dalam urusan rasmi dengan mengadakan pelbagai kempen dan penegasan. Ini termasuklah menggalakkan penjawat awam terutama dalam pentadbiran negeri menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi. Kerajaan negeri juga akan mengadakan latihan dan kursus bahasa Melayu khusus untuk kakitangan negeri dan juga akan mengajak pihak swasta untuk bersama-sama mengikutinya.

Pihak kerajaan negeri juga akan meminta Pihak Berkua Tempatan memastikan paparan dan peragaan seperti papan iklan, papan tanda, nama jalan dan sebagainya mengutamakan bahasa kebangsaan dan tulisan jawi yang betul serta selaras dengan undang-undang kecil iklan dan garis panduan papan iklan premis perniagaaan, seperti dalam *Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan* JKT:MNKT/D/Bil.1/2005 Bertarikh 11 Januari 2005. Dewan Bahasa dan Pustaka juga dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah menerbitkan buku tentang *Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan Raya* pada tahun 1996 dan 2007 untuk rujukan. Dan saya telah dimaklumkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur bahawa pihak PBT terutama MPKB sentiasa meminta bantuan dan kerjasama DBP dalam paparan iklan dan papan

tanda di Kota Bharu ini. Syabas saya ucapkan kepada MPKB Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Saya berharap PBT-PBT lain pun akan menurut langkah yang dibuat oleh MPKB-BRI.

Kita perlu sedar bahawa tanggungjawab memartabatkan bahasa kebangsaan bukan hanya dipikul oleh pihak kerajaan semata-mata, malahan mesti disokong oleh seluruh rakyat. Dalam negara majmuk seperti Malaysia, kefahaman, toleransi dan sikap keterbukaan kita semua dalam menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah sesuatu yang perlu kita sanjung.

Dalam menyemarakkan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, setiap kaum di negeri Kelantan perlu melibatkan diri dalam pelbagai program bahasa dan kesusastraan. Menerusi sambutan seperti ini, kita bukan sahaja dapat meletakkan bahasa kebangsaan di tempatnya yang tinggi, malah memperkuatkan perpaduan rakyat. Saya juga difahamkan bahawa sejak semalam, ketika ini dan sehingga esok telah berlangsung dan akan berlangsung Karnival Bahasa dengan pengisian sebanyak 15 program. Kesemua program ini disasarkan kepada pelbagai lapisan masyarakat iaitu kanak-kanak, pelajar sekolah, pelajar IPTA/IPTS, persatuan-persatuan penulis, badan-badan bukan kerajaan, warga pendidik dan terbuka untuk umum. Syabas saya ucapkan.

Secara tersurat, iltizam kerajaan negeri untuk memartabatkan bahasa kebangsaan di Kelantan adalah jelas, tegas dan padu. Saya yakin

berkat usaha kita bersama, bahasa kebangsaan dapat berdiri megah bukan sahaja di Malaysia, malah di persada dunia. Marilah kita berganding bahu dan mengorak langkah untuk memastikan kecintaan dan kemegahan terhadap bahasa kebangsaan sentiasa berkembang mekar dalam kalangan rakyat atas prinsip “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.” Harapan saya, semoga sambutan BBK menjadi salah satu program nasional yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat Malaysia setiap tahun dengan kita sentiasa memperteguh azam kita untuk sama-sama memanifestasikan kecintaan kita terhadap bahasa kebangsaan seiring dengan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa” .

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan, serta pihak-pihak lain yang telah sama-sama menyumbangkan idea dan tenaga bagi menjayakan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2014 pada hari ini. Sebelum saya mengakhiri bicara ini, saya ingin sertakan beberapa rangkap pantun:

*Rumah papan kayu jeriji,  
Papan dari pulau rusa;  
Indah rupa kerana budi,  
Tinggi bangsa kerana bahasa.*

*Yang kurik itu kundi,  
Yang merah itu saga;*

*Yang baik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.*

Dengan semangat dan hasrat murni yang jitu, maka dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, dengan ini saya merasmikan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Kelantan 2014.

**MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA MUZAKARAH  
PENYEDIAAN KAEDEH-KAEDEH HUKUMAN KANUN  
JENAYAH SYARIAH (II) EKJS II 1993**

24 Zulhijjah 1435 / 19 Oktober 2014,  
Hotel Grand Riverview Kota Bharu

Firman Allah Taala:

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلُهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ  
خَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ الْفُورُ الْعَظِيمُ. وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلُهُ  
نَارًا خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ

Yang bermaksud: *Itulah batas-batas (syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan rasulnya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar. Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan rasulnya, dan melampaui batas-batas syariatnya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina.* (Al-Nisa': 13-14)

Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinan daripadanya, kita dapat bersama-sama mengadakan majlis muzakarah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) yang perasmianya bermula pada malam ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan *ahlan wasahlan wamarhaban bikum* kepada seluruh tetamu pada malam ini terutama kepada tetamu dari luar Kelantan dan seluruh dato'-dato'

mufti yang sudi turun ke negeri ini bermuzakarah tentang Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) ini. Tahniah kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan dan juga pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang telah berusaha untuk menjayakan majlis pada malam ini dan majlis muzakarah yang akan bermula esok.

Alhamdulillah, semenjak kerajaan Kelantan membuat pengumuman secara rasmi pelaksanaan undang-undang Islam ini pada tahun 2015 sekiranya tiada apa-apa halangan dari pihak persekutuan, usaha melalui perbincangan, muzakarah, seminar berkaitan Kanun Jenayah Syar'iyyah ini berterusan dan semakin rancak begitulah juga dengan penyediaan perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha untuk membentangkan rang undang-undang persendirian nanti, di pihak kerajaan negeri kita sudah berada di peringkat penyediaan akhir sebelum kita membawanya ke persidangan dewan undangan negeri untuk diluluskan nanti.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang berkait dengan hudud dan qisas telah diluluskan secara rasminya di persidangan dewan undangan negeri pada 25 november 1993. Usaha kerajaan Kelantan untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syar'iyyah ini sudah agak lama, namun kerana ia dianggap sesuatu yang bercanggah dengan perlombagaan persekutuan pada masa itu maka ia ditolak. Setelah ruang untuk melaksanakan hudud dibuka kembali khususnya melalui ucapan YB Dato' Seri Jamil Khir di dewan rakyat, maka kita di peringkat kerajaan negeri menyahut peluang ini untuk mengangkat rang undang-undang persendirian ke persidangan dewan rakyat yang

akan datang. Bagi kerajaan Kelantan, setelah sekian lama kita telah angkat ke peringkat kerajaan persekutuan enakmen yang telah diluluskan pada tahun 1993 tersebut namun belum dapat kelulusan, jadi ini adalah ruang yang terbaik untuk penerusan kepada usaha pihak kami yang sekian lama. Kerajaan negeri amat bertegas dalam pelaksanaan undang-undang Islam ini kerana menyakini sabdaan Rasulullah SAW yang menyebut:

لَحَّدُ يُقَامُ فِي الْأَرْضِ أَحَبُّ إِلَى أَهْلِهَا مِنْ أَنْ يُمْطَرُوا ثَلَاثِينَ صَبَاحًا

Maksudnya: "Satu sahaja hukuman berteras Islam yang dilaksanakan di muka bumi adalah lebih baik bagi penduduk bumi dari mereka diturunkan hujan rahmat tiga puluh pagi." (Riwayat al-Nasaie)

Kita mahu negeri kita bahkan seluruh negeri-negeri di Malaysia sentiasa diberkati dan diturunkan rahmat kasih sayang Allah SWT.

Saya sendiri sebelum ini menyatakan hasrat untuk menjayakan pelaksanaan ini pada tahun 2015 iaitu tahun hadapan di atas beberapa faktor utama, iaitu :

**Pertama**, untuk menjelaskan kepada masyarakat bahawa tidak ada jalan lain bagi menyelesaikan masalah jenayah, gejala yang semakin meruncing kecuali hanya dengan kembali kepada undang-undang Allah SWT sahaja.

**Kedua**, menyatakan kesungguhan kerajaan negeri setelah lebih 20 tahun berusaha dengan bersungguh-sungguh dan tidak lemah semangat walaupun ada halangan daripada pihak yang menghalang.

**Ketiga**, memberi kesedaran kepada minda dan fikiran umat Islam terhadap Kanun Jenayah Syar'iyyah ini sebagai hukum Allah dengan tujuan dapat membuka jalan bagi dilaksanakan suatu hari nanti. Walaupun perlaksanaannya dianggap terlalu sukar hari ini tetapi suatu hari nanti ia akan jadi kenyataan. Kita lihat sahaja Brunei, telahpun diumumkan secara rasmi pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iyyah ini.

**Keempat**, membuka jalan dan penerangan kepada masyarakat bukan Islam dengan mendedahkan mereka kepada konsep pelaksanaan undang-undang Islam yang sebenarnya bahawasanya ia bersifat mendidik, kasihan belas kepada manusia umumnya dan bukan menzalimi manusia.

**Kelima**, memberi isyarat jelas kepada pihak tertentu yang masih lagi tidak yakin dengan pelaksanaan hukuman ini di Malaysia supaya melihat kepada ajaran dan undang-undang Islam secara positif dan bukan negatif. Bahawa hukum Allah lebih mengatasi dan paling berkesan daripada undang-undang ciptaan manusia dari pelbagai aspek.

**Dan keenam**, memberi semangat kepada pemimpin kerajaan juga rakyat agar membuat persediaan dari pelbagai aspek secara

bersungguh-sungguh untuk menanti saat pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iyyah ini.

Perbincangan demi perbincangan yang kita adakan sebelum ini termasuk sambutan hari Hududullah setiap tahun adalah bertujuan memberi gambaran yang soheh terhadap pelaksanaan hukum Islam dalam masyarakat. Kanun Jenayah Syar'iyyah ini bukanlah bermakna hukuman sebat dan potong tangan semata-mata. Malangnya wajah hudud, qisas, taazir yang ada dalam syariat Islam telah diberikan imej yang cukup buruk oleh media barat dengan sokongan media sekular yang lain yang menjadikan masyarakat seringkali tersalah anggap tentang Kanun Jenayah Syar'iyyah ini. Hakikatnya pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iyyah ini bermakna kita menjaga batasan Allah. Setiap apa yang diperintahkan atau dilarang oleh Allah SWT itulah yang dinamakan batasan. Melanggar batasan iaitu dengan mengerjakan apa yang dilarang dan ini disebut sebagai melanggar hududullah.

Kita amat bimbang, pemikiran umat Islam ini masih lagi terikat dengan asas pemikiran barat dalam menilai undang-undang Islam. Kalau kita perhatikan, terdapat perkara yang dianggap jenayah oleh syariat Islam, tetapi tidak dianggap jenayah oleh undang-undang manusia yang ada sekarang ini. Contohnya; zina tidak dianggap jenayah dan tiada peruntukan mengenainya dalam kanun kesiksaan Malaysia dan panel code England. Yang ada peruntukan ialah mengenai rogol dan persetubuhan dengan perempuan bawah umur dewasa walaupun dengan persetujuannya. Begitu juga, minum arak

tidak dianggap salah oleh kanun kesiksaan Malaysia dan panel code England. Cuma peminum arak akan dikira melakukan kesalahan jika dia memandu kereta dalam keadaan mabuk dan telah meminum arak melebihi had yang dibenarkan. Sedangkan dalam syariat Islam, zina dan minum arak ini merupakan jenayah berat dan dikenakan hukuman hudud. Sebenarnya tanggapan yang berbeza terhadap jenayah antara syariat Islam dan undang-undang manusia berpunca dari tidak memahami pensyariatan kanun jenayah Islam yang telah tersurat dalam nas al-Quran juga hadis nabi.

Melaksanakan undang-undang Islam ini adalah tugas dan kewajipan kita semua dan tidak wajar bagi kita menerima sebahagian daripada undang-undang Islam itu dan menolak atau mengabaikan sebahagian yang lain atau dalam erti kata lain kita ingin membuat pilihan terhadap undang-undang yang telah dibuat ketetapan oleh Allah. Firman Allah dalam hal ini:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُّؤْمِنَةً إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ رَأْمَراً أَن يَكُونَ لَهُمْ  
الْحِيَاةُ مِنْ أَمْرِهِمْ فَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا



Maksudnya: *Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan rasulnya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara lalu mereka memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Sesiapa yang tidak taat kepada*

*hukum Allah dan rasulnya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.*(Al-Ahzab: 39)

Ada pihak yang menyatakan hasrat kerajaan Kelantan ini sekadar mainan politik sahaja, terkini dalam *Youtube* dan juga *Facebook* hari ini saya cukup bimbang bila melihat ada orang Islam yang namanya dikenali ramai, muslim tapi boleh mempertikaikan undang-undang Islam ini dari sudut tidak relevan pada zaman hari ini. Kalau hendak mempertikaikan pihak kerajaan yang mengendalikan pelaksanaan ini dari sudut teknikalnya, kita boleh terima, akan tetapi jika dikaitkan penolakan itu kepada hukum Allah maka ini sudah tidak boleh. Inilah golongan yang jahil dan tidak mengetahui keindahan syariat Islam itu sendiri. Inilah akibat apabila Islam sebagai agama itu dianuti hanya sekadar dalam ruang lingkup ibadat sahaja, dan tidak diperluaskan sehingga kepada bab jenayah.

Hakikatnya, undang-undang yang dinaskan oleh Allah SWT itulah yang merupakan satu perkara paling relevan setiap masa dan zaman, menjadi pencegahan dan pendidikan kepada umat Islam. Ini yang wajib kita semua perjuangkan untuk dilaksana di negeri dan negara kita. Firman Allah Taala:

إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ يَقُصُّ الْحَقَّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَلَّٰٰلِينَ

Maksudnya: *Hanya Allah jualah yang menetapkan hukum; Dia menerangkan kebenaran, dan Dia lah sebaik-baik yang memberi keputusan".* (Al-An'am: 57)

Kanun Jenayah Syar'iyyah yang bakal kerajaan Kelantan laksanakan nanti, hanya kepada orang Islam dan tidak termasuk masyarakat bukan Islam. Pengecualian ini bukanlah suatu yang baru dalam fiqh Islam. Terdapat qaul atau pandangan daripada ulama' silam yang menjadi rujukan bagi pengecualian ini. Di antaranya ialah qaul dari Imam Nakhaie, Imam Sya'bi dan beberapa ulama' lain yang menyatakan; "sesuatu kes atau kesalahan yang dilakukan oleh orang bukan Islam yang mana hukumannya boleh dijatuhkan hukuman hudud apabila kes itu dibawa ke mahkamah syariah, pihak hakim boleh membuat pilihan mengikut budi bicaranya, sama ada dia hendak membicarakan kes itu atau menolaknya". Pendapat mereka ini berdalilkan firman Allah;

فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضْرُوكَ شَيْئًا  
وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقُسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: *Jika mereka (iaitu orang bukan Islam) datang kepadamu wahai Muhammad (untuk meminta keputusan), maka hukumlah di antara mereka, atau berpalinglah dari mereka; jika kamu berpaling dari mereka maka mereka tidak akan memberi mudharat sedikitpun kepadamu. Dan jika kamu memutuskan hukuman ke atas mereka, maka tetapkanlah hukuman di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil.* (Al-Maidah: 42)

Difahami dari ungkapan “أو أعرض عنهم” dalam ayat tadi bahawa hakim boleh memilih untuk tidak mengadili orang-orang bukan Islam di bawah undang-undang Islam. Atau dalam pengertian yang lain; tidak menjadi suatu perkara yang menyalahi syarak jika orang-orang bukan Islam yang melakukan jenayah dalam negara umat Islam dan tidak didakwa di bawah peruntukan undang-undang jenayah syar’iyyah dan dikecualikan dari hukum hudud. Inilah ketetapan yang telah diambil oleh kerajaan Kelantan dalam pelaksanaannya nanti.

Semoga muzakarah yang diusahakan ini akan dapat memberi maklumat yang amat baik untuk pelaksanaan Kanun Jenayah Syar’iyyah nanti dan sekaligus kita akan menemui kaedah-kaedah serta penyelesaian yang telah dibincangkan oleh ulama’ silam dan kontemporari hari ini. Akhir sekali, saya sekali lagi ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang bertungkus-lumus menjayakan muzakarah ini yang akan bermula esok, semoga berjalan dengan lancar dan mendapat pimpinan serta ‘inayah Allah SWT. Dengan lafaz :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya merasmikan majlis muzakarah penyediaan kaedah-kaedah hukuman kanun jenayah syar’iyyah pada kali ini.

سِيرُوا عَلَى بُرْكَاتِ اللَّهِ

**SEMPENA MAJLIS PEMBUKAAN  
SECOND INTERNATIONAL HALAL FOOD AND  
COMMODITIES FAIR 2014**

BERTEMPAT DI LINXIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوْ اخْطُوْتِ الشَّيْطَنِ  
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Yang bermaksud : *Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.* (Al-Baqarah: 168)

Alhamdulillah, kita lafazkan setinggi-tinggi pujian ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengizinkan kita semua untuk bertemu di sini dan saya sebenarnya sudah lama berniat ingin ke Linxia ini dan Alhamdulillah dimakbulkan juga hajat saya ke sini khususnya dalam kita menjalankan hubungan erat yang kukuh antara Kelantan dan Linxia.

Alhamdulillah kerana program yang berkaitan dengan *Halal food* ini dapat kita teruskan untuk kali keduanya. Saya pada hakikatnya amat mementingkan program-program khususnya yang mempunyai kaitan

dengan persoalan makan minum kerana ianya adalah asas pertumbuhan kepada perangai dan sikap manusia.

Makanan merupakan salah satu daripada isu yang penting dalam kehidupan manusia. Pengambilan makanan bukan sahaja untuk meneruskan kehidupan tetapi juga untuk memastikan tubuh badan sentiasa sihat sejahtera demi memastikan jasad sentiasa segar untuk beribadat kepada Allah SWT. Justeru, Allah SWT mensyaratkan pengambilan makanan hendaklah berasaskan kepada dua syarat iaitu pertama halal dan yang kedua baik. Halal bermaksud makanan yang didapati secara halal, dengan rezeki dan pekerjaan yang halal serta merupakan jenis makanan yang dihalalkan. Manakala *toyyib* iaitu baik bermaksud makanan yang berzat dan berkhasiat, tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan manusia. Inilah yang ditegaskan di dalam ayat yang saya bacakan di awal ucapan tadi.

Melalui hubungan antara negara juga, kita dapat menyaksikan pada hari ini pelbagai makanan yang boleh dijenamakan di peringkat antarabangsa. Kita dapat lihat bagaimana makanan yang berasal dari sesebuah tempat yang lain pada mulanya begitu asing di sesetengah tempat tetapi akhirnya diterima sebagai salah satu makanan berjenama dan menjadi sebutan. Contohnya mee yang dimakan oleh masyarakat kita pada hari ini tidak pernah dikenali oleh bangsa Melayu suatu masa dulu. Tetapi melalui percampuran dengan orang-orang Cina yang datang dari Tanah Besar China, sedikit demi sedikit orang-orang Melayu mula berjinak-jinak memakan mee dan hari ini,

mee sudah tidak asing di kalangan orang-orang Melayu bahkan dijual dan dipasarkan dengan pelbagai aneka nama mee.

Kunjungan yang kita lakukan ini selain untuk bersama-sama menjayakan pembukaan *International Halal Food*, ianya bertujuan untuk mengukuhkan lagi ikatan ukhuwwah dan persaudaraan Islam terutamanya dengan negara China yang telah sedia terjalin khususnya ekoran penganjuran Ekspo Perdagangan Antarabangsa Cheng Ho sebelum ini di Kelantan. Saya yakin, dengan terlaksananya program seperti ini, masyarakat khususnya umat Islam kian yakin bahawa kepelbagaian bangsa, keturunan dan adat resam merupakan satu hikmah yang besar kepada manusia.

Kepelbagaian ini membolehkan manusia mempelajari dan mengenali antara satu sama lain serta mengambil manfaat dari keunikan yang ada pada setiap bangsa dan kaum. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadikan kita berpecah belah bahkan seharusnya meransang ke arah berlakunya pertalian komunikasi serta saling menimba ilmu di antara satu sama lain. Ia sama sekali tidak bermaksud agar setiap bangsa berusaha untuk memperjuangkan ketuanan bangsanya sehingga menafikan keadilan terhadap bangsa yang lain. Islam menanamkan keyakinan kepada penganutnya bahawa Allah SWT merupakan tuhan untuk semua manusia tanpa mengira bangsa.

Saya amat berharap agar hubungan ini kekal utuh bukan setakat dalam bidang perniagaan dan industri halal namun dalam perkara lain yang penting seperti aspek pendidikan. Jadi sempena kunjungan kami ke sini, kita akan adakan juga MoU di antara Pusat pengajian di

Kelantan iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Linxia Education Board khasnya dalam aspek pertukaran pelajar. Selain itu insyaallah MoU akan diadakan juga antara MATTA Kelantan dan Linxia Tourism, Pupuk Nilai Murni Sdn Bhd dan Linxia Commerce Bureau dan juga Kelantan Malay Businessman and Industrialist Association of Malaysia (PERDASAMA) dan Linxia Chamber of Commerce. Pihak kami amat berharap dengan kerjasama persefahaman ini dapat membangunkan negeri Kelantan dan Wilayah Linxia serta dapat kita sebarkan atau promosi produk-produk halal Kelantan untuk pasaran China dan begitu juga sebaliknya.

Akhir kata, saya mengharapkan agar hubungan persahabatan yang terjalin di antara kita tidak berakhir dengan berakhirnya kunjungan ini. Bagi saya, kita semua bersaudara. Tidak ada di antara kita yang melebihi ke atas yang lain melainkan dengan taqwa kepada Allah SWT. Besarlah harapan saya agar tuan-tuan dapat terus berkunjung ke Kelantan pada masa-masa yang akan datang. Demikian juga bagi pihak kerajaan negeri Kelantan, kami akan berusaha dari masa ke semasa untuk terus menerokai hubungan antara Kelantan dengan China khususnya di dalam pelbagai bidang dan aspek, InsyaAllah. Semoga setiap amalan kita mendapat ganjaran di sisi Allah SWT :

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL TASAWWUR ISLAM  
SIRI 1 (2013/2014)  
DAN  
PELANCARAN PROGRAM TASAWWUR ISLAM SIRI 2  
(2014/2015)**

21 Zulhijjah 1435H / 16 Oktober 2014  
Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim

الحمد لله رب العالمين ، والصلوة والسلام على سيد المرسلين وخاتم النبيين ، سيدنا محمد  
وعلى آله وأصحابه أجمعين ، أما بعد :

Firman Allah Taala:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَعَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad), melainkan dari kalangan lelaki yang berjiwa besar, lalu Kami mewahyukan kepada mereka. Maka bertanyalah kamu, kepada orang-orang yang berpengetahuan Agama jika kamu tidak mengetahui.* (Al-Nahl: 43)

Alhamdulillah syukur kepada Allah Taala kerana dengan keizinanNya pada hari ini, maka dapat kita mengadakan Majlis Penganugerahan Sijil Diploma Tasawwur Islam bagi siri 1 yang telah dilancar sebelum ini. Kursus ini amat penting dalam mendapatkan nilai tambah asas khasnya dalam melengkapkan lagi visi kerajaan negeri Merakyatkan

Membangun Bersama Islam. Sudah tentu apabila pegawai-pegawai kita mempunyai ilmu yang mendalam dalam pengajian Islam, kita yakin ikhtisos dan kebolehan yang sedia ada akan lebih bertambah dan tindak-tanduk juga akan lebih terarah.

Maka, usaha yang kerajaan lakukan ini adalah bagi menambahkan kefahaman kita tentang tuntutan Islam dan menambah kekuatan kita dalam mentadbir serta bagi meneruskan apa yang telah diperjuangkan oleh pemerintah khulafak al-Rasyidin dalam meninggikan agenda ilmu dalam pentadbiran sekaligus menjadikannya sebagai indikator dalam urustadbir.

Dahulu, semasa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, negara-negara Parsi, Syam, Mesir dan seluruh Semenanjung Tanah Arab berjaya ditakluki. Agenda besar yang diutamakan ialah dibangunkan masjid-masjid di semua kampung sebagai tempat ibadat dan pusat pendidikan Islam. Di masjidlah tasawwur-tasawwur kepada tuntutan Islam dalam lapangan hidup manusia diajarkan secara menyeluruh. Semua rakyat jelata dikerah untuk menyertai kelas-kelas pengajian di masjid ini. Pemerintah mengutamakan nilai tambah dari sudut keilmuan ini bagi membangunkan masyarakat yang baik dan seterusnya negara yang aman.

Penyusunan agenda pendidikan secara institusi mula disusun secara baik di zaman Khalifah Umar al-Khattab apabila beliau mendirikan pusat-pusat pengajian Islam di kota-kota Basrah, Kufah, Fusthat dan sebagainya. Guru-guru agama telah dihantar ke pusat-pusat ini

sementara imam-imam pula dihantar ke masjid-masjid. Para pegawai dan pentadbir kerajaan dihantar ke pusat pengajian Islam yang didirikan ini bagi memahami kandungan kitab suci al-Quran dan Hadith bagi dijalankan semasa mereka mengurus negara. Alhamdulillah, hari ini hal yang sama dapat kita jalankan kepada para pegawai tadbir dengan izin Allah.

Kerajaan Kelantan semasa pentadbiran YB Tok Guru Dato' Bentara Setia Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat lagi telah menerapkan dasar-dasar tasawwur Islam yang jelas kepada para pegawai kerajaan melalui UMI yang kita canangkan. Budaya ilmu ini sebenarnya telah dijadikan salah satu tonggak pembangunan negeri dalam segenap bidang, baik pentadbiran, ekonomi dan undang-undang. Apabila budaya ilmu ini diwujudkan dalam pentadbiran ianya memberi kesan yang baik dan dapat meningkatkan kualiti kerja serta hasil yang memuaskan.

Kita ingin menjadikan negeri ini sebagai model dalam pentadbiran ala khulafak al-Rasyidin yang amat mementingkan agenda pembangunan ilmu-ilmu tasawwur Islam dan juga pendidikan tinggi. Agenda ilmu pada hakikatnya merupakan agenda yang boleh merubah sesebuah negeri atau negara itu menjadi semakin membangun dan maju. Islam telah berjaya mengubah wajah negara Andalus suatu ketika dahulu daripada sebuah negeri yang mundur dan miskin kepada satu tahap ketamadunan yang tinggi dan dikagumi oleh dunia. Orang Islam Andalus telah menyedarkan masyarakat Barat dari tidur seterusnya membawa mereka ke zaman kemajuan dan peradaban.

Asas ilmu inilah juga yang pihak kerajaan Kelantan ingin terapkan agar agenda pembangunan dapat dibangunkan berdasarkan aqidah Islamiah sebagai kunci yang menaungi seluruh aspek perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri. Bagi kerajaan negeri Kelantan, melalui kefahaman aqidah Islamiah ini, dapat membawa agenda pentadbiran ke arah pengukuhan keyakinan menyokong dasar pentadbiran yang berteraskan Islam di Kelantan. Ini kerana pendekatan aqidah adalah prasyarat utama dalam perjalanan hidup untuk mempersiapkan diri menghadapi kematian dan pembalasan hari akhirat. Negeri kita nak lahirkan pentadbir dan rakyat yang sifar maksiat dan sifat mungkar, hal ini perlu dititikberatkan oleh kita semua.

Menyedari hakikat tersebut, maka pihak kerajaan mencadangkan Program Tasawwur Islam ini diadakan kepada pegawai-pegawai kerajaan negeri yang merupakan tulang belakang dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan. Tujuan kita adakan program ini juga jelas iaitu :-

- 1.1 Untuk menerapkan nilai-nilai agama Islam dalam sistem pentadbiran dan pengurusan kerajaan,
- 1.2 Untuk membentuk pegawai yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam.
- 1.3 Untuk melahirkan pegawai yang bersedia untuk berubah dan menjadi qudwah kepada masyarakat.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan wang untuk membiayai yuran pengajian serta makan minum peserta bagi menamatkan kursus ini dalam anggaran RM 42,900.00 bagi satu siri dan Alhamdulillah kita telah berjaya tamatkan siri 1 dan mulakan siri kedua pada hari ini sebagaimana yang dimaklumi.

Sebelum ini, Peserta Program Tasawwur Islam Siri 1 telah ditawarkan kepada Pegawai Tadbir Negeri sahaja tetapi peserta Program Tasawwur Islam Siri 2 ini kita telah mencadangkan agar peserta program ditawarkan juga kepada Pegawai-pegawai Gred 41 ke atas di lain-lain Jabatan Negeri seperti JKR, JPS, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Veterinar, PKINK dan PMBK dan lain-lain.

Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa Program Tasawwur Islam ini telah mendapat maklumbalas yang amat positif daripada peserta yang mengikutinya dan disyorkan supaya program ini dapat diteruskan untuk siri-siri yang seterusnya. Saya berharap Pejabat SUK dengan kerjasama pihak KIAS dapat menganjurkan pengajian lanjutan kepada peserta siri 1 agar ilmu Tasawwur Islam yang diperolehi tidak terhenti di situ sahaja. Diharapkan pihak KIAS dapat merangka dan memantapkan lagi modul yang sedia ada agar menepati kehendak dan hasrat kerajaan untuk melahirkan pegawai-pegawai kerajaan yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam.

Kerajaan negeri benar-benar mengimpikan pegawai-pegawai kerajaan negeri Kelantan tidak hanya cekap dalam pekerjaan semata-mata,

bahkan mempunyai ilmu keagamaan yang tinggi. Kita mengharapkan pegawai kita boleh menjadi Tok Imam di masjid-masjid, boleh membaca doa di dalam sesuatu majlis bahkan boleh juga menjadi pengkuliahan dalam bidang ilmu agama apabila diminta.

Semoga usaha yang kita rencanakan ini mendapat inayah dan panduan daripada Allah SWT. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada pegawai yang telah berjaya menamatkan kursus atau program ini dan teruskan mendalamai ilmu-ilmu agama yang sememangnya teramat luas. Semoga siri yang kedua ini berjalan dengan jayanya dan mendapat kerjasama semua pihak. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang menjayakan agenda penting kerajaan ini.

**SIDANG DUN YANG KETIGA BELAS**  
**SEMPENA PERBAHASAN USUL MEMPERTAHANKAN**  
**PALESTIN**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰى إِلٰهِ وَصَاحِبِهِ  
أَجْمَعِينَ.

Firman Allah Taala:

لَقَدْ سَمِعَ اللّٰهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللّٰهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ  
سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلُهُمُ الْأَنْبِياءُ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ  
 **الْحَرِيقِ**

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang Yahudi yang menyatakan: bahwasanya Allah itu miskin dan kami Yahudi adalah orang-orang kaya. Allah akan menuliskan perkataan yang mereka ucapkan itu dan perbuatan mereka yang membunuh para Nabi dengan penuh kezaliman, dan Kami akan katakan kepada mereka: "Rasalah kamu azab seksa yang sentiasa membakar. (Al-Imran: 181)

Umat Islam hari ini menghadapi kepungan jahiliyah moden di seluruh dunia. Belumpun reda penderitaan dan kesengsaraan umat Islam di

Syria, Afrika Tengah, Myanmar, Mesir dan terkini pergolakan di Yaman, Palestin pula kembali menjadi tempat persinggahan tetap bagi tragedi peperangan dan penindasan yang dilakukan oleh Zionis Israel. Palestin sering menjadi mangsa serangan Zionis Israel bagi menanamkan kebencian mereka terhadap Islam. Rakyat Palestin menjadi mangsa penindasan kerana mereka tidak mengiktiraf negara haram Israel. Inilah yang telah ditegaskan Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 217:

وَلَا يَرْأُونَ يُقَاتِلُوكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَنِ دِينِكُمْ

Maksudnya: *Dan sentiasalah mereka (yakni golongan musyrikin) memerangi kamu sehingga mereka memalingkan kamu daripada agama kamu.*

Zionis Israel ini adalah musuh kita yang nyata pada hari ini. Zionis Israel adalah negara yang paling banyak melanggar Resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu lebih daripada 80 Resolusi sejak penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945. Semasa pemerintahan Ariel Sharon sahaja, mereka telah melakukan pembunuhan beramai-ramai secara kejam ke atas lebih daripada 2,750 penduduk Palestin di khemah-khemah pelarian Sabra dan Shatila pada tahun 1982.

Selama lebih 70 tahun, umat Islam di Palestin hidup di medan peperangan. Mereka berada di tengah-tengah kekejaman penajah durjana bernama Zionis Israel. Mereka ditindas dan dizalimi tanpa belas dan simpati. Orang-orang tua diusir keluar dari tanah air, kaum

lelaki mereka dikelar dan ditembak mati, wanita diperkosa dan dibelah perutnya, kanak-kanak dibunuh dan dicuri organ-organnya, manakala rumah kediaman dihancurkan dan dibakar sejak sekian lama.

Para Pemimpin dan ulama' besar Palestin seperti Syeikh Izzudin al-Qassam, Syeikh Ahmad Yassin, Dr. Abdul Aziz al-Rantisi dan lain-lain telah menemui syahid di hujung senjata Zionis Israel yang kejam. Para mujahidin dan pemuda-pemuda Islam yang muhmu mempertahankan tanah air mereka, ditangkap dan dikurung puluhan tahun lamanya, dalam bilik kurungan yang sempit dan serba gelap serta diperlakukan seperti binatang. Inilah perlakuan bangsa Yahudi yang durjana pada hari ini. Demikianlah firman Allah berbunyi:

لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِّلَّذِينَ آمَنُوا إِلَيْهُودٍ وَالَّذِينَ أَشْرَكُواْ

*Maksudnya: Kamu akan dapati, manusia yang paling bermusuh dengan orang-orang yang beriman ialah kaum Yahudi dan orang-orang yang menyekutukan Allah. (Al-Maidah: 82)*

Kebanyakan umat Islam hari ini masih lagi tidak memahami dan kurang arif terhadap isu-isu berkaitan dengan Palestin yang membabitkan umat Islam dan kepentingannya kepada dunia Islam. Situasi ini termasuklah konflik antara Palestin dan regim Israel. Ramai yang mengatakan bahawa ia hanya satu konflik politik dunia Arab. Ada yang mengatakan bahawa ia soal perkauman, soal agama, pembersihan etnik dan lain-lain. Selain itu, masyarakat menganggap

bahawa isu Palestin sebagai isu perjuangan agama Islam dan isu penduduk Palestin sahaja. Bahkan terdapat juga umat Islam yang langsung tidak mengetahui dan mengambil peduli mengenai Baitul Maqdis dan Palestin. Keadaan ini menggambarkan seolah-olahnya Palestin adalah dunia yang asing dan tidak pernah wujud di muka bumi ini. Betapa liciknya musuh Islam permainkan isu palestin ini. Oleh itu, pada persidangan di dewan yang mulia pada hari ini, saya menyeru kepada semua pemimpin di semua peringkat agar memahami isu ini dari sudut ianya adalah tanggungjawab umat Islam seluruhnya dan ia adalah hak yang wajib dipikul oleh kita semua yang akan dipersoalkan oleh Allah kelak.

Kesatuan Ulama Islam Sedunia yang dipengerusikan oleh Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi telah mengusulkan kepada negara-negara umat Islam agar berkewajipan membantu umat Islam di Palestin, khususnya kerajaan HAMAS yang dipilih secara demokratik. Beliau telah mengeluarkan fatwa yang menegaskan, wajibnya umat Islam menghulurkan bantuan dalam apa juu bantuan kepada Palestin.

Maka, persidangan di dewan yang mulia pada hari ini juga turut menyeru rakyat Kelantan untuk sentiasa menderma serta menyumbang fisabilillah dan ini adalah jihad kita di sini. Firman Allah:

وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْ آمَنُوا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقَهُمُ اللَّهُ

Maksudnya: *Dan apalah kerugian yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mereka mendermakan sebahagian dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka.* (Al-Nisa': 39)

Sebelum ini pihak kerajaan telah melancarkan dana bagi membina Gaza baru yang akan disalurkan melalui saluran rasmi yang sah. Sumbangan yang diberikan setakat ini telah melebihi setengah juta ringgit, kita akan gunakan untuk membina Gaza baru yang telah teruk musnah. Untuk bangunkan Gaza ini sememangnya mengambil masa yang lama, mungkin jangka masa 15 hingga 20 tahun baharu boleh siap sepenuhnya. Usaha membina semula Gaza ini juga dijangka akan menelan kos lebih kurang sebanyak 6 billion USD atau bersamaan 18.9 billion ringgit. Ini adalah satu kos yang sangat besar dan memerlukan seluruh masyarakat antarabangsa untuk membantu Gaza termasuklah kita di Kelantan.

Bersempenaan Sidang Belanjawan bagi tempoh penggal yang kedua Dewan Undangan Negeri yang Ketiga belas hari ini, pihak kerajaan negeri Kelantan di sini menuntut agar:-

**Pertama;**

Pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) mestilah mengambil tindakan tegas terhadap jenayah kemanusiaan yang telah dilakukan oleh penganas Zionis Israel ke atas umat Islam di Palestin dalam tempoh masa terdekat ini.

**Kedua;**

Pihak PBB, dan khususnya OIC dan juga Liga Arab mendesak kerajaan Israel agar hentikan apa jua bentuk serangan ke atas rakyat Palestin khususnya membuka lebih banyak pintu masuk di sempadan dengan Gaza bagi membolehkan barang, termasuk bantuan kemanusiaan disalurkan dengan mudah.

**Ketiga;**

Pihak kerajaan Mesir mestilah memberi sokongan yang padu kepada rakyat Palestin dan kerajaan Mesir mesti membuka serta memudahkan urusan di sempadan Rafah bagi saluran bantuan kemanusiaan dari luar untuk memasuki Palestin.

**Keempat;**

Pihak kerajaan Saudi hendaklah mengambil tanggungjawab untuk mengumpulkan seluruh pimpinan dunia Islam yang mengerjakan haji setiap tahun bagi membincangkan penyelesaian dan cara menyelesaikan kemelut di Palestin. Kerajaan Kelantan mencadangkan agar persidangan atau *Muktamar Duwali* pemimpin dunia Islam diadakan bagi tujuan ini.

**Dan Kelima;**

Pihak berkuasa antarabangsa membuat desakan kepada Israel supaya membebaskan tahanan Palestin yang ditangkap kerana semata-mata mempertahankan Baitul Maqdis, mempertahankan masjid dan sekolah

dari diruntuhkan. Begitu juga dengan tahanan politik dan beratus-ratus yang ditahan di Tebing Barat ketika ini.

Semoga sidang kita pada hari ini mendapat naungan dan ‘inayah’ daripada Allah SWT.

أَفْوُلُ قَوْلِيْ هَذَا ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمِ لِنِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**SEMPENA MENANDATANGANI MEMORANDUM  
PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN KELANTAN  
DAN LINXIA**

Bertempat di Linxia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

قال الله تعالى : يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَأَنْتُمْ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَلَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ

Yang bermaksud: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya* (Al-Hujurat: 13)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama menjayakan majlis menandatangani memorandum persefahaman bagi menjalinkan kerjasama di antara kerajaan Kelantan dengan Linxia, China. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas usaha pihak Linxia dan Kelantan untuk menjalinkan hubungan persahabatan ini. Semoga sepanjang kami di sini, kami dapat menimba pengalaman yang manis dan ikatan ukhuwwah kita semakin erat dan utuh.

Hari ini Alhamdulillah, sekali lagi kita telah berjaya membuktikan keunggulan persaudaraan di dalam Islam dengan terjalannya memorandum persefahaman pada hari ini. Hakikatnya hubungan kerajaan Kelantan dengan negara China sudah terjalin sama ada secara langsung atau tidak langsung sebelum ini. Seingat saya semasa YB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat ketika itu dilantik Menteri Besar Kelantan pada bulan Oktober 1990 iaitu sudah 24 tahun yang lampau telah memilih China sebagai destinasi pertamanya untuk dilawati sambil meninjau peluang-peluang yang dapat diambil untuk kebaikan bersama.

Ini membuktikan bagaimana Kelantan melihat China sebagai satu negara yang mempunyai pelbagai aspek positif yang boleh dicontohi. Saya pada hari ini juga akan mengembalikan semula memori mantan Menteri Besar yang telah bertandang ke sini dengan adakan kunjungan seumpama ini.

Kelantan telah ditadbir dengan dasar Membangun Bersama Islam semenjak 24 tahun yang lampau. Kita berusaha melakukan apa sahaja yang terbaik untuk negeri kami dan membawa manfaat untuk rakyatnya dengan berlandaskan syariat Islam. Pembangunan yang dilakukan di Kelantan tidak terhenti bahkan sentiasa berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan di samping tidak mengenepikan Islam sebagai asas di dalam pentadbiran.

Alhamdulillah, hari ini dengan terjalannya persefahaman antara dua buah kerajaan iaitu Kelantan dan Linxia ini bakal mewarnai lagi hubungan dua hala yang bakal membawa pelbagai manfaat ini. Saya

dimaklumkan Linxia merupakan satu wilayah autonomi yang ditadbir oleh umat Islam dan dihuni oleh majoriti umat Islam. Nama Linxia sendiri pun hakikatnya tidaklah asing di kalangan rakyat Kelantan sendiri. Bahkan kita pernah menghantar satu rombongan guru-guru pondok melakukan lawatan ke Linxia bagi meninjau kehidupan dan amalan umat Islam di sana. Saya dimaklumkan lawatan tersebut telah banyak memberikan manfaat dan maklumat baru kepada guru-guru agama khususnya berkenaan situasi umat Islam di Wilayah autonomi ini.

Hari ini saya dimaklumkan persefahaman yang akan dimeterai ialah berkonsepkan kerjasama atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama, untuk menggalakkan hubungan rakyat dan ekonomi perdagangan antara kedua-dua rantau, dan secara aktif menjalankan kerjasama dalam bidang industri, pendidikan, kebudayaan, pendidikan, pelancongan dan lain-lain untuk pembangunan bersama dan kemakmuran. Dalam hal ini, saya harap hasil perjanjian ini, kedua-dua pihak akan giat menjalankan kerjasama dalam segi industri halal dan pensijilan dari segi makanan, ubat-ubatan, pakaian, produk biologi dan penternakan.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan kita bersama mengadakan majlis menandatangani memorandum persefahaman pada tengah hari ini. Harapan saya agar segala apa yang kita rancangkan ini diberkati Allah SWT.

**SEMPENA PENGHAYATAN HARI MABIT 1435H**  
**PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

12 Zulhijjah 1435  
Masjid Kasar, Pasir Mas

الحمد لله رب العالمين ، والصلوة والسلام على سيد المرسلين وختام النبيين ، سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين ، أما بعد :

Firman Allah Taala:

وَأَدْنَى فِي الْأَنَاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًاٰ وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ  
مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ TV

Maksudnya: *Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang ke Baitullah dengan berjalan kaki, menunggang pelbagai jenis binatang tunggangan yang datangnya dari pelbagai jalan dan dari segenap pelusuk yang jauh.* (Al-Hajj: 27).

Alhamdulillah, syukur kepada Allah Taala kerana dengan keizinanNya dapat kita berhimpun pada hari raya ke-3 ini untuk sama-sama kita menghayati satu agenda besar bagi umat Islam yang masih lagi berlangsung pada ketika ini di tanah suci Mekah iaitu hari *Mabit*.

*Mabit* atau kita bermalam atau berehat sekejap sama ada di Mina dan Muzdalifah ini adalah tuntutan semasa haji. Bermalam atau *mabit* di Muzdalifah adalah termasuk antara perkara-perkara wajib dalam

ibadat haji menurut pendapat jumhur fuqaha dan merupakan pendapat yang muktamad dalam mazhab kita, Mazhab Syafie.

Kita mestilah mengambil dan menghayati pengajaran dari tuntutan untuk mengerjakan *Mabit* ini:

- 1) Pengajaran semasa hari *Mabit* amat besar sekali kepada umat Islam untuk dihayati dan dilaksanakan dalam kehidupan kita. Jika diperhatikan kepada aturan di Muzdalifah di mana umat Islam bermalam di situ bagi mengumpulkan tenaga, kemudian menuju Mina untuk melanjutkan agenda besar iaitu melontar. Selama *mabit* di Muzdalifah ini disunatkan memperbanyak zikir dan berdoa. Setelah lewat tengah malam, jamaah haji akan berangkat menuju Mina untuk *mabit* dan melontar jamrah pada 11, 12, 13 Zulhijjah. Jelas di sini bahawa persediaan tenaga amat diperlukan bagi agenda melawan kejahanatan syaitan.
- 2) Hal ini juga memberi gambaran kepada umat Islam agar sentiasa mempersiapkan diri baik tenaga mahupun perbekalan dan senjata untuk melawan musuh manusia yang nyata iaitu syaitan. Batu kerikil yang digunakan untuk melontar itu melambangkan perang umat Islam melawan syaitan yang selalu menghasut manusia dan menjerumuskan mereka ke dalam api neraka.

3) *Mabit* ini juga merupakan peninggalan ajaran Nabi Ibrahim A.S. ketika diperintahkan Allah SWT untuk menyembelih puteranya Nabi Ismail A.S. Dalam perjalanan menjalankan perintah Allah inilah Nabi Ibrahim mendapat godaan terus-menerus dari syaitan agar melupakan niatnya untuk menyembelih putera kesayangannya, tetapi Nabi Ibrahim A.S. tetap istiqamah menjalankan perintah Allah ini dan melontari syaitan-syaitan tersebut dengan batu kerikil. Ini menggambarkan ujian yang bakal dihadapi oleh umat Islam dalam menentang musuh-musuh mereka. Hanya kesabaran dan istiqamah yang mampu menjayakan agenda perjuangan kita.

Sebenarnya rukun Islam yang kelima iaitu haji ini terlalu banyak pengajaran yang perlu umat Islam belajar darinya. Dalam al-Quran terdapat satu surah yang dinamakan dengan surah al-Haj. Hal ini menggambarkan kebesaran agenda ini kepada umat Islam.

Di awal tadi saya telah membacakan satu ayat dari surah al-Haj dan kita dapati bahawa ibadah haji merupakan topik asasi bagi surah ini. Jika diteliti, kita dapat rasakan betapa tingginya nilai ibadah haji dalam kehidupan seorang muslim.

Awal surah al-Haj mengingatkan kita tentang hari kiamat sebagaimana firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ إِنَّ زَلْزَالَةً أَلَّسَاعَةٍ شَيْءٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: *Wahai umat manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu suatu perkara yang amat besar.*  
(Al-Haj: 1)

Ini bermakna ibadah haji secara keseluruhannya mengingatkan tentang hari kiamat, dari padang Arafah ke Muzdalifah untuk melontar jamrah dalam keadaan yang amat panas, bersesak-sesak, dan penantian yang lama. Setiap manusia berharap kepada Allah dengan doa, dan mengucapkan “*labbaikallahumma labbaik*”, memakai pakaian haji yang mengingatkan kita tentang kain kafan yang dipakaikan kepada jenazah. Kepanasan, kesesakan dan tenggelam di dalam kepanasan cahaya matahari seolah-olah kita berada di padang Mahsyar.

Selain itu, Allah mendatangkan dalam surah ini ayat tentang jihad sebagaimana firmanya :

أَذِنْ لِلَّذِينَ يُقَاتِلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلْمُواٰ وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ



Maksudnya: *Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana Sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan Sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).* (Al-Haj: 39)

Jika kita hayati secara mendalam lagi, haji merupakan satu latihan asasi kepada jihad fi sabilillah, ia diibaratkan daripada gerakan yang

sukar semasa kita menunaikan haji, perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain, banyak dugaan yang ditempuhi, kesimpulannya, haji merupakan suatu ibadah yang paling tinggi di mana seseorang muslim meninggalkan kebanyakan rutin hariannya bagi membina diri dan menjadikannya seorang yang bersungguh-sungguh dan tahan lasak. Ini adalah persediaan jati diri umat Islam untuk membela agama mereka dari dihancurkan oleh musuh.

Kerajaan negeri kita amat mengutamakan penghayatan kepada peristiwa-peristiwa dan agenda besar yang berlaku dalam agama Islam bagi mengambil pengajaran dan yang penting tindakan susulan yang seharusnya dilakukan oleh umat pada hari ini. Sebelum ini, kerajaan telah mengadakan sambutan hari wukuf, sudah lebih 20 tahun kita telah mengadakan sambutan hari wukuf dan pada kali ini satu lagi agenda besar kerajaan kita ketengahkan kepada rakyat sempena musim haji iaitu penghayatan hari *Mabit*.

Apabila kita menghayati hari *Mabit* ini, kita kena lihat dari beberapa aspek lain yang tidak lari dari agenda *Mabit* yang dianjurkan oleh Islam, iaitu:

- 1) Perlu dan pentingnya mengukuhkan janji setia untuk menegakkan Islam dan perjuangannya sebagaimana anjuran Rasulullah SAW di musim haji.
- 2) Wajib umat Islam berusaha untuk bersatu padu di atas landasan perjuangan tegakkan hukum Islam.

- 3) Membincangkan hal-ehwal saudara seislam yang ditindas bagi mencari titik penyelesaian dan dibuat keputusan secara bersama di kalangan pemimpin-pemimpin negara umat Islam agar umat Islam yang ditindas mendapat pembelaan.

Jika kita hayati rukun haji ini, terdapat agenda baiah iaitu janji setia yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Baiah ini amat penting sekali bagi mewujudkan satu janji setia bersama untuk berjuang tegakkan Islam. Hal ini sebagaimana dinyatakan dalam hadis, Rasulullah SAW bersabda:

بَأْيُونِي عَلَىٰ أَنْ لَا تُشْرِكُوا بِاللّٰهِ شَيْئًا وَلَا تَسْرُقُوا وَلَا تَرْنُوا وَلَا تَقْتُلُوا أُولَادَكُمْ  
وَلَا تَأْثُرُوا بِبُهْتَانٍ تَقْرُونَهُ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ وَلَا تَعْصُوْا فِي مَعْرُوفٍ

Maksudnya: “Berilah baiah kamu kepadaku bahawa kamu tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak, tidak mengadakan dakwaan palsu di tengah-tengah masyarakat dan tidak ingkar dalam perkara makruf. (Riwayat Muslim)

Cuba kita lihat kepada kandungan bai’ah yang diambil oleh Rasulullah dari golongan Ansar (melalui bai’atul Aqabah pertama dan kedua), ada dua bentuk bai’ah yang mesti menjadi kelaziman setiap ahli gerakan Islam yang ingin tegakkan hukum Islam atas muka bumi iaitu;

1. Bai’ah untuk sentiasa berpegang-teguh dan beramal dengan setiap ajaran Islam.

2. Bai'ah untuk bersungguh-sungguh memperjuang dan mempertahankan Islam hingga ke titisan darah yang terakhir dan tidak gentar walau diancam.

Agenda yang amat penting juga ketika menghayati *Mabit* ialah penerapan nilai ukhuwwah yang utuh di kalangan umat Islam. Umat Islam berada di padang arafah sebenarnya adalah merupakan simbolik kepada kesatuan pemerintahan Islam apabila diperintah di bawah sistem Khilafah Islamiah. Hal ini kena kita fikir secara jamaie dan dalam kerangka yang besar.

Jika kita masih lemah dan asyik berpecah, kita bimbang perancangan musuh mengatasi kita. Konspirasi musuh dari kalangan kuffar mustakbirin, Zionis dan kuncu-kuncunya dari kalangan munafiqin yang terang-terang memusuhi Islam sentiasa merancang dengan berbagai perencanaan untuk memastikan ketuanan negara-negara barat, atau negara-negara kaya dikuasai mereka.

Kita sepatutnya mengambil kesempatan dari perhimpunan agung umat Islam di Mekah ini untuk kita berbincang bersama, kita duduk semeja, kita adakan seumpama bengkel untuk menyelesaikan kemelut yang melanda umat Islam secara bersama. Wakil-wakil dari seluruh dunia sudah ada lagipun kesemua yang pergi haji sudahpun bersedia dengan taqarrub kepada Allah dan meninggalkan sebahagian urusan dunianya. Peluang ini amat sesuai untuk kita kumpulkan fikrah atau pemikiran yang benar-benar ikhlas untuk kita berpadu dan selesaikan konflik umat Islam pada hari ini.

Alhamdulillah kerajaan negeri, telah mengambil langkah penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran secara peringkat demi peringkat namun ia perlu diberi sokongan sepenuhnya oleh semua pihak. Kita bekerjasama membantu membangun negeri kita demi menegakkan hukum Islam atas muka bumi negeri dan negara kita. Semoga negeri kita terus kekal dalam perhatian Allah dan lahir sebagai baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**MAJLIS SAMBUTAN DAN KESYUKURAN GENAP 24  
TAHUN PENTADBIRAN KERAJAAN KELANTAN**

26 Zulhijjah 1435 / 21 Oktober 2014  
Dewan Utama Kelantan Trade Centre (KTC) Kota Bharu

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ.

Firman Allah SWT :

قَالَ رَبِّ آغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ  
أَنْتَ الْوَهَابُ فَسَخَّرْنَا لَهُ الْرِّيحَ تَجْرِي بِأَمْرِهِ رُخَاءً حَيْثُ  
أَصَابَ

Maksudnya: *Berkata Nabi Sulaiman "Wahai Tuhanku! ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak ada taranya, Sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurnia. Lalu Kami permudahkan permohonannya dan Kami mudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, ke arah mana sahaja yang dikehendaki.* (Shod (ص): 35-36)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, dapat bersama-sama kita berada di dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun Pentadbiran Kerajaan Kelantan Membangun Bersama Islam ke-24

pada pagi ini. Saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua hadirin-hadirat yang memberikan komitmen yang tinggi untuk hadir ke majlis yang penuh bermakna ini. Tidak dilupakan kepada pihak urusetia yang menjayakan sambutan ulang tahun kerajaan negeri pada kali ini. Semoga dengan segala sumbangan yang kita berikan ini diberi ganjaran yang berlipat ganda di sisi Allah SWT.

Hari ini saya memulakan ucapan dengan memetik dua ayat al-Quran yang menceritakan tentang Nabi Allah Sulaiman A.S yang sentiasa memohon *maghfirah* keampunan daripada Allah SWT ketika mana memegang tampok pemerintahan. Dasar yang dibawa oleh Nabi Sulaiman ialah ‘dasar sifar dosa’ dengan meninggikan syiar Islam iaitu patuh menyerah diri kepada Allah SWT, ini kerana hanya dengan dasar ini sahaja akan membawa keberkatan serta kemakmuran kepada sesebuah pentadbiran. Dengan itulah, Allah telah mengurniakan kepadanya pemerintahan yang makmur serta dikagumi kekuasaannya oleh pemerintah lain ketika itu.

Inilah juga hasrat dan impian saya ketika memacu pentadbiran kerajaan Kelantan dengan berbekalkan sedikit pengalaman ketika bersama YB Tok Guru Dato’ Bentara Setia mentadbir kerajaan sebelum ini. Hakikatnya, pembangunan negeri Kelantan yang berteraskan Islam telah kita laksanakan sejak dua dekad lalu. Pendekatan aqidah Islamiah adalah kunci utama yang menaungi seluruh aspek perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri ini. Bagi saya, melalui kefahaman aqidah Islamiah ini, ia berupaya membawa ke arah pengukuhan dasar pentadbiran yang berteraskan

Islam di Kelantan. Ini kerana pendekatan aqidah adalah pra-syarat utama dalam membangunkan diri dan masyarakat dan sudah tentulah masyarakat yang berjaya ialah masyarakat yang berjaya pasangkan aqidah yang kukuh dalam jiwa dan pemikiran mereka.

Agenda pemerkasaan aqidah dan membangunkan generasi solat di semua DUN dan kawasan di negeri ini perlu diambil tanggungjawab oleh semua pihak terutamanya Bahagian Dakwah Halaqat di bawah JAHEIK agar memperkemaskan segala modul pengajian di kuliah masjid dan surau agar merangkumi bidang-bidang ilmu Islam secara syumul. Kita tidak mahu lagi ada orang mengatakan terdapat masjid di Kelantan yang hanya mengajar feqah dan tauhid sahaja, namun ilmu sirah nabi yang penting tidak didedahkan. Begitu juga kita tidak mahu hanya sebahagian bidang feqah sahaja diajar dan ada masyarakat kita yang masih tidak tahu tentang ilmu jenayah Islam serta ekonomi Islam. Diharapkan melalui lebih 500 orang guru agama yang terlatih di samping hampir 3000 orang guru al-Quran dan Fardhu Ain meningkatkan agenda pemerkasaan pengajian dan diharapkan dalam tempoh 4 tahun ke hadapan seboleh-bolehnya tiada surau atau balaisah yang tidak hidup.

Dalam konteks kuasa politik, sesebuah kerajaan hendaklah sedia melaksanakan cara-cara pentadbiran yang menurut lunas-lunas ajaran agama Islam. Barulah kerajaan tersebut dilihat telah mengambil kira matlamat pentadbiran berteraskan agama iaitu dengan memenuhi *maqasid al-syariah*. Di sebalik maqasid itulah akan berlaku jagaan

dan jaminan terhadap lima keperluan asasi, iaitu terjaganya agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta.

Manakala aspek kedua yang diberi perhatian oleh saya selaku yang diamanahkan sebagai peneraju kerajaan, saya ingin pastikan penerapan prinsip pentadbiran kerajaan berteraskan *ubudiyah*, *masuliyah* dan *itqan*. Apa jua kerja yang kita lakukan mesti diletakkan gambaran dosa pahala di hadapan dan kerja yang dilakukan adalah berteras *masuliyah* atau tanggungjawab kita serta dilakukan dengan penuh *itqan* atau berkualiti. Setiap kali kita lakukan kerja, setiap itulah kita telah melakukan ibadat kepada Allah. UMI yang telah kita serapkan dalam pentadbiran kerajaan ini bukan hanya untuk dijadikan penyedap mulut atau motto yang sentiasa diwar-warkan, malah kita mahu setiap daripada kita mengambil tanggungjawab membangunkan diri dan kewibawaan masing-masing dengan panduan UMI ini supaya integriti dapat dijanakan sepenuhnya dalam mengurus urusan kerja.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah kewangan untuk membiayai para pegawai tadbir negeri agar membina kualiti diri dengan keilmuan dengan kita menetapkan agar mereka mengikuti kursus diploma Tasawwur Islam dan pada minggu lepas kita baru sahaja menyampaikan ijazah kepada graduan siri satu dan kursus siri kedua telahpun dimulai pada Khamis lepas. Untuk siri kedua ini kita telah buka tawaran kepada pegawai-pegawai Gred 41 ke atas di lain-lain jabatan negeri seperti JKR, JPS, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Veterinar, PKINK serta PMBK. Saya

berharap peluang ini, menjadi rebutan semua tambahan lagi ia menjadi kayu ukur bagi menilai prestasi pegawai-pegawai kita.

Bagi memantapkan pelaksanaan UMI ini juga, pengajian atau kuliah setiap hari Khamis yang bermula jam 2.30 petang ditambah baik dengan penyediaan modul-modul yang bersepadu, baki lagi kita mahu kelas pengajian setiap Khamis ini diberi keutamaan oleh semua pihak bagi membangunkan dasar-dasar Islam dalam diri kita.

Kini, kita telahpun memasuki fasa kedua Membangun Bersama Islam yang kita masyhurkan dengan ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’. Dasar ini telah terbukti berjaya mendidik minda bukan sahaja rakyat negeri ini bahkan seluruh masyarakat Malaysia. Islam yang menjadi teras di dalam pentabiran kerajaan tidak lagi dilihat sebagai agama yang disebut-sebut di masjid semata-mata, tetapi ia dibawa ke meja pentadbiran. Islam dilihat mampu mentadbir dan bukan ditadbir, Islam dilihat sebagai syariat yang memerintah dan bukannya syariat yang diperintah. Dasar Membangun Bersama Islam terus kita perkukuh dengan pelancaran Pelan strategik ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’ pada 6 Mei 2014 yang lalu dengan mengambil kira sudut pemakaian sistem perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek yang akan dipantau oleh SPARK yang telah ditubuhkan pada 16 Februari 2014 bagi memastikan proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan setiap projek di bawah Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan ahli EXCO berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

Pelan 'merakyatkan' yang kita jenamakan ini adalah suatu perancangan program bersepada untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan agar bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama di mana kita memfokuskan beberapa strategik tertentu bagi mencapai matlamat misi 'Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan' iaitu dengan memberi tumpuan kepada tujuh nilai teras Merakyatkan Membangun Bersama Islam:

- 1) Amalan Kebersihan;
- 2) Menyempurnakan Solat;
- 3) Pembangunan Pendidikan;
- 4) Menyuburkan Kebudayaan dan Kesenian;
- 5) Menangani Gejala Sosial;
- 6) Menerajui Pembangunan Ekonomi; dan
- 7) Penyelidikan dan Penilaian.

Fokus utama kita ialah untuk meningkatkan amalan kebersihan bagi mewujudkan Kelantan Bersih (*Kelantan Go Green*) serta melahirkan masyarakat cakna kebersihan dan amalan kebersihan sebagai budaya unggul ini dipertingkatkan, begitu juga dengan keutamaan penyempurnaan solat di mana perlunya membudayakan aktiviti solat sebagai tiang agama di segenap tempat. Perkara ini akan menyelesaikan banyak karenah dan gejala sosial sekiranya dapat dijayakan.

Aspek hiburan juga kita tidak kesampingkan dan harus dihidup-suburkan agar selari dengan sikap dan minat warga negeri. Justeru aktiviti membangun dan mengembangkan permainan rakyat, seni warisan agar serasi dengan budaya rakyat yang beragama juga memartabatkan seni budaya sedia ada agar mesra syariah mesti digerakkan dengan baik. Para artis, pelakon dan selebriti ini perlu kita urus dengan baik dan kadang-kadang kita terlepas pandang dalam mendidik mereka ke arah memahami keseniaan yang sudah ada dalam Islam. Oleh sebab itu, semasa saya berucap di majlis bersama selebriti, pernah saya ungkapkan untuk mewujudkan ‘Akademi Keseniaan Islam’ di Kelantan bagi menaungi mereka dengan pendidikan seni berteraskan Islam. Saya mengharapkan hasrat ini dapat dicapai dan dijayakan dengan baik.

Usaha-usaha kerajaan untuk memastikan ‘kesejahteraan rakyat’ agar tercapai sepenuhnya tidak pernah diabaikan, sebab itu tema Belanjawan Kerajaan 2015 adalah ‘Kesejahteraan Rakyat Keutamaan Negeri’ ini sesuai dengan hasrat kerajaan yang mengutamakan kebijakan ketika menaungi rakyat negeri ini. Strategi untuk mencapai hasrat ini antaranya kerajaan mengenalpasti dan memberi tumpuan khusus kepada program dan projek yang dapat membangunkan ekonomi rakyat. Oleh itu, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh mengadakan aktiviti ekonomi ke arah memaksimumkan pendapatan negeri. Kita menumpukan juga untuk mendapat punca-punca hasil dalam aspek pengurusan dan pemajuan khazanah asli yang ada seperti mineral, tanah dan hutan.

Baru-baru ini, saya sendiri mengetuai kerajaan Kelantan mengadakan MoU dengan Wilayah Linxia China yang mana MoU tersebut berkonseptkan kerjasama atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama, juga untuk menggalakkan hubungan rakyat dan ekonomi perdagangan antara Kelantan dan China, dan secara aktif menjalankan kerjasama dalam bidang industri, pendidikan, kebudayaan dan pelancongan untuk pembangunan bersama.

Antara yang terpenting juga kita telah bersetuju untuk jalankan kerjasama dalam industri halal dan pensijilan dari segi makanan, ubat-ubatan, pakaian, produk biologi dan penternakan. Untuk itu, kita telah capai persetujuan antara Shanghai Al-Amin Biotech dan Golden Triangle Worldwide Sdn Bhd. bagi membina kilang pengeluaran gelatin halal di negeri Kelantan untuk pasaran tempatan juga luar negara. Selain itu, kita amat berharap pembangunan Taman Halal Hab di Pasir Mas yang bernilai RM63.16 juta yang telah kita usahakan akan membuka ruang yang berpotensi besar bagi pelaburan negeri ini. Doakanlah semoga usaha kita memertabatkan pemakanan dan industri halal ini berjaya.

Kerajaan negeri juga amat menitikberatkan pembangunan komunikasi massa, oleh itu, pihak Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri perlu lebih bersungguh-sungguh bagi melaksanakan jaringan komunikasi kepada rakyat. Buletin-buletin yang telah dikeluarkan seumpama Buletin Darulnaim, Fajar Islam, Serambi serta sebaran VCD maklumat berkaitan program-program kerajaan kepada masyarakat perlu sampai kepada akar umbi dan setiap dasar-dasar yang

dikeluarkan oleh kerajaan dimaklumkan segera kepada rakyat dengan pelbagai cara yang sesuai.

Hari ini, penggunaan media baru agak berleluasa dan kerajaan negeri juga mengambil langkah dalam mempertingkatkan kemudahan jalur lebar internet turut dimanfaat oleh jabatan/agensi dan badan berkanun kerajaan. Akses media baru ini adalah antara media terpenting tersebarnya maklumat kepada kumpulan sasar golongan pertengahan juga golongan muda. Hal ini mesti diberi perhatian yang serius oleh pihak yang bertanggungjawab.

Saya juga di sini ingin mempertegaskan beberapa perkara yang menjadi perjuangan utama saya dan pimpinan kerajaan negeri dalam meraih keberkatan kepada negeri ini iaitu:

**Yang Pertama;** Kerajaan terus komited untuk memastikan tahun 2015 sebagai tahun pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah yang kita tumpukan ini adalah semata-mata kita inginkan keredhaan Allah dan kita ingin didik seluruh rakyat agar menerima serta mengembangkan tenaga untuk menjayakan pelaksanaannya. Kerajaan meneruskan peruntukan RM 1 juta ringgit sebagaimana bajet lepas bagi menjayakan pelaksanaan tersebut.

Setakat ini pihak kita telah membuat persiapan yang teliti dan boleh dikatakan hampir siap sepenuhnya deraf yang bakal kita bentangkan nanti. Dua hari lepas kita baru sahaja mengadakan Muzakarah Penyediaan Kaedah-Kaedah Hukuman Kanun Jenayah Syar'iyyah yang turut dihadiri oleh mufti-mufti seluruh Malaysia dan pakar

perundangan juga pakar perubatan. Jika kita berjaya siapkan deraf enakmen ini berpandukan kaedah-kaedah hukuman tersebut, kerajaan negeri kita adalah kerajaan pertama bukan setakat di Malaysia akan tetapi di dunia ini yang mempunyai kaedah atau undang-undang bertulis tentang tatacara hukuman *hadd* secara terperinci. Tapi ada pihak yang tak bertanggungjawab setelah kita adakan muzakarah dua hari lepas, katanya kerajaan Kelantan baru sahaja nak buat penyediaan kaedah, macam mana nak laksanakan hudud. Bagi saya tak perlulah dilayan pandangan-pandangan yang suka sangat mengkritik kerajaan tapi tiada asas melainkan hanya ‘pukulan fitnah’ semata-mata. Saya mengalu-alukan cadangan juga muhasabah kepada pihak kerajaan tapi gunalah adab dan kenyataan yang tepat supaya tidak menimbulkan fitnah kepada masyarakat.

**Yang Kedua;** Kerajaan negeri akan tetap meneruskan dengan segala ruang yang ada bagi memastikan tuntutan royalti minyak dan petroleum mendapat persetujuan kerajaan pusat dan hak Rakyat Kelantan dikembalikan. Kita berharap dan sentiasa mendoakan dengan usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak, daripada pemimpin, rakan-rakan NGO, termasuk rakyat agar royalti gas dan petroleum akan menjadi punca hasil kepada kerajaan negeri, dan hak rakyat ini akan diperolehi, insyaAllah.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama secara langsung mahupun tidak langsung ketika mana saya mentadbir negeri ini dan terima kasih juga kepada yang menjayakan majlis sambutan hari ini semoga

kita terus berpadu dengan *ribat ukhuwwah* yang erat terjalin dalam meneruskan pembangunan negeri Kelantan yang kita kasih. Saya amat mengharapkan kesungguhan kita semua demi membangunkan kerajaan negeri untuk generasi kita di masa hadapan, tahun hadapan cukup 25 tahun pentadbiran kerajaan negeri dan kita akan mengadakan sambutan Jubli Perak, sudah tentu usia 25 tahun pentadbiran akan merancakkan lagi usaha pembangunan masyarakat dan negeri serta agenda kerajaan mempunyai kematangan dengan gerak kerja yang tersusun rapi, insyaAllah. Setakat inilah sahaja ucapan saya dan dengan ini, sempena Sambutan Ulang Tahun Pentadbiran Kelantan Membangun Bersama Islam yang ke-24, saya rasmikan dengan tiga kali takbir;

***ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR !  
WALILLAHLAHIL HAMD***

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

## MAJLIS MAKAN MALAM REHDA KELANTAN

17 Zulhijjah 1435 / 12 Oktober 2014  
Grand Ballroom, Grand Riverview Hotel

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هُنَّ أَدْلُكُمْ عَلَى تِجَارَةٍ ثُنِيجِكُمْ مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ. ثُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَرَسُولِهِ وَثُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ

Yang bermaksud : *Hai orang-orang yang beriman, sukakah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkanmu dari azab yang pedih? iaitu kamu beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwarimu. Itulah yang lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.* (Al-Soff: 10-11)

Alhamdulillah, syukur pada Allah kerana dengan limpah dan keizinanNya, dapat kita berkumpul di dalam Majlis Makan Malam sempena majlis 'Malam Keluargaku Rumahku' anjuran Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia ini. Saya pada malam ini, mewakili YAB Menteri Besar Kelantan yang tidak dapat hadir kerana berada di Kuala Lumpur dan akan pulang pada malam ini kerana bermula pagi esok akan ada sidang belanjawan 2015 selama

tiga hari. YAB mendoakan majlis malam ini berjalan lancar dan beliau menyampaikan salam kepada semua hadirin malam ini.

*Sirih berlipat sirih pinang,  
Sirih dari Pulau Mutiara,  
Pemanis kata selamat datang,  
Ahlan wasahlan pembuka bicara.*

Dato'-dato' dan hadirin dalam majlis pada malam ini kebanyakannya terdiri daripada pemaju-pemaju dan orang yang terlibat secara langsung dengan dunia perniagaan. Di dalam Islam, telah digariskan panduan-panduan asas di dalam memakmurkan ekonomi serta memajukan perniagaan dalam pelbagai aspek. Bahkan gerak kerja perniagaan orang-orang Quraisy suatu masa dahulu yang berdagang ke Yaman dan Syam sudahpun disebut oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Firman Allah SWT :

لِيَلَافِ فُرَيْشٍ . إِيلَافِهِمْ رِخْلَةُ الشَّنَاءِ وَالصَّيْفِ .

Yang bermaksud : *Keadaan aman dan tenteram meliputi kaum Quraisy (iaitu penduduk Mekah) dan pada masa aman tenteram itu, perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman) dan pada musim panas (ke negeri Syam).*  
(Quraisy: 1-2)

Ini menunjukkan amalan perniagaan yang merupakan nadi kepada ekonomi sangat digalak oleh Islam, cuma diperintahkan agar jangan lupa untuk bersyukur kepada Allah SWT di atas nikmat

yang dikurniakan. Ertinya, segala perbincangan dan resolusi berekonomi dan mengurus perniagaan haruslah berteraskan syukur kepada Allah SWT. Manusia diajar untuk meyakini bahawa harta yang dimiliki bukanlah merupakan milik mutlaknya, tetapi merupakan kurniaan Allah SWT yang wajib disyukuri.

Inilah asas yang ditetapkan dalam mentadbir negeri Kelantan. Selama 24 tahun dengan dasar Membangun Bersama Islam, dan kini fasa yang kedua kita namakan tema 'Merakyatkan Membangun Bersama Islam' ini dengan 'Kebajikan – Kemakmuran – Keberkatan'. Alhamdulillah Kelantan terus maju setapak demi setapak dan tidak ketinggalan di dalam arus pembangunan ekonomi negara. Hakikatnya pelaksanaan dasar-dasar Islam di negeri Kelantan sama sekali tidak pernah menghalang kehadiran pelabur dan juga pelancong ke negeri ini. Sebagai contoh, pada tahun 2012, seramai 5.08 juta orang pelancong telah mengunjungi negeri ini dan sehingga bulan Jun 2013, seramai 2.32 juta pelancong telah melawat Kelantan termasuk 588,904 orang pelancong antarabangsa.

Usaha-usaha untuk memperkenalkan Kelantan di mata dunia juga giat dilaksanakan. Ini termasuklah menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih mantap dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Kelantan sebagai sebuah negeri di Malaysia yang paling hampir dengan China dari sudut geografinya boleh menjadi pintu masuk kepada pelbagai produk khususnya

produk halal yang mempunyai pasaran yang amat berpotensi di Malaysia pada hari ini.

Mengambil pengajaran daripada surah Quraisy tadi di mana Allah SWT menjelaskan sikap bangsa Quraisy yang sering berulang-alik ke Syam dan Yaman untuk bermula, maka hari ini kerajaan juga berusaha lebih serius dalam membuka pintu perdagangan di peringkat antarabangsa. Sejumlah peruntukan sebanyak RM 600 ribu telah diperuntukkan untuk misi pelaburan luar negara bagi menarik lebih banyak pelaburan asing langsung ke negeri kita. Ini termasuklah kita adakan pelaburan ke China dan timur tengah bagi melabur dalam industri berasaskan sumber mineral yang terdapat dalam negeri seperti industri simen, petroleum, gas dan juga dalam industri halal. Dalam menjayakan siri-siri pelaburan tersebut kerajaan mengunjurkan nilai pelaburan yang dapat dijana sebanyak RM 12 billion bagi tempoh 3 tahun bermula tahun ini.

Kerajaan Kelantan juga dalam menjaga kebijakan rakyat menyediakan kemudahan Rumah Mampu Milik (RMM) dan ia adalah salah satu agenda penting kerajaan untuk menabur kebijakan kepada rakyat yang tidak berkemampuan. Kerajaan sentiasa serius dalam mengambil berat mengenai kebijakan golongan rakyat berpendapatan rendah terutama dari segi penyediaan kemudahan perumahan serta kemudahan asas yang lain. Skim pembangunan perumahan mampu milik ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang mencukupi, berkualiti, selesa dan mampu dimiliki bagi memenuhi keperluan tempat kediaman

mereka yang kurang mampu. Kerajaan telah memperuntukkan RM 9 juta dalam bajet 2014 lepas untuk membangunkan perumahan awam mampu milik ini. Kerajaan meletakkan sasaran yang jelas iaitu lebih 2000 unit rumah dapat dibina dalam tempoh empat tahun bermula tahun ini.

YAB Menteri Besar Kelantan sentiasa mengalu-alukan para pelabur juga pemaju untuk terus memberikan komitmen di dalam melaksanakan usaha pelaburan serta memajukan pertumbuhan ekonomi negeri. Beberapa faktor seperti kos buruh yang rendah di Kelantan berbanding dengan negeri lain, bilangan pekerja yang ramai dan mudah dilatih, tiada kerentak birokrasi, kekayaan sumber-sumber asli yang belum diekplotasi sepenuhnya, harga tanah yang kompetitif serta lokasi yang strategik bersempadan dengan Thailand merupakan faktor-faktor penting yang saya kira mampu menarik para pelabur untuk datang ke sini dan Kelantan ini akan menjadi tumpuan nasional dan antarabangsa.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak REHDA Kelantan yang menganjurkan majlis ‘Malam Keluargaku Rumahku’ ini serta menjemput YAB Ustaz Dato’ Haji Ahmad Yakob untuk hadir, dan saya sebagai mewakili YAB Ustaz Dato’ amat menyanjungi jemputan pada malam ini. Semoga setiap amalan kita mendapat ganjaran di sisi Allah SWT insyaAllah.

**MAJLIS BUBUR ASYURA KARANGKRAF BERSAMA  
ANAK KELANTAN DI PERANTAUAN**

6 Disember 2014

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه أجمعين

Firman Allah SWT :

قَالَ رَبِّيْ أَغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِيِّ إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ فَسَخَّرْنَا لَهُ الْرِّيحَ تَجْرِي بِأَمْرِهِ رُخَاءً حَيْثُ أَصَابَ

Maksudnya: Berkata Nabi Sulaiman "Wahai Tuhanku! ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak ada taranya, Sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurnia. Lalu Kami permudahkan permohonannya dan Kami mudahkan baginya menggunakan angin yang bertiup perlahan-lahan menurut kemahuannya, ke arah mana sahaja yang dikehendaki. (Shod: 35-36)

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana pada tengahari ini dapat kita berjumpa di Majlis anjuran Karangkraf dengan kerjasama Kelab Penyokong Bola Sepak Pahlawan Merah Malaysia yang

melibatkan penyertaan daripada pelbagai NGO anak Kelantan di perantauan dan pihak kerajaan negeri sentiasa prihatin dengan situasi serta perkembangan terkini anak-anak Kelantan khususnya.

Saya memetik dua ayat al-Quran di awal ucapan tadi yang menceritakan tentang Nabi Allah Sulaiman A.S yang sentiasa memohon *maghfirah* keampunan daripada Allah SWT ketika mana memegang tampok pemerintahan. Dasar yang dibawa oleh Nabi Sulaiman ialah ‘dasar sifar dosa’ dengan meninggikan syiar ‘islam’ iaitu patuh menyerah diri kepada Allah SWT, ini kerana hanya dengan dasar ini sahaja akan membawa keberkatan serta kemakmuran kepada sesebuah pentadbiran kerajaan. Dengan itulah, Allah telah mengurniakan kepadanya pemerintahan yang makmur serta dikagumi kekuasaannya oleh pemerintah lain ketika itu. Saya apabila meneraju pentadbiran kerajaan Kelantan, saya mengambil contoh daripada model pentadbiran kerajaan Nabi Allah Sulaiman ini yang mendahuluikan taqarrub kepada Allah melebihi perkara lain.

Dalam melaksanakan amanah Allah SWT sebagai pentadbir kepada negeri ini, pimpinan kerajaan negeri sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat Kelantan. Yang lebih penting ialah kita di peringkat kerajaan membangunkan aspek rohani supaya pembangunan fizikal tidak rosak. Dengan rosaknya pembangunan rohani dan fizikal ini maka rosaklah masyarakat dan negeri.

Dari sudut pentadbiran kerajaan, kita telah meletakkan teras utama bagi mendokong dasar Membangun Bersama Islam iaitu Ubudiah,

Mas'uliah dan Itqan atau disebut sebagai UMI. UMI menjadi teras utama di dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan dan Alhamdulillah ia dihayati dengan baik oleh kakitangan kerajaan negeri.

Setelah 24 tahun Kelantan ditadbir dengan dasar ini, kini saya bersama dengan kepimpinan kerajaan meneruskan dasar ini lagi dan kita telah memasuki fasa kedua dasar Membangun Bersama Islam, maka kita ingin jadikan dasar ini sentiasa disebut dan sampai ke setiap rumah-rumah rakyat negeri ini, dengan itu kita mahu dasar ini digerakkan oleh seluruh kepimpinan dan rakyat demi memperolehi keberkatan dan kemakmuran dalam negeri kita. Kita telah perkenalkan motto bagi gerak kerja kita kali ini iaitu “Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan” sebagai langkah fasa kedua iaitu Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

Kerajaan negeri juga telah menggubal satu wawasan jauh untuk tempoh penggal ini, bermula tahun 2013 lagi di awal pentadbiran saya, sehingga tahun 2018, iaitu; “Menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan urus tadbir kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam”.

Untuk mencapai wawasan yang besar ini, kerajaan sedar perlunya ada perancangan dan pelan strategik yang berterusan serta pemantauan

yang teliti. Oleh itu, kerajaan negeri telah bersetuju untuk melaksanakan pelan pembangunan negeri berpandukan model Sistem Perancangan dan Pemantauan Projek Kelantan, atau dengan nama ringkasnya (SPARK). Pelan ini merupakan pendekatan terkini kerajaan negeri Kelantan untuk kita pastikan kejayaan kerajaan dalam pelaksanaan tawaran pembangunan dalam masa lima tahun iaitu bermula tahun 2013 hingga tahun 2018 nanti.

Setakat ini kita sudah laksana target-target yang telah kita tetapkan tersebut. Yang penting daripada hasrat kerajaan ini ialah untuk kesejahteraan rakyat serta kemudahan mereka. Sebelum ini saya kerap kali sebut tentang program ‘satu keluarga satu rumah’ atas dasar ingin memastikan setiap lapisan rakyat memiliki rumah kediaman. Impian kita ialah, suatu hari nanti tidak ada lagi satu keluarga pun di negeri Kelantan ini yang tidak ada rumah milik sendiri. Kerajaan negeri telah memberi tanggungjawab kepada PKINK dan PMBK untuk merancang dan menjayakan program “Satu Keluarga Satu Rumah” ini.

Kita juga pastikan agar lebih daripada 50 program dan projek yang terkandung dalam sembilan tawaran (manifesto) pilihan raya umum ke-13 lalu dapat dijayakan. Di samping kesemua komitmen semasa pentadbiran YB Tuan Guru sebelum ini seperti projek lebuh raya rakyat, bekalan air, sedang diteruskan dan dalam pelaksanaan ketika ini. Lebuhraya kini kita sudah melancarkan ‘mula kerja’ pada 27 Ogos lepas di Bukit Bakar Machang sehingga ke Dusun Damar, Kuala Krai iaitu sepanjang 30.5 km untuk fasa yang pertama.

Manakala dana wakaf terkumpul sebanyak RM 3.1 juta yang diberi oleh rakyat kita akan pastikan diguna untuk dibina jambatan yang menghubungkan antara lebuh raya yang kita namakan jambatan rakyat. Kerajaan masih lagi membuka peluang kepada rakyat untuk menderma bagi memperolehi pahala yang berkekalan juga sebagai amal jariah kita nanti.

Usaha-usaha kerajaan untuk memastikan ‘kesejahteraan rakyat’ agar tercapai sepenuhnya tidak pernah diabaikan, sebab itu tema Belanjawan Kerajaan 2015 adalah ‘Kesejahteraan Rakyat Keutamaan Negeri’ ini sesuai dengan hasrat kerajaan yang mengutamakan kebijakan ketika menaungi rakyat negeri ini. Strategi untuk mencapai hasrat ini antaranya kerajaan mengenalpasti dan memberi tumpuan khusus kepada program dan projek yang dapat membangunkan ekonomi rakyat. Oleh itu, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh mengadakan aktiviti ekonomi ke arah memaksimumkan pendapatan negeri. Kita menumpukan juga untuk mendapat punca-punca hasil dalam aspek pengurusan dan pemajuan khazanah asli yang ada seperti mineral, tanah dan hutan.

Baru-baru ini, saya sendiri mengetui kerajaan Kelantan mengadakan MoU dengan Wilayah Linxia China yang mana MoU tersebut berkonsepkan kerjasama atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama, juga untuk menggalakkan hubungan rakyat dan ekonomi perdagangan antara Kelantan dan China, dan secara aktif menjalankan kerjasama dalam bidang industri, pendidikan, kebudayaan dan pelancongan untuk pembangunan bersama. Antara yang terpenting juga kita telah

bersetuju untuk jalankan kerjasama dalam industri halal dan pensijilan dari segi makanan, ubat-ubatan, pakaian, produk biologi dan penternakan.

Komitmen kerajaan Kelantan untuk mendaulatkan syariat Allah SWT sebagai perundangan negeri belum lagi terlaksana dan kita berusaha ke arah itu. Pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (Hudud) 1993 telah terbantut sekian lama akibat halangan kerajaan pusat. Sekarang bila dah lampu hijau kita teruskan pecutan kita untuk bawa perkara ini ke Dewan Rakyat. setakat ini pihak kerajaan telah membuat persiapan yang teliti dan boleh dikatakan hampir siap sepenuhnya deraf yang bakal dibentangkan nanti di Parlimen.

Baru-baru ini kerajaan negeri baru sahaja mengadakan Muzakarah Penyediaan Kaedah-Kaedah Hukuman Kanun Jenayah Syar'iyyah yang turut dihadiri oleh mufti-mufti seluruh Malaysia dan pakar perundangan juga pakar perubatan. Jika kerajaan berjaya siapkan deraf enakmen ini berpandukan kaedah-kaedah hukuman tersebut, kerajaan negeri kita adalah kerajaan pertama bukan setakat di Malaysia akan tetapi di dunia ini yang mempunyai kaedah atau undang-undang bertulis tentang tatacara hukuman hudud secara terperinci.

Untuk akhirnya, sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Karangkraf yang menganjurkan majlis yang sangat bermakna ini juga kepada seluruh anak-anak Kelantan di perantauan yang sentiasa memberi komitmen yang padu kepada kerajaan negeri.

Semoga hubungan pemimpin kerajaan negeri dan seluruh rakyat Kelantan walau di mana jua mereka berada sentiasa terjalin dengan penuh mesra.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## PERASMIAN PENUTUP SEMINAR PEMIKIRAN DAN KETOKOHAN DR BURHANUDDIN AL-HELMY

18 Safar 1436 / 11 Disember 2014  
Dewan Teratai Kompleks Darulnaim

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله  
وأصحابه أجمعين

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَغْفِرْ لَنَا وَلَا حَوَّنَا  
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلَّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا  
رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang datang kemudian daripada mereka berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dalam iman, janganlah Engkaujadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan RahmatMu ke atas kami".* (Al-Hasyr: 10)

Seminar Pemikiran dan Ketokohan Dr Burhanuddin Al-Helmy ini sangat tepat diadakan pada waktu sekarang dan kita kena ketengahkan program-program seumpama ini secara lebih kerap lagi. Sebagai membuktikan bahawa kita berterima kasih di atas pengorbanan

mereka dalam pelbagai lapangan yang disumbangkan dengan sentiasa menukilkan kebaikan peribadi dan jasa mereka. Inilah tuntutan dalam ayat yang saya bacakan di awal ucapan tadi.

Kita lihat di negara lain, tokoh-tokoh mereka disanjung dengan pelbagai variasi contohnya Korea mempunyai tokoh-tokoh yang boleh dibanggakan dan mereka agungkan seperti King Sejong The Great, Eulji Mundeok dan Yi-Sun Sin. Sejarah Rusia memuncak apabila diwarnai dengan kehadiran tokoh agung seperti Tsar Peter The Great, Vladimir Lenin dan Josef Stalin. Boleh dikatakan kebanyakan sejarah sesebuah bangsa di dalam sesebuah negara ada tokoh agungnya yang tersendiri. Jadi, di negara dan negeri kita perlu disanjung tokoh-tokoh yang telah berjasa mengikut etika yang dibenarkan dalam Islam.

Golongan orientalis barat suka merendah-rendahkan peranan dan jasa tokoh-tokoh Melayu dalam sejarah dan memperagung-agungkan tokoh di kalangan mereka sahaja. Raja Haji, Sultan Iskandar Muda dan Tok Janggut dianggap sebagai perompak dan pemberontak. Manakala tokoh-tokoh seperti Francis Drake (seorang perompak lanun sebelum dilantik menjadi ketua ekspedisi ke Amerika Selatan pada tahun 1577) dan Francis Light (seorang peniaga candu) pula dianggap sebagai tokoh besar yang mempunyai jasa dan patut disanjung.

Selain itu, di Malaysia kita, penyelidikan dan pelajaran mengenai riwayat hidup tokoh-tokoh agung ini kurang diberi perhatian. Sejarah

lengkap mengenai tokoh-tokoh Melayu tidak diletakkan dalam silibus pelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah. Kalau ada pun, ianya hanyalah tokoh-tokoh Melayu di Malaysia dan bermula dari era Melaka sahaja.

Silibus pengajaran mengenai sejarah bangsa Melayu hanya disempitkan di wilayah Malaysia, sedangkan sejarah Melayu itu sendiri berselerakan di serata Asia Tenggara. Sebab itulah, generasi muda Melayu yang tinggal di Malaysia tidak mengenal sejarah dan asal usul mereka sendiri. Ini kelemahan yang perlu diakui oleh kita.

Tokoh-tokoh yang lahir di Malaysia dalam memacu harakah Islamiyyah terlalu ramai, mereka bukan sahaja menjadi pemimpin gerakan akan tetapi membangunkan masyarakat dengan tarbiyah yang sahih dan mengeluarkan negara ini daripada belenggu jahiliyah.

PAS sebagai harakah Islamiyah di Malaysia telah berjaya memacu ummah dengan keterampilan dan kehebatan tokoh-tokoh yang dilahirkannya dan salah seorang tokoh hebat PAS ini kita perbincangkan pada seminar sehari suntuk ini iaitu Dr Burhanuddin Al-Helmy.

Dr Buhanuddin digelar al-Hulaymi atau al-Helmy kerana karakternya yang tenang dan penyabar, seperti bapanya yang digelar Abi Halim. Saliha Haji Hassan dalam tulisannya, *Dr Burhanuddin Al-Helmy, A Political Biography* telah menyatakan: “Pilihan kata asal al-Hulaimi itu benar-benar melambangkan keperibadian Dr Burhanuddin yang lemah-lembut, santun, tenang, sabar. Istilah al-Hulaimi menurut

hukum tatabahasa Arab mempunyai makna yang sama dengan al-Helmy tetapi dalam bentuk yang merendah atau lebih kecil (Saliha Hj. Hassan 1997; *Dr Burhanuddin Al-Helmy, A Political Biography*). Beliau turut dikenal sebagai Pak Doktor dalam kalangan pengikut dan rakannya.

Beliau telah menguasai pelat bahasa Arab dengan baik. Malah, beliau juga seorang ahli tafsir al-Quran yang dikatakan mampu menguasai nahu saraf. Selain itu beliau juga boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam bahasa Urdu, Belanda, Inggeris, Perancis dan Jerman. Ertinya beliau berkebolehan menguasai tujuh bahasa besar dunia. Bapanya telah hantar beliau belajar di Pondok Pulau Pisang, Jitra, Kedah. Tuan guru pondok itu ialah Tuan Guru Haji Salleh Ismail iaitu sahabat kepada bapa Dr Burhanuddin al-Helmy. Di sinilah, permulaan beliau mempelajari dengan baik akan pendidikan Islam dan bahasa Arab.

Jika di teliti kepada sumbangannya ia teramat banyak dan antara pembabitannya dalam dunia akademik dan politik:

- Penerbit majalah Taman Bahagia, Singapura
- Penyunting majalah Kehidupan Dunia Akhirat, Singapura
- Ahli Persatuan Jama'atul Islamiah
- Ahli Kesatuan Melayu Muda (KMM), 1939
- Penasihat Adat Istiadat dan Kebudayaan Melayu semasa pendudukan Jepun
- Pemimpin Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung

(KRIS), 1945

· Ketua Umum Parti Kebangsaan Melayu Malaya

(PKMM), 1945

· Pengerusi PUTERA-AMCJA, 1947

· Ahli Jawatankuasa Perhubungan Bangsa-bangsa Asia,

1947

· Ahli pengasas PEPERMAS, 1947

· Ahli pengasas MATA, 1947

· Ahli pengasas Hizbul Muslimin, 1948

· Wakil Malaya di Persidangan Afro-Asia Bandung, 1955

· Jurucakap Barisan Kebangsaan Melayu, 1955

· Melancarkan penubuhan Parti Rakyat Malaya, 1955

Semasa gabungan beliau dan Prof Dr Zulkifli Mohammad telah memantapkan perjuangan PAS. Selepas diberikan amanah memimpin PAS, Dr. Burhanuddin Al-Helmy menunjukkan betapa gigihnya beliau melaksanakan tugas tersebut sehingga diberi kekuasaan memerintah di Terengganu dan Kelantan pada PRU tahun 1959. Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan pimpinan PAS telah menyusun tenaga kerja jentera PAS dipindahkan dari satu negeri ke satu negeri untuk menawan negeri. Walhasilnya, Dewan Undangan Negeri Terengganu, PAS telah menang 13 daripada 24 kerusi dan berjaya membentuk kerajaan negeri di Terengganu.

Manakala di peringkat Parlimen pula, calon-calon PAS menang empat kerusi, iaitu Ustaz Hasan Adli di Kuala Terengganu Utara, Khadijah Sidek di Dungun, Harun Pilus di Terengganu Tengah dan

Dr. Burhanuddin Al-Helmy di Besut. Seterusnya beliau menggunakan kempen ini ke Kelantan dan ternyata taktik ini berkesan sekali sehingga PAS memenangi 28 daripada 30 kerusi Dewan Undangan Negeri dan berjaya membentuk kerajaan di Kelantan. PAS turut memenangi sembilan daripada sepuluh kerusi Parlimen di Kelantan.

Dr Burhanuddin Al-Helmy adalah seorang yang progresif, realistik, berpandangan global serta sentiasa bertindak berpandukan prinsip-prinsip Islam. Beliau progresif kerana beliau menolak sebarang bentuk dan unsur kolonialisme. Motivasi utama dalam perjuangan politiknya adalah untuk memerdekakan rakyat Tanah Melayu, bahkan seluruh bumi Asia daripada penjajahan. Bahkan di zamannya lagi beliau telah mencetuskan idea gabungan atau tahaluf siyasi dengan kesediaan beliau bekerjasama dengan mana-mana pihak parti politik bukan Melayu atau bukan berasaskan Islam akan tetapi memiliki cita-cita dan tujuan yang sama, iaitu untuk sama-sama mencapai matlamat perjuangan membebaskan rakyat daripada penjajahan.

Dengan pendekatannya terbuka ketika itu telah berjaya menempatkan PAS dalam kancang arus perdana politik negara. PAS dilihat ada kelainan tetapi tetap teguh dengan dasarnya yang sama-sama muh mengejar cita-cita kemerdekaan. Pakatan politik yang diwujudkan olehnya dengan parti-parti bukan Melayu dan bukan berasaskan Islam telah melonjakkan PAS sebagai sebuah parti yang berjuang di atas satu ideologi yang jauh lebih jelas daripada UMNO. Kelainan inilah yang disebut oleh pimpinan PAS hari ini sebagai aqidah perjuangan

yang telah diperjuangkan oleh beliau sejak sekian lama bersama pimpinan lain pada ketika itu.

Jadi, sempena 63 tahun ulang tahun PAS ini, amat tepat diperbincangkan tokoh yang banyak berjasa ini termasuklah selepas daripada ini perlu juga diwacanakan tokoh-tokoh hebat yang lain seumpama Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, Prof Dr Zulkifli Muhammad, Ustaz Haji Yusof Rawa dan juga Dato Hj Fadhil Mohd Noor. Semoga ianya bermanfaat untuk generasi pada hari ini.

Akhirnya, dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya rasmikan Seminar Pemikiran dan Ketokohan Dr Burhanuddin Al-Helmy.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## **PERASMIAN TEMU MATO JJEMOK KKIRO ANOK MUDO KELATE 2014: KEMBARA ANAK SOLEH**

20 Safar 1436 / 13 Disember 2014  
Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله  
وأصحابه أجمعين

Sabda Rasulullah SAW :

إِنَّ اللَّهَ لَيُعْجِبُ مِنَ الشَّبَابِ الَّذِي لِيَسْتُ لَهُ صَبْرَةٌ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mengagumi pemuda-pemuda yang tiada baginya sebarang kerosakan moral. (Riwayat Imam Ahmad)

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT yang telah menghimpunkan kita semua di majlis yang sangat bermakna ini khususnya ia melibatkan sebahagian besar di kalangan anak-anak muda Kelate yang menjadi tonggak penting kerajaan negeri. Program Temu Mato Jemok Kkira ini sudah tentulah akan memberi sokongan semangat kepada anak-anak muda Kelate dalam membina syakhsiah dan kredibiliti diri melalui pelbagai pendekatan tarbiyah dan program pembinaan.

Tarbiyyah Islamiah memainkan peranan yang penting dalam memberikan kefahaman yang benar dan jitu tentang Islam. Ini adalah

kerana Islam yang dianuti dan diyakini ini sepatutnya difahami dengan fahaman yang syumul dan disertakan dengan pentarbiyah yang bersepadu meliputi tarbiyah luaran dan dalaman.

Anak-anak muda Islam mesti jelas bahawa asas pembangunan jentera parti yang istiqamah dan mantap adalah melalui proses tarbiyah. Dalam membangunkan politik Islam, masyarakat Islam itu tidak boleh terasing daripada tarbiyah, siyasah dan dakwah. Ketiga-tiga elemen ini mesti dirangkumkan sekaligus. Anak-anak muda sangat memerlukan pembentukan diri melalui wasilah ketiga-tiga elemen tersebut.

Tarbiyah yang berkesan akan membentuk kekuatan ukhuwwah. Ukhuwwah dalam Islam bukanlah semata-mata percakapan di lidah sahaja, tetapi ia merupakan ikatan hati dan jiwa melalui ikatan yang paling mahal daripada ikatan yang lain dan ukhuwwah itu saudara kepada keimanan, manakala perpecahan itu saudara kepada kekufuran dan kekuatan utama umat Islam adalah berpunca daripada kekuatan ukhuwwah yang berpadu.

Tarbiyah yang dijalankan mesti syumul dan bersepadu, tidak hanya tertumpu kepada tarbiyah ruhiyah iaitu pembentukan sifat yang mahmudah dan sentiasa menumpukan pendidikan rohani untuk memperbaiki hati. Di sana terdapat tarbiyah-tarbiyah yang lain yang sama taraf pentingnya iaitu:

i) **Tarbiyyah Akhlaqiyah**

Pendidikan akhlak menjadi tunggak kepada pembentukan peribadi muslim dan merupakan syarat utama untuk melakukan perubahan di dalam masyarakat. Anak-anak muda wajib mempunyai akhlak yang terpuji kerana ia secara tidak langsung akan menjadi agenda dakwah yang berkesan.

### **ii) Tarbiyyah *Aqliyyah***

Tarbiyyah *Aqliyyah* merupakan suatu bentuk pendidikan yang memberi pandangan serius terhadap akal manusia dalam memberi pengisian dan menyediakan perkara-perkara yang mampu menyuburkan dan meyempurnakan akal fikiran sehinggalah ia berkemampuan membezakan antara yang haq dan batil. Melalui tarbiyah ini, pemikiran anak muda Kelate akan jelas dan tidak mudah terpesong dengan serangan pemikiran yang terlalu banyak pada hari ini seumpama pemikiran liberalisme, pluralisme dan lain-lain.

### **iii) Tarbiyyah *Jismiyyah***

Tarbiyyah *jismiyyah* bermaksud mampu mengatur pergerakan anggota badan kita mengikut ketetapan yang ditetapkan. Jadual yang disediakan atau amanah yang ditaklifkan akan dikawal oleh tubuh badan yang mempunyai tarbiyah ini. Jika anak muda Kelate hayati tarbiyah *jismiyyah* ini maka mesyuarat yang diadakan jam 8 pagi akan dihadiri tepat jam 8 pagi dan solat waktu yang telah mempunyai waktu yang tetap akan diutamakan.

Jika diamati kesemua tarbiyah tersebut, sudah pasti akan lahir anak-anak muda yang tidak mempunyai kerosakan moral dan yang

menyeleweng dari jalan yang sebenar. Inilah yang diharapkan daripada program yang dianjurkan seumpama hari ini.

Untuk itu, apa yang seharusnya dilakukan oleh anak muda pada hari ini untuk lahir sebagai pemimpin yang menerajui parti dan kerajaan suatu hari nanti? Persediaan tersebut adalah:

1. Tingkatkan kesedaran untuk memiliki Thaqafah yang mantap bagi menghadapi serangan pemikiran yang kian sengit dan mencabar.
2. Memelihara aqidah Imaniah sehingga mampu menangkis segala syubhah dan helah aqidah atau doktrin yang dilontar oleh musuh dengan nama agama.
3. Sentiasa berada dalam jemaah dan jangan suka buat kerja keseorangan. Kita akan selamat dari lingkaran propaganda yang penuh fitnah dan kekeliruan sehingga lahir golongan teras yang terpilih untuk membantu ugama Allah SWT.
4. Membina syakhsiyah dengan akhlak dan disiplin apabila berada dalam sesebuah organisasi atau gerakan Islam.
5. Membina semangat juang dan daya prihatin yang tinggi untuk mempertahankan Islam dan ummat dari serangan pemikiran dan propaganda musuh, sehingga kita berjaya mengembalikan kegembilangan Islam.

Semoga program yang dianjurkan pada hari ini mencapai objektif yang diharapkan dan terima kasih kepada pihak pengajur, untuk akhirnya saya merasmikan Program Temu Mato Jemok Kkira Anak Mudo Kelate 2014 ini dengan lafaz yang mulia:

***Bismillahir Rahmanir Rahim***

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## **MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN INOVASI PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 2014**

8 Disember 2014  
Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim, Kota Bharu

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَأَلْهَ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ  
يَنْقُصَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ

Yang bermaksud : *Sesiapa membuat inovasi yang baik dalam Islam akan mendapat pahala dan juga pahala mereka yang mengamalkan dengannya tanpa mengurangi sedikit pun pahala yang mengamalkannya.*( Hadis Riwayat Imam Muslim )

Pertamanya Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama berkumpul di dalam Majlis Sambutan Hari integriti dan Inovasi Peringkat Negeri Kelantan 2014 pada pagi ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas penyertaan tuan-tuan sekalian di dalam majlis ini. Tidak lupa saya rakamkan tahniah kepada Urusetia Integriti dan Inovasi Negeri Kelantan di atas kejayaan mengadakan majlis yang sangat bermakna ini.

Kita di Kelantan amat menitik beratkan soal pembangunan syakshiah rakyat tambah-tambah lagi pimpinan masyarakat di semua peringkat khusus dalam perkara-perkara yang melibatkan integriti. Hal ini mestilah dibina dengan ilmu dan akhlak. Agenda ilmu pada hakikatnya merupakan agenda yang boleh merubah sesebuah negeri atau negara itu menjadi semakin membangun dan maju. Islam telah berjaya mengubah wajah negara Andalus suatu ketika dahulu daripada sebuah negeri yang mundur dan miskin kepada satu tahap ketamadunan yang tinggi dan dikagumi oleh dunia. Orang Islam Andalus telah menyedarkan masyarakat Barat dari tidur seterusnya membawa mereka ke zaman kemajuan dan peradaban.

Asas ilmu inilah juga yang pihak kerajaan Kelantan ingin terapkan agar integriti pegawai-pegawai kerajaan terjamin dan agenda pembangunan dapat dibangunkan berteras aqidah Islamiah sebagai kunci yang menaungi seluruh aspek perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri. Bagi kerajaan negeri Kelantan, melalui kefahaman aqidah Islamiah ini, dapat membawa agenda pentadbiran ke arah pengukuhan keyakinan menyokong dasar pentadbiran yang berteraskan Islam di Kelantan.

Hadis yang telah saya bacakan di awal ucapan tadi, menjadi satu penegasan yang sangat jelas betapa budaya inovasi yang baik yang akhirnya mencetuskan ikutan ramai dijanjikan dengan pahala yang berpanjangan oleh Allah SWT. Oleh itu pendekatan-pendekatan yang kreatif dalam gerak kerja perlu diambil berat oleh seluruh penjawat awam. Pendekatan kreatif di dalam menyelesaikan konflik merupakan

satu pendekatan yang sangat penting dalam pengurusan kerja pada hari ini. Sebarang konflik dan pertentangan boleh berlaku bila-bila masa yang memerlukan kebijaksanaan penjawat awam berfikir secara kreatif dan menghasilkan inovasi yang terbaik. Melihat dan menunggu sahaja arahan dari pihak atasan yang seterusnya membiarkan konflik berlarutan bukannya merupakan satu amalan dalam urustadbir seseorang muslim.

Rasulullah SAW juga terkenal dengan kehebatan merancang dan berfikir secara kreatif di dalam menangani masalah. Di dalam perang Ahzab contohnya, seorang sahabat Salman Al-Farisi Radhiallahu Anhu memberikan cadangan kepada Rasulullah SAW agar digali parit sekitar kota Madinah bagi menghalang kemaraan tentera Quraisy yang datang menyerang daripada Mekah. Pada masa itu, kaedah menggali parit sebagai kubu masih belum dikenali oleh orang-orang Arab. Sekalipun cadangan Salman itu kelihatan ganjil namun selaku ketua, Rasulullah SAW sentiasa bersikap terbuka dengan idea-idea baru yang diberikan oleh para sahabat.

Cadangan Salman al-Farisi Radhiallahu Anhu diterima dan hasilnya parit yang digali oleh Rasulullah SAW dan para sahabat sebagai benteng penghalang tentera musuh untuk menyerang kota Madinah. Inilah contoh terbaik bagaimana idea baru yang kreatif tidak boleh hanya dipendamkan sahaja tetapi perlu terus disampaikan kepada ketua atau majikan untuk tindakan selanjutnya. Demikian juga seorang ketua yang baik pastinya sentiasa memastikan wujudnya

suasana kondusif dan selesa untuk warga kerja berfikir secara kreatif dan bebas daripada tekanan.

Kita juga boleh melihat kisah Sultan Muhammad al-Fateh yang terkenal dengan gelaran Penakluk Kota Kostantinopel. Sejarah mencatat bagaimana ketika baginda dan bala tentera lautnya menyerang kota Konstantinopel pada tahun 1453 Masihi, baginda berdepan dengan halangan yang cukup hebat. Dengan kreativiti baginda, satu langkah yang tidak terjangka telah dilakukan di mana baginda memerintahkan 70 buah kapal perang dibawa merentasi daratan pada sebelah malam yang akhirnya berjaya membawa kapal-kapal ini menyerang pintu kota Kostantinopel. Inilah saat kejatuhan kota Kostantinopel di tangan seorang pemerintah yang bijak dan kreatif sesuai dengan sabda Rasulullah SAW :

**لْتُفْتَحَ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ فَلَا يَعْمَلُ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلَا يَعْمَلُ الْجَيْشُ ذَلِكُ الْجَيْشُ**

Yang bermaksud : *Constantinople akan ditakluki. Rajanya (yang menakluk) adalah sebaik-baik raja dan tenteranya (yang menakluk) adalah sebaik-baik tentera.* (Hadis Riwayat Ahmad)

Justeru, dalam mengulangi semula kejayaan yang pernah dicapai oleh umat Islam terdahulu, kita amat menggalakkan perkembangan inovasi dalam sektor awam yang diharapkan berupaya menambah output dan input semasa serta membawa transformasi kepada amalan yang sedia ada. Dalam hal ini, kerajaan amat menyokong pembentukan budaya

inovasi dan menyarankan agar semua agensi kerajaan negeri ini menggalakkan budaya inovasi yang bertujuan untuk membentuk program-program yang dapat melahirkan pekerja yang kreatif. Hasil inovasi yang dihasilkan oleh jabatan dan agensi kerajaan ini pula perlu dikongsi bersama dan wajar menjadi satu amalan baik untuk digunakan oleh jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

Kerajaan juga sangat berharap agar seluruh warga tadbir di dalam sektor perkhidmatan awam di negeri ini khususnya bersikap lebih ke hadapan di dalam mencetuskan kreativiti ke arah peningkatan. Dalam konteks pengurusan kerajaan, inovasi bererti cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Inovasi ini boleh jadi berbentuk produk, perkhidmatan, proses dan teknologi.

Anggota perkhidmatan awam perlu berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah kerja baru di luar kotak kelaziman. Justeru, budaya inovatif menjadi agenda penting nasional dalam menghasilkan perubahan berimpak besar kepada negeri dan juga negara.

Perkhidmatan awam perlu menumpu kepada usaha mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dengan barisan hadapan yang lebih berinovatif selaras dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam bagi mewujudkan janakuasa yang kuat bagi

melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan hasrat besar kepada rakyat dengan segera.

Persekutuan dan budaya kerja di dalam organisasi perlu mendorong kepada penyuburan nilai-nilai inovasi dan kreativiti. Perubahan sikap bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti di dalam organisasi perlu bermula daripada pucuk kepimpinan atasan.

Di peringkat kerajaan, saya telah mengarahkan agar jabatan-jabatan dan agensi yang terlibat memulakan gerak langkah awal ke arah merealisasikan wawasan kerajaan negeri, dalam tempoh lima tahun menjelang 2018 seterusnya mencapai KPI yang telah ditetapkan. Sekarang setahun telah berlalu dan beberapa agenda utama yang melibatkan kesejahteraan, kemakmuran dan kebajikan rakyat mesti diutamakan.

Saya yakin dan percaya, jika kita semua memahami erti amanah dan tanggungjawab, mampu bekerja secara berpasukan, ikhlas dan gigih, Allah akan membantu kita. Saya mengajak semua untuk gembelingkan tenaga, bukan untuk kepentingan pimpinan kerajaan, malah demi kepentingan agama, negeri dan rakyat. Mudah-mudahan segala kerja buat ini boleh dijadikan modal timbangan amal di hadapan Allah, untuk melayakkan kita mendapat syurga Allah, insyaAllah. Allah berfirman:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرِى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُونَ

إِلَى عَلِيمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): Lakukanlah kerja dan tugasamu, nescaya Allah akan melihat apa yang kamu kerjakan. Ia turut disaksikan oleh RasulNya serta orang-orang yang beriman. Kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan nyata, Dialah yang menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.* (Al-Taubah: 105)

Akhir kata, saya mengharapkan agar dengan berlangsungnya majlis seumpama ini, proses penggalakan inovasi dan kreativiti akan lebih rancak dan akan membawa hasil yang baik insyaAllah. Hasil dan inovasi dan kreativiti ini nanti diharapkan dapat memberikan pulangan yang terbaik untuk perkhidmatan awam khususnya dan seluruh rakyat Kelantan amnya. Semoga apa yang kita lakukan dikira sebagai amal soleh yang akan mendapat ganjaran di sisiNya InsyaAllah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS GRADUASI TAHFIZ YAYASAN ISLAM  
KELANTAN BAGI TAHUN 2014**

1 Rabiul Awwal 1436/ 23 Disember 2014  
Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Firman Allah Taala:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ  
لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقُ بِالْخَيْرَاتِ بِإِذْنِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ  
**الْفَضْلُ الْكَبِيرُ**

Yang bermaksud : *Kemudian Kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (iaitu tidak mengikut ajaran al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului dalam berbuat kebaikan. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar dari Allah.* (Faatir: 32)

Pertamanya, Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan inayahNya membolehkan kita untuk sama-sama hadir bagi menyempurnakan Majlis Graduasi Tahfiz Yayasan Islam Kelantan bagi tahun 2014 ini.

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yayasan Islam Kelantan di atas kejayaan menganjurkan majlis sebegini dan tidak lupa kepada para pelajar yang akan bergelar sebagai graduan tahfiz beserta ibu bapa yang pastinya cukup berbangga dengan kejayaan yang dilakar oleh anak masing-masing. Saya bagi pihak kerajaan negeri Kelantan juga turut melahirkan rasa bangga dan bersyukur di atas kecemerlangan yang diraih oleh anak-anak pelajar yang telah berjaya menghafal 30 juzuk kandungan al-Quran.

Menjadi sebagai seorang hafiz atau hafizah tentunya merupakan satu cita-cita yang tertinggi bagi seorang pelajar tahfiz. Justeru, saya amat yakin hari ini pastinya merupakan hari yang amat bersejarah dalam hidup para pelajar yang telah diiktiraf dengan rasmi sebagai seorang hafiz dan hafizah. Pengiktirafan ini sebenarnya satu pemilihan dari Allah SWT. Jika orang lain berbangga dengan kejayaan melakar kecemerlangan di dalam peperiksaan-peperiksaan yang utama, maka pelajar-pelajar yang muncul sebagai hafiz dan hafizah pada hari ini berhak untuk berbangga dengan kejayaan menghabiskan hafalan al-Quran 30 Juzuk. Saya yakin kejayaan ini ini bukannya dicapai dalam masa yang sekejap tetapi telah didahului dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

Tahniah khas saya ucapkan kepada para ibu bapa kerana dengan kesungguhan pihak ibu bapa yang sanggup menghantar anak-anak ke aliran tahfiz al-Quran ini memberi laluan kepada anak-anak untuk bergelar seorang hafiz dan hafizah. Jika dahulu, bidang tahfiz

dipandang sebagai bidang yang tidak menjanjikan peluang pekerjaan yang baik dan hanya sekadar mengajar al-Quran di madrasah atau masjid, atau paling tinggi mungkin menjadi ustaz dan pensyarah al-Quran semata-mata. Tetapi sekarang dengan permintaan yang cukup tinggi untuk memasuki aliran tahfiz yang datang dari latar belakang keluarga yang pelbagai termasuklah dari latar belakang professional, saya melihat tanggapan bahawa bidang tahfiz tidak menjanjikan masa depan cemerlang hakikatnya sudah terhakis dari masyarakat kita. Hari ini telah lahir ramai doktor perubatan, engineer, pengurus bank, peguam dan pegawai tinggi kerajaan yang hafiz dan hafizah. Inilah berkat usaha kita semua menanam benih yang mulia dan akan keluar juga buah yang sangat mulia dan bermutu.

Anak-anak yang belajar di bidang tahfiz dalam erti kata lain sebenarnya merupakan aset dan kredit kepada ibu bapa untuk mengadap Allah SWT di akhirat kelak. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمِلَ بِمَا فِيهِ أُلْبِسَ وَالْدَّاهَ ثَاجًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ضَوْءُهُ أَحْسَنُ مِنْ  
ضَوْءِ الشَّمْسِ

Yang bermaksud : *Sesiapa membaca al-Quran dan beramal dengan apa yang terkandung dalamnya maka kedua-dua ibu bapanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat yang sinaran mahkota itu akan melebihi daripada cahaya matahari (Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud)*

Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk menambah bilangan hafiz dan hafizah setiap tahun. Kalau boleh kita lahirkan “Seorang hafiz dalam sebuah keluarga” dan anak-anak yang tahu berbahasa Arab agar mereka kelak menjadi pembimbing masyarakat yang memahami tuntutan Islam yang sebenar. Menjadi tugas semua pihak untuk menyebar luaskan pendidikan tahlif ini agar usaha yang mulia ini mencapai kejayaan dan negeri serta negara kita suatu hari nanti akan ditadbir oleh para ulama juga profesional yang tahu berbahasa Arab serta hafiz al-Quran.

Anak-anak yang telah hafaz al-Quran keseluruhannya ini seharusnya mendalami lagi ilmu-ilmu serta keindahan kandungan al-Quran. Sebutlah pelbagai cabang ilmu yang ada dalam dunia moden pada hari ini, kedoktoran, kejuruteraan, sains, fizik, biologi, kimia dan pelbagai lagi disiplin ilmu semuanya disentuh dalam al-Quran. Saya mengambil satu contoh bagaimana fakta sains yang ditemui pada tahun 1827 Masihi yang menyebut bahawa ketika air hujan sampai ke tanah, ia menyebabkan terjadi getaran dan goncangan molekul tanah. Ini kerana tanah mengandungi pelbagai molekul yang mempunyai pelbagai jenis mineral yang dimampat antara satu sama lain. Ketika hujan turun, mineral ini mewujudkan pelbagai jenis arus elektrik disebabkan jenis-jenisnya yang berbeza. Teori ini dikatakan ditemui oleh seorang ahli sains bernama Brown pada tahun 1827 namun hakikat bahawa hujan yang turun menggerakkan tanah di bumi telah disebut oleh Allah SWT di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT :

وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اُهْتَرَّتْ وَرَبَتْ

وَأَنْبَتْتُ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud : *Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya dan menjadi subur, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.* (Al-Hajj: 5)

Apa yang saya sebut tadi hanyalah sebahagian kecil dari keindahan dan keajaiban al-Quran yang telah diungkap oleh para ulama dulu dan terkemudian. Justeru, besarlah harapan saya agar anak-anak pelajar dapat terus menggilap ilmu di dalam bidang al-Quran kerana dengan al-Quran kita akan dapat menguasai ilmu-ilmu yang lain dan muncul sebagai para ulama yang menggunakan segenap keupayaan dan pengetahuan yang ada demi menyebarluaskan kefahaman al-Quran dalam masyarakat.

Lebih jauh dari itu, saya berharap agar hafiz dan hafizah yang dilahirkan inilah yang bakal mewarisi perjuangan menegakkan isi kandungan al-Quran di dalam negeri dan negara kita InsyaAllah. Saya yakin, setelah masuk 24 tahun Kelantan ditadbir dengan dasar Membangun Bersama Islam, Islam semakin tidak menjadi fobia khususnya di kalangan non-muslim. Tinggal lagi ialah usaha memberikan kefahaman yang sebenar tentang Islam dan al-Quran hendaklah dipelopori oleh generasi muda agar nanti semua pihak

dapat memahami betapa indahnya Islam selaku agama yang benar yang datang daripada Allah SWT.

Oleh sebab itulah pihak kerajaan negeri sentiasa peka dan mengambil berat terhadap medium pendidikan agama, malah menjadi agenda utama kerajaan melalui program-program pengemaskinian dan pengukuhan kurikulum, peningkatan pengetahuan dan kemahiran Agama Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan. Kerajaan negeri semasa pembentangan bajet 2015 baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM 72 juta ringgit kepada Yayasan Islam Kelantan bagi melaksanakan program-program pendidikan, di samping RM 4 juta ringgit lagi bagi projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah YIK. Kerajaan juga telah memperuntuk RM 5.18 juta ringgit bagi pendidikan pra sekolah, aktiviti pelajaran, bantuan pelajaran, dana pendidikan guru YIK dan program pengajian tinggi.

Kerajaan negeri telah mengutamakan pengajian dalam aliran tafsir al-Quran ini dan kita telah bangunkan institusi tafsir ini sudah masuk tahun yang ke-22. Penubuhan Maahad Tafsir Wal Qiraat yang pertama ialah pada tahun 1992 dan kerajaan sudah boleh berbangga dengan ribuan para huffaz yang telah kita lahirkan. Mereka semua kini sedang memegang jawatan-jawatan yang penting di sektor-sektor kerajaan atau swasta dalam pelbagai bidang sama ada bidang pendidikan, kedoktoran, undang-undang, perniagaan, ketenteraan, keusahawanan, farmasi dan sebagainya. Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk pendidikan tafsir

Quran di negeri ini. Pada tahun 2011 kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 1.2 juta ringgit bagi pembinaan asrama Maahad Tahfiz Wal Qiraat Banggol Chica dan sejumlah RM 1.3 juta ringgit untuk pembinaan asrama Maahad Tahfiz Sains Kok Lanas.

Perbelanjaan mengurus dan emolumen di kesemua Maahad tahfiz juga bertambah dari tahun ke tahun. Contohnya pada tahun 2011 perbelanjaan tersebut berjumlah RM 11.5 juta ringgit meningkat kepada RM 13.9 juta ringgit pada tahun 2012 dan RM 14 juta ringgit pada tahun 2013. Yang terkini kerajaan sedang menyiapkan Maahad Tahfiz Sains Tok Guru di Pengkalan Chepa dan kita harapkan lebih ramai lagi ibu bapa yang memberi komitmen hantar anak ke Maahad Tahfiz tersebut.

Hadirin-hadirat sekalian,

Sempena graduasi anak-anak hafiz dan hafizah hari ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kesemua anak-anak pelajar yang bergelar hafiz dan hafizah. Hari ini adalah hari yang bersejarah dalam kehidupan *antum* semua. Saya sebagai ketua kerajaan yang juga bapa kepada *antum* sekalian merasa bangga dan amat berpuas hati melihat kejayaan yang telah di usahakan oleh *antum* semua. Masyarakat sentiasa menunggu sumbangan daripada golongan yang mempelajari dan mendalami al-Quran ini. Teruskan mengulang kaji hafalan agar al-Quran supaya kekal dalam dada. Teruskan pengajian sehingga ke peringkat ijazah sarjana muda

kemudian sambung ke peringkat Masters dan seterusnya hingga ke peringkat PhD.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan tahniah yang tidak terhingga kepada semua pihak terutama pihak Yayasan Islam Kelantan dan khususnya kepada ibu bapa yang telah membesarkan anak-anak yang muncul sebagai graduan tahfiz pada hari ini, InsyaAllah, kebanggan ini akan lebih dirasai jika kita dapat menumpang doa dan amal anak-anak yang soleh apabila berhadapan dengan Allah SWT nanti. Dengan lafaz:

بسم الله الرحمن الرحيم

Saya merasmikan Majlis Graduasi Tahfiz Yayasan Islam Kelantan bagi tahun 2014. Tahniah kepada semua yang berjaya!

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN INSTITUT LATIHAN PERGURUAN  
KELANTAN (ILPK)**

17 Safar 1436 / 10 Disember 2014  
Dewan Asma' Abu Bakar Maahad Muhammadi Perempuan Kota  
Bharu

Firman Allah SWT:

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوَّ أَعْلَيْكُمْ إِيمَانًا وَيُزَكِّيُّكُمْ  
وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ  
(101)

Maksudnya: *Sebagaimana Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, membersihkan kamu dari amalan syirik, yang mengajarkan kamu kandungan kitab al-Quran serta hikmah kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.* (Al-Baqarah: 151)

Alhamdulillah, pada petang ini dapat hadir ke majlis perasmian Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) dan ini adalah hasrat kita yang sudah lama bagi memastikan para guru di Kelantan khususnya mendapat latihan yang bermodul dalam dunia pendidikan yang semakin hari semakin mencabar.

Hadirin hadirat sekalian,

Kita perlu jelas bahawa konsep pendidikan Islam yang bersepadu telah dinyatakan dalam Islam iaitu:

1. Pendidikan mestilah berasaskan wahyu Allah
2. Pendidikan mestilah membangun rohani pelajar
3. Pendidikan adalah bersifat intelek dan pengurusannya adalah profesional
4. Pendidikan berjaya untuk membasmikan buta huruf keseluruhannya.

Pembahagian tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kandungan ayat al-Quran yang dibacakan tadi. Perkara ini perlu diberi penerapan yang sempurna dalam mana-mana institut latihan pendidikan hari ini iaitu dengan adanya penerapan pendidikan Islam mengikut acuan Islam yang sebenar.

Persidangan-persidangan sedunia mengenai pendidikan Islam terutamanya pada tahun 1980 yang diadakan di Islamabad Pakistan, telah menekankan mengenai pengislaman ilmu dalam konteks perancangan kurikulum, juga aspek metodologi. Ini memberi erti bahawa ada sesuatu yang mesti diulangkaji dan diperkemaskan dalam konteks sistem pangajaran di institusi-institusi pendidikan di negara-negara Islam. Dalam hal ini, Kelantan tidak terlepas dari tugas ini. Malah Kelantan seharusnya menjuarai dan menjadi contoh kepada masyarakat Islam lain dari sudut membangunkan pendidikan negeri sesuai dengan motto pentadbiran ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’.

Kelantan terkenal dengan pendidikan Islam sejak dahulu lagi dan dunia hari ini memerlukan institusi pendidikan Islam mempunyai silibus dan latihan yang setanding dengan institusi lain. Dengan sebab itu corak pendidikan termasuk kaedah pengajaran hendaklah sentiasa dikemaskinikan mengikut kehendak semasa. Kerajaan Kelantan melalui portfolio pendidikan telah melihat keperluan ini untuk disegerakan tindakannya. Dengan itu satu langkah segera telah diambil bagi tujuan ini dengan membangunkan Institut Latihan Perguruan Kelantan ini. Perkara ini mempunyai hubungan secara langsung dengan dasar merakyatkan membangun bersama Islam serta falsafah Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI).

Hadirin hadirat sekalian,

Kerajaan Kelantan telah mewujudkan portfolio Pengajian Tinggi dalam tugas-tugas portfolio pendidikan. Tetapi kita merasakan pendidikan tinggi mestilah mendapat input pelajar daripada mereka yang terdidik dan terasuh dengan betul di peringkat menengah. Di sinilah peringkat penting bagi pembentukan corak yang betul dalam pendidikan. Malah pendidikan tinggi itu sendiri sebahagian besarnya di negara ini adalah di luar dari bidang kuasa dan kawalan kerajaan Kelantan. Dengan adanya Institut Latihan Perguruan Kelantan ini, ia memberi erti bahawa kita telah membantu IPT-IPT awam atau swasta dengan mewujudkan bakal-bakal mahasiswa yang beridentiti Islam. Secara tidak langsung kita berperanan kepada negara seluruhnya.

Kita mahukan Kelantan menjadi hub dan contoh pendidikan yang terbaik. Kita mengimpikan kecemerlangan ilmu, bukan sahaja

ledakan maklumat mestilah dikuasai oleh kita akan tetapi maklumat tadi dapat di selaraskan dengan baik. Jolokan Kelantan sebagai Serambi Mekah itu sendiri mestilah diisi dengan khazanah ilmu dan kemantapan para gurunya, bukan semata-mata pembangunan fizikal. Pengalaman kita menunjukkan pembangunan yang didakwa seimbang tidak akan ke mana-mana kalau tidak dicernakan dalam bentuk yang sepadu. Ini memberi gambaran bahawa tugas institut yang kita akan rasmi ini, bukan sekadar membentuk keseimbangan dalam dunia pendidikan, tetapi menjadikan pendidikan itu bersifat ‘integrated knowledge’ atau pendidikan bersepadu. Pada hakikatnya, pendidikan bersepadu telah kita bina di peringkat rendah lagi seperti kewujudan kelas-kelas pra sekolah seperti kelas-kelas PASTI dan sekolah rendah Islam yang lain. Semua pendidikan di institusi-institusi awal itu akan bantu atau terbantut bila anak-anak kita melangkah ke sekolah menengah tanpa orientasi yang juga bersepadu.

YIK telah mempunyai falsafah pendidikan yang telah disusun begitu baik dengan konsep-konsep tarbiyah, tadrис, ta’dib dan ta’lim. Semua istilah-istilah ideal ini dibimbingi kalau tidak difahami cara bagaimana ia diterjemahkan ke dalam pengajaran. Oleh kerana itu saya mengharapkan pihak Institut Latihan Perguruan Kelantan ini bukan sahaja menjelaskan asas-asas falsafah pendidikan dan kaitannya dengan UMI [Ubudiyyah, Masuliyah dan Itqan], tetapi juga menterjemahkannya dalam konteks pedagogi, hatta ilmu-ilmu bukan tradisi seperti matematik, sains dan lain-lain. Ilmu-ilmu itu sendiri asalnya tumbuh dari inspirasi agama. Malah sumber asal dan asas ilmu-ilmu itu ialah al-Quran dan al-Sunnah.

Haruslah diingat bahawa tamadun Islam adalah tamadun ilmu. Ia telah menyumbang kepada zaman cerah di Eropah. Seterusnya membangkitkan zaman revolusi industri yang berkembang memodenkan dunia kini. Tetapi malangnya sumbangan ini telah dilupakan atau telah dipadamkan kaitannya dengan Islam oleh para orientalis Barat. Walaupun setengahnya mengaku akan sumbangan tersebut, tetapi ilmu yang dikembangkan sudah terpisah dari agama. Dunia pendidikan sedemikian juga hingga kini mewarnai corak pendidikan negara kita dan kita rasai pendidikan ala barat ini menyelubungi anak-anak kita. Maka dengan itu, menjadi tugas kita mengembalikan landasan pendidikan Islam yang sebenar. Di sinilah peranan institut latihan perguruan yang bakal direalisasikan.

Hadirin hadirat sekalian,

Saya mengharapkan Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) yang bakal beroperasi nanti bukan sahaja untuk YIK atau pendidikan di Kelantan sahaja. Ia juga boleh menjadi model latihan untuk seluruh negara seperti wujudnya kini pendidikan berkurikulum YIK hingga ke Kemboja. Institut ini seharusnya merancang bagaimana membina-modul-modul yang baik hingga mendapat pasaran atau permintaan dari negeri-negeri lain. Apa salahnya kalau misi institut ini meluas hingga kepada negara-negara ASEAN.

Cita-cita besar ini tidaklah mustahil. Ia hanya memerlukan komitmen semua pihak dan secara khusus oleh sekumpulan sukarelawan profesional dalam bidang pendidikan. Sememangnya kerja-kerja sedemikian akan mengambil masa yang bukan singkat dan tenaga

yang sedikit. Kerajaan Kelantan akan menyokong dan berbangga jika terdapat kejayaan dari cita-cita ini dan inilah cita-cita besar saya sebagai yang di amanahkan untuk mengepalai kerajaan Kelantan.

Dengan kehadiran hadirin hadirat sekalian di majlis ini, adalah sebahagaian dari sumbangan kepada agenda besar ini. Walaupun dengan keterbatasan dana dan peruntukan kewangan, kita tetap melakukannya dengan kerjasama baik dari tuan-puan sekalian. InsyaAllah pihak kerajaan negeri khususnya melalui exco pendidikan akan meneruskan agenda ini. Saya juga mengharapkan sektor-sektor dan pihak-pihak lain seperti TATOK, Perbadanan-perbadanan yang lain, malah syarikat-syarikat swasta boleh membantu aspek-aspek tertentu bagi tujuan ini.

Sebagai akhirnya, saya mengucapkan *jazakumullah khairal jaza'* di atas usaha semua pihak yang menjayakan ke arah pemerkasaan pendidikan di negeri ini termasuk yang menjayakan penubuhan Institut Latihan Perguruan Kelantan yang sememangnya amat penting. Semoga usaha ini diberkati Allah dan berjaya dengan cemerlang pada masa yang mendatang.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## MAJLIS PERASMIAN SEMINAR MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

29 Safar 1436 / 22 Disember 2014

Dewan Teratai Kota Darulnaim

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ.

Firman Allah SWT :

قَالَ رَبِّيْ آغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِيِّ إِنَّكَ  
 أَنْتَ الْوَهَابُ

Maksudnya: Berkata Nabi Sulaiman "Wahai Tuhanmu! ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak ada taranya, Sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurnia. (Shod (ص): 35)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, dapat bersama-sama kita berada di dalam Majlis Perasmian Seminar Merakyatkan Membangun Bersama Islam ini. Saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua hadirin hadirat yang memberikan komitmen yang tinggi untuk hadir ke majlis yang penuh bermakna ini. Suasana kita di Kelantan pada ketika ini, dilimpahi dengan banjir. Saya berharap semua pihak bertindak membantu menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa di pusat-pusat

pemindahan. Ujian ini, diharapkan kita dapat lalui dengan sabar dan kita yakin bahawa Allah ingin menguji iman kita untuk mengasihinya kita.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

Kita di Kelantan, sangat menekankan aspek pembangunan yang berteraskan Islam dan aqidah Islamiah adalah kunci utama yang menaungi seluruh aspek perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri ini. Bagi saya, melalui kefahaman aqidah Islamiah ini, ia berupaya membawa ke arah pengukuhan dasar pentadbiran yang berteraskan syariat Islam di Kelantan. Ini kerana pendekatan aqidah adalah pra-syarat utama dalam membangunkan diri dan masyarakat, sudah tentulah masyarakat yang berjaya ialah masyarakat yang berjaya pasakkan aqidah yang kukuh dalam jiwa dan pemikiran mereka.

Dasar pentadbiran kerajaan negeri berpandukan motto Membangun Bersama Islam (MBI) yang dimulai semenjak tahun 1990 lagi adalah agenda untuk selaraskan pentadbiran dengan tuntutan syariat. Dasar MBI ini dipacu berpaksikan kepada tiga teras utama iaitu *ubudiyah*, *masuliyah* dan *itqan* (UMI). *Ubudiyah* berkait soal iman atau aqidah iaitu merujuk tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah SWT. Penekanan terhadap seseorang penjawat awam ditekan dari aspek sifat diri, tujuan hidup dan aktiviti harian yang dilakukan hendaklah selaras dengan kehendak agama. Begitu juga dalam tugas sehari-hari hendaklah menepati matlamat yang ditetapkan kerajaan.

*Masuliyah* pula menekankan soal amal tanggungjawab atau akauntabiliti yang selaras dengan tuntutan syariat. Penegasan tanggungjawab terhadap tugas harian seseorang kakitangan awam di pejabat itu sebenarnya mempunyai hubung kait dengan aspek dosa dan pahala. Setiap kakitangan awam diperingatkan segala gerak kerja mereka akan diadili di akhirat kelak.

*Itqan* berkait dengan amalan soleh atau akhlak. Akhlak bagi seseorang kakitangan awam menekankan aspek ketekunan, kesungguhan dan komitmen tinggi dalam melaksanakan tugas. Seseorang penjawat awam yang mempunyai akhlak tinggi tentunya tidak terbabit dengan sebarang penyelewengan dan salah laku atau bekerja sambil lewa dan curi tulang. Sifat itu menerbitkan asas kualiti dalam setiap tugas yang dilakukan.

Hadirin hadirat sekalian,

Kelantan pada hari ini Alhamdulillah terus membangun. Rakyat Kelantan menikmati arus pembangunan seperti mana negeri-negeri lain. Bezanya, pembangunan ini dipasak di atas asas yang namanya rohani. Hakikatnya, pembangunan rohani inilah yang seringkali tidak dipedulikan oleh kebanyakan pentadbir hari ini. Manusia jika hanya membangun jasmaninya tetapi mengenepikan rohaninya, ia akan pincang. Dalam konteks kuasa politik, sesebuah kerajaan hendaklah sedia melaksanakan cara-cara pentadbiran yang menurut lunas-lunas ajaran agama Islam. Barulah kerajaan tersebut dilihat telah mengambil kira matlamat pentadbiran berteraskan agama iaitu dengan memenuhi *maqasid al-syariah*. Di sebalik maqasid itulah akan

berlaku jagaan dan jaminan terhadap lima keperluan asasi, iaitu terjaganya agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta.

Saya ingin pastikan penerapan prinsip pentadbiran kerajaan ini berjalan berteraskan *ubudiyah, masuliyah* dan *itqan*. Apa jua kerja yang kita lakukan mesti diletakkan gambaran dosa pahala di hadapan dan kerja yang dilakukan adalah berteras *masuliyah* atau tanggungjawab kita serta dilakukan dengan penuh *itqan* atau berkualiti. Setiap kali kita lakukan kerja, setiap itulah kita telah melakukan ibadat kepada Allah. UMI yang telah kita serapkan dalam pentadbiran kerajaan ini bukan hanya untuk dijadikan penyedap mulut atau motto yang sentiasa diwar-warkan, malah kita mahu setiap daripada kita mengambil tanggungjawab membangunkan diri dan kewibawaan masing-masing dengan panduan UMI ini supaya integriti dapat dijanakan sepenuhnya dalam mengurus urusan kerja.

Apabila kita mengenang pengalaman kita mentadbir di awal tahun 1990, Tok Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku ketua kerajaan pada ketika itu telah memindahkan akaun tetap kerajaan negeri dari bank konvensional riba ke Bank Islam. Amalan kewangan dipraktik mengikut acuan Islam dengan mewujudkan dua akaun kerajaan negeri iaitu halal dan haram. Implikasinya telah mendorong kepada pelaksanaan sistem perbankan tanpa faedah (SPTF) atau sistem perbankan Islam (SPI) dan pembukaan kaunter kewangan syariah di bank-bank konvensional.

Pada tahun 1992, kerajaan negeri memperkenalkan sistem gadaian

Islam (Al- Rahn) yang diuruskan melalui anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Ekoran langkah tersebut pajak-pajak gadai konvensional-riba tidak lagi mendapat sambutan sehingga banyak yang terpaksa menutup operasi. Al-Rahn kemudian diperkembangkan ke seluruh Kelantan dan negeri-negeri lain. Malah sistem pajak gadai Islam itu menjadi perintis kepada pelbagai agensi kewangan di bawah kawalan kerajaan pusat turut mengambilnya sebagai projek kewangan Islam.

Hadirin hadirat sekalian,

Kita telahpun memasuki fasa kedua Membangun Bersama Islam yang kini kerajaan telah masyhurkan dengan nama ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’. Dasar ini telah terbukti berjaya mendidik minda bukan sahaja rakyat negeri ini bahkan seluruh masyarakat Malaysia. Islam yang menjadi teras di dalam pentabiran kerajaan tidak lagi dilihat sebagai agama yang disebut-sebut di masjid semata-mata, tetapi ia dibawa ke meja pentadbiran. Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam terus kita perkukuh dengan pelancaran ‘Pelan strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam’ pada 6 Mei 2014 yang lalu.

Pelan ‘merakyatkan’ yang kita jenamakan ini adalah suatu perancangan program bersepadan untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan agar bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama di mana kita memfokuskan beberapa strategik tertentu bagi mencapai matlamat misi ‘Keberkatan, Kemakmuran dan

Kebajikan' iaitu dengan memberi tumpuan kepada tujuh nilai teras Merakyatkan Membangun Bersama Islam:

- 1) Amalan Kebersihan;
- 2) Menyempurnakan Solat;
- 3) Pembangunan Pendidikan;
- 4) Menyuburkan Kebudayaan dan Kesenian;
- 5) Menangani Gejala Sosial;
- 6) Menerajui Pembangunan Ekonomi; dan
- 7) Penyelidikan dan Penilaian.

Kita harapkan ketujuh-tujuh nilai teras ini dapat digembeleng oleh semua pihak untuk menjayakan hasrat yang tinggi dari kerajaan ini. Untuk memantapkan jentera pentadbiran kerajaan dan melahirkan pentadbir yang berkualiti, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah kewangan untuk membiayai para pegawai tadbir negeri agar membina kualiti diri dengan keilmuan dan kita menetapkan agar pegawai tadbir ini mengikuti kursus Diploma Tasawwur Islam. Siri pertama sudahpun selesai dan kini sedang berlangsung siri kedua dan tawaran telah dibuka lebih luas iaitu kepada pegawai-pegawai Gred 41 ke atas di lain-lain jabatan negeri seperti JKR, JPS, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Veterinar, dan lain-lain. Saya berharap peluang ini, menjadi rebutan semua tambahan lagi ia menjadi kayu ukur bagi menilai prestasi pegawai-pegawai kita.

Kerajaan negeri juga amat menitikberatkan pembangunan komunikasi massa, oleh itu, pihak Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri perlu

lebih bersungguh-sungguh bagi melaksanakan jaringan komunikasi kepada rakyat. Buletin-buletin yang telah dikeluarkan sebelum ini seumpama Buletin Darulnaim, Fajar Islam, Serambi serta sebaran VCD maklumat berkaitan program-program kerajaan kepada masyarakat perlu sampai kepada akar umbi dan setiap dasar-dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan dimaklumkan segera kepada rakyat dengan pelbagai cara yang sesuai.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

Kerajaan terus komited untuk memastikan tahun 2015 sebagai tahun pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Pelaksanaan Kanun jenayah Syariah yang kita tumpukan ini adalah semata-mata kita inginkan keredhaan Allah dan kita ingin didik seluruh rakyat agar menerima serta mengembangkan tenaga untuk menjayakan pelaksanaannya. Kerajaan meneruskan peruntukan RM 1 juta ringgit pada pembentangan bajet 2015 baru-baru ini bagi menjayakan pelaksanaan tersebut.

Setakat ini pihak kita telah membuat persiapan yang teliti dan boleh dikatakan sudah siap sepenuhnya draf yang bakal kita bentangkan di sidang khas Dewan Undangan Negeri pada 29 Disember 2014 nanti. Sebelum ini, kita telah adakan Muzakarah Penyediaan Kaedah-Kaedah Hukuman Kanun Jenayah Syar'iyyah yang turut dihadiri oleh mufti-mufti dari beberapa buah negeri, pakar perundangan dan pakar perubatan. Jika kita berjaya siapkan draf enakmen ini berpandukan kaedah-kaedah hukuman tersebut, kerajaan negeri kita adalah

kerajaan pertama bukan setakat di Malaysia akan tetapi di dunia ini yang mempunyai kaedah atau undang-undang bertulis tentang tatacara hukuman *hadd* secara lengkap dan terperinci. Harapan kerajaan negeri agar usaha yang telah dibuat sekian lama ini disokong oleh semua rakyat di negeri ini dan Allah memberi rezeki kepada kita untuk kita isytiharkan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah ini pada tahun hadapan, insyaAllah.

Saya tidak berhasrat untuk memanjangkan ucapan pada hari ini, sekali lagi terima kasih kepada pihak yang menjayakan seminar ini dan seluruh hadirin hadirat yang terus memberi sokongan padu kepada usaha-usaha kerajaan sejak bermula awal pentadbiran sehingga ke hari ini.

Dengan lafaz yang mulia;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya merasmikan Seminar Merakyatkan Membangun Bersama Islam pada hari ini. *Siiru ‘Ala Barakatillah.*

أَقْوُلُ قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**MAJLIS PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG  
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI  
KEMERDEKAAN KE 56 TAHUN 2013 PERINGKAT  
NEGERI KELANTAN**

09 Syawwal 1434 H / 16 Ogos 2013  
Padang Merdeka, Kota Bharu, Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبرماته دان سلام سجهترا  
الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله  
وأصحابه أجمعين

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم، بسم الله الرحمن الرحيم  
وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنَّ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَبَبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى  
اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ  
الْمُكَذِّبِينَ

Yang bermaksud : *Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.* (An-Nahl: 36)

Alhamdulillah, pertama dan selamanya marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama berkumpul di dalam majlis pelancaran kibar jalur gemilang sempena ulang tahun hari kemerdekaan bagi peringkat negeri Kelantan untuk kali ke 56 tahun 2013 Masihi ini. Saya merakamkan tahniah kepada pihak urusetia di atas kejayaan mengadakan program sebegini yang sangat bermanfaat ke arah meningkatkan kesedaran rakyat untuk bersama-sama meraikan hari kemerdekaan negara dengan mengibarkan bendera kebangsaan negara Malaysia. Tidak lupa terima kasih saya rakamkan kepada wakil-wakil jabatan persekutuan yang turut hadir pada pagi ini untuk menjayakan majlis yang bersejarah ini. Harapan saya dengan kehadiran wakil dari jabatan persekutuan akan dapat meneguhkan hubungan kerjasama di antara kerajaan negeri Kelantan dan kerajaan pusat demi untuk kebaikan seluruh rakyat Kelantan insyaAllah. Saya amat meyakini bahawa semua kita berkongsi satu cita-cita yang sama iaitu ingin melihat negeri Kelantan ini terus makmur dan sejahtera di samping tidak ketinggalan di dalam arus pembangunan dengan tidak mengenepikan syariat Islam yang menjadi tunjang di dalam kehidupan kita.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Kemerdekaan yang sebenar bukanlah hanya bebas dari penjajahan kuasa luar. Ini kerana jika disoroti di dalam sejarah, banyak negara

yang sekalipun ditadbir oleh anak bangsa sendiri tetapi tetap dianggap sebagai negara yang terjajah kerana dasar pemerintahan yang tidak berlandaskan syariat Islam. Kota Mekah misalnya di awal dakwah Islam, ditadbir oleh Abu Jahal yang merupakan individu yang sebangsa dengan Rasulullah SAW, tetapi dianggap sebagai negara yang terjajah sehingga dibebaskan oleh Rasulullah SAW di dalam peristiwa Fathu Makkah. Ini kerana Abu Jahal menolak Islam dan mengamalkan penyembahan berhala sebagai agama rasmi di kota Mekah pada masa itu. Demikian juga jika disoroti lebih awal di Mesir ketika pemerintahan Firaun yang merupakan anak jati Mesir, tetapi dianggap sebagai penjajah kerana pemerintahan Firaun yang zalim dan mengaku dirinya sebagai tuhan. Allah SWT berfirman :

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شَيْعًا يَسْتَضْعِفُ طَائِفَةً مِنْهُمْ يُذَبَّحُ  
أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيِي نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ

Yang bermaksud : "Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi (Mesir) dengan melampaui batas, serta ia menjadikan penduduknya berpuak-puak. Ia menindas sepuak di antaranya dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya adalah ia dari golongan yang membuat kerosakan..." (Al-Qashash: 4)

Justeru, kemerdekaan yang sebenar ialah apabila manusia berjaya diselamatkan daripada pengabdian sesama manusia kepada pengabdian hanya kepada Allah SWT. Inilah matlamat daripada

pengutusan para rasul dan inilah juga erti kemerdekaan yang hakiki. Di dalam konteks negara kita Malaysia, wajiblah kita mengerah segala daya upada kita untuk memupuk rasa cinta anak Malaysia kepada negara mereka sendiri berasaskan perintah Allah SWT.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Termasuk di dalam menyintai negara ialah menyintai perkara-perkara yang melambangkan syiar kepada negara. Antara lainnya ialah bendera yang menjadi lambang kebanggaan dan ketinggian sesebuah negeri atau negara. Di dalam sejarah Islam, bendera atau disebut sebagai *alliwa'* atau *arrayah* memainkan peranan yang cukup penting khususnya di dalam peperangan. Bendera yang dibawa oleh sesebuah pasukan tidak akan dibenarkan sama sekali untuk jatuh kerana ia menandakan kekalahan dan akan menjaskan moral tentera. Jika kita membelek sejarah peperangan yang berlaku di zaman Rasulullah SAW, terdapat satu peperangan yang dinamakan perang Mu'tah yang berlaku di akhir hayat baginda Rasulullah SAW. Di dalam peperangan ini, Rasulullah SAW telah mengamanahkan kepada sahabat baginda Zaid bin Harithah untuk menjadi panglima dan pemegang bendera. Sekiranya Zaid terbunuh, hendaklah diberikan kepada Jaafar bin Abi Talib dan jika Jaafar terbunuh, hendaklah bendera dipegang oleh Abdullah bin Rawahah. Takdir Allah SWT, ketiga-ketiga mereka terbunuh dengan bendera yang menjadi panji-panji perang tidakpun mencecah bumi kerana terus disambut dari tangan ke tangan. Bahkan diriwayatkan bagaimana Jaafar bin Abi

Talib telah dipotong tangan kanannya lalu bendera dipegang dengan tangan kirinya. Apabila tangan kirinya dipotong, beliau mengepit bendera dengan kedua-dua belah pahanya bagi memastikan bendera tersebut tidak jatuh. Begitulah keadaan Jaafar sehingga syahid di medan perang Mu'tah. Semoga Allah meredhai dan merahmati kesemua mereka.

Inilah bukti bagaimana bendera memainkan peranan penting di dalam sejarah peperangan di zaman Rasulullah SAW. Justeru setiap kali berlakunya peperangan, para sahabat sentiasa mengharapkan agar dipilih oleh Allah SWT sebagai pemegang bendera. Antaranya ialah di dalam perang Khaibar di mana Rasulullah SAW bersabda:

لَا عُطِينَ الرَّأْيَ رَجُلًا يَقْتَحِمُ اللَّهَ عَلَى يَدِيهِ

Yang bermaksud : *Aku akan memberikan bendera ini kepada seorang lelaki yang Allah SWT akan memberikan kemenangan dengan tangannya* (Hadis riwayat Bukhari).

Para sahabat apabila mendengar kata-kata ini masing-masing mengharapkan agar mereka dipilih oleh Rasulullah SAW namun ternyata keesokannya pilihan baginda jatuh kepada Saidina Ali RA.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Bendera juga memainkan peranan penting di dalam sejarah tamadun manusia yang melibatkan kuasa-kuasa besar China, Korea dan Jepun.

Bendera sebagai lambang kekuatan bala tentera mereka. Dalam kajian ‘Muslihat Perang Sun Tzu’ kita diberi tahu panji-panji ataupun bendera kecil sengaja dipasang berderetan menyaluti batang buluh yang panjang. Apabila ditegakkan dan dilihat dari jauh menunjukkan seolah ribuan bendera yang dipegang oleh pasukan perang. Sehingga hari ini kita dapat lihat bendera yang berwarna-warni masih digunakan di kawasan rumah ibadat orang Cina yang berfahaman Konfusinisme dan Buddhisme.

Raja-raja Zulu menggunakan bendera untuk berkomunikasi antara bala tenteranya di medan perang. Waktu dulu-dulu, peperangan hanya dilaksanakan pada siang hari, bermula matahari terbit sehingga matahari terbenam. Kalau tiba waktu makan tengah hari pasukan yang berperang berhenti untuk makan dan ketika itu bendera ‘berehat’ dikibarkan untuk dipersetujui oleh semua pihak .Apabila selesai makan, dinaikkan kembali bendera tanda perang semula dan mereka akan meneruskan peperangan sehingga pemenang dapat ditentukan.

Hari ini, Alhamdulillah, setelah negara mencapai kemerdekaan kita mempunyai bendera kita sendiri dan tidak lagi tunduk hormat kepada bendera Union Jack yang menjadi penjajah tanah air kita sekian lama. Pada saya, selaku rakyat di sebuah negara yang merdeka, kebanggaan terhadap syiar atau lambang negara di tanahnya tempat kita berpijak dan di bawah langitnya kita bernaung ialah satu kemestian yang tidak dapat dinafikan sama sekali. Oleh yang demikian, saya ingin

melahirkan rasa dukacita apabila melihat bagaimana kempen-kempen mengibarkan bendera yang dilakukan pada tahun-tahun sebelum ini kurang mendapat sambutan di kalangan masyarakat. Ini seolah-olah membayangkan hilangnya sedikit demi sedikit sensitiviti semangat cintakan negara yang sepatutnya terpahat di dalam jiwa sanubari kita semua. Harapan saya agar seluruh lapisan masyarakat akan memberikan kerjasama dan turut serta dalam menjayakan kempen ini bagi memastikan anak-anak kita generasi muda terus dapat menghayati sejarah kemerdekaan negara kita daripada belenggu penjajah.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Akhir kata, saya menyeru agar semua pihak dapat memberikan kerjasama sebaik mungkin ke arah memastikan kempen kibar Jalur Gemilang ini dapat dijayakan dengan sempurna. InsyaAllah, kita akan menyaksikan sambutan kemerdekaan pada kali ini benar-benar dapat mendidik seluruh lapisan masyarakat untuk menyintai tanah air mereka sesuai dengan dasar Islam iaitu mempertahankan kehormatan diri dan tanah air.

Terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini pada pagi ini, saya akhiri dengan lafaz:

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERBARISAN SAMBUTAN ULANG TAHUN  
HARI KEMERDEKAAN  
KE-57 PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

5 Zulkaedah 1435 / 31 Ogos 2014  
Padang Batalion Ketiga Rejimen 506 Askar Wataniah, Kem  
Sungai Durian, Kuala Krai Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Firman Allah Taala:

إِنَّا فَتَحَنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ﴿١﴾ لِّيغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ  
وَمَا تَأْخَرَ وَيُتَمَّ نِعْمَتُهُ عَلَيْكَ وَهَدِيَكَ صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ﴿٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (Wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas lagi nyata. Dengan sebab kemenangan itulah Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, lalu Allah menyempurnakan nikmatNya kepadaMu, serta menunjukkan kamu jalan yang lurus. (Al-Fath: 1-2)

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk sama-sama berada di dalam majlis perbarisan Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan ke 57 pada pagi ini. Saya merakamkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan program yang sungguh bermakna ini. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat dan

memberikan kerjasama yang cukup baik di dalam menjayakan perbarisan pada pagi ini.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Tahun ini merupakan ulang tahun ke 57 negara kita mencapai kemerdekaan dari penjajah. 57 tahun yang lalu iaitu pada 31 Ogos 1957, secara rasminya kita sudah dilepaskan dari belenggu penjajah yang telah silih berganti menjajah tanah Melayu ratusan tahun lamanya. Alhamdulillah, hasil perjuangan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan yang menuntut kemerdekaan tanah Melayu daripada penjajah, tepat 31 Ogos 1957, tanah Melayu dengan rasminya diisytiharkan merdeka dari penjajah British pada masa itu.

Kemerdekaan yang sebenar ialah apabila seseorang, bangsa atau umat berjaya melepaskan diri dari belenggu penjajahan dalam segala bentuk, baik penjajahan lahir atau batin. Umat yang merdeka, mereka dapat berfikir dengan bebas apa yang baik dilakukan untuk diri, bangsa atau untuk kepentingan umat seluruhnya tanpa khuatir kepada makhluk yang menghalangi, tiada yang ditakuti kecuali Allah SWT dan segala tindakannya berpandukan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW. Inilah kemerdekaan yang hakiki. Selagi mana manusia bergantung kepada kuasa selain Allah SWT, sesungguhnya ia masih terjajah tanpa disedari. Adapun merdeka dalam erti kata sebenar ialah bebas sepenuhnya dari anasir yang dilarang oleh syarak dan tidak terikat dengan dengan belenggu jahiliah.

Kemerdekaan menurut Islam ialah tidak tunduk kepada makhluk Allah, kemerdekaan yang meletakkan sepenuhnya cara hidup

berlandaskan syariat Allah dan kemerdekaan yang menolak ideologi dan pemikiran manusia yang bertentangan dengan hukum Allah yang ianya akan membawa kepada kemurkaanNya. Oleh kerana itu, Nabi kita Muhammad SAW dalam perjuangannya yang pertama ialah menentang jahiliah yang ada dalam masyarakat Arab ketika itu. Mekah pada masa itu bukannya dijajah oleh penjajah asing Rom dan Parsi, tetapi dijajah oleh jahiliah Arab dari kalangan kaum keluarga Nabi SAW. Kemerdekaan dicapai setelah peristiwa Fathul Makkah berlaku dan di situlah jahiliah mula tunduk kepada kekuasaan syariat Islam sehingga ke zaman khulafa al-Rasyidin.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Sebuah negara yang merdeka dengan kemerdekaan yang hakiki ialah negara yang berlandaskan kepada pengabdian diri kepada Allah Taala yang membawa keadilan mutlak kepada seluruh manusia seterusnya menjadikan negara dan rakyat akan mendapat keampunan dan keredaan Allah. Kemerdekaan yang dimiliki bukan dikecapi oleh penganut Islam semata-mata bahkan, juga kepada penganut-penganut agama lain yang bernaung di bawah pemerintahan Islam juga akan mendapat keadilan.

Justeru, mesej yang dibawa oleh Islam bukanlah kedaulatan bangsa-bangsa tertentu semata-mata tetapi kedaulatan Islam. Di bawah naungan Islam, Salman al-Farisi yang berbangsa Parsi menjadi sahabat nabi yang terkemuka, demikian juga Suhaib Ar-Rumi yang berbangsa Rom turut menjadi pendamping Nabi SAW daripada Mekah sehingga ke Madinah. Ini menunjukkan bahawa dimensi

rahmat yang dibawa oleh Islam melampaui sempadan darah bangsa dan keturunan.

Inilah yang perlu untuk kita fahami dalam kemeriahannya kita menyambut ulang tahun kemerdekaan pada hari ini. Sambutan kemerdekaan kali ini berlainan dari tahun-tahun sebelum ini di mana kita masih lagi sedih di atas tragedi kehilangan pesawat MH370 dan nahtas pesawat MH17 yang sehingga kini tiada menemui puncanya. Di kesempatan ini juga saya ingin mengajak seluruh rakyat yang hadir untuk kita turut menyambut kemerdekaan dan kemenangan saudara kita di Ghazzah. Walaupun berkemungkinan mereka akan dijajah lagi namun, hati-hati mereka sentiasa merdeka daripada kezaliman dan thaghut. Kita berharap agar kemerdekaan kita pun menepati kemerdekaan yang sebenar iaitu merdekanya hati dari jahiliah.

Justeru, saya mengambil kesempatan di dalam ucapan ringkas pada pagi ini untuk mengajak diri saya dan seluruh rakyat negeri Kelantan agar berusaha mengekalkan nikmat kemerdekaan di samping bahu-membahu membentuk negeri dan negara agar muncul sebagai negara merdeka dengan kemerdekaan yang hakiki. Kita bina hubungan yang harmoni sesama kaum yang pelbagai di negeri ini dengan sifat saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama di dalam menjayakan majlis perbarisan pada tahun ini. Semoga dengan kerjasama yang ditunjukkan ini berjaya meningkatkan semangat cintakan negara dan menyuburkan rasa bersyukur di atas nikmat kemerdekaan yang

dikecapi selama ini. Marilah bersama-sama kita membina sebuah negara yang aman makmur dari sebarang kekacauan dan bebas dari anasir-anasir yang berusaha meruntuhkan negara. Saya Sudah dengan

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## **PROGRAM ‘KE ARAH KELANTAN BEBAS DENGGI’**

23 Syawal 1435 / 19 Ogos 2014  
Perkarangan Sekolah Agama Sri Kiblah, Jalan Telipot Kota Bharu

Firman Allah SWT :

إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْتَّوَّبِينَ وَتُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang yang sentiasa menjaga kebersihan".  
(Al-Baqarah: 222)

Hadirin hadirat sekalian,

Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana pada pagi ini dapat kita sama-sama turun dalam program gotong royong bagi membendung wabak denggi yang menular di negeri kita. Dengan usaha yang dilakukan ini dan semangat untuk menjadikan agenda kebersihan itu sebagai keutamaan sedikit sebanyak akan membantu pihak jabatan kesihatan untuk membendung wabak denggi ini insyaallah.

Prinsip kebersihan di dalam Islam seperti yang dinyatakan dalam ayat al-Quran tadi mestilah dihayati dan dijadikan budaya dalam aktiviti hidup sehari-hari. Amalan menjaga kebersihan alam sekitar adalah satu amalan yang mulia. Bayangkanlah sekiranya umat Islam membiarkan sampah sarap, kekotoran di situ dan di sini, kita akan menghadapi

pelbagai suasana yang terdedah kepada pelbagai jenis penyakit berjangkit. Kemudharatan ini wajib ditangani oleh semua kita tanpa mengira bangsa dan tahap umur kerana perkara ini dituntut dalam agama.

Umat Islam hari ini sepatutnya mengambil tanggungjawab dalam memastikan agenda kebersihan dalam masyarakat, negeri dan negara. Apatah lagi bila kita melihat negara barat lebih terkehadapan dalam agenda ini. Kajian sebuah syarikat penyelidik antarabangsa telah menyenaraikan hanya 25 buah negara paling bersih di dunia antaranya Switzerland, Sweden, Norway, Finland, Jerman, Jepun, Denmark dan Perancis, malangnya tidak ada satu pun negara Islam menduduki tangga tersebut. Persoalan besar timbul di sini ialah, mengapakah umat Islam tidak boleh mengamalkan kebersihan yang dituntut oleh Islam sendiri sebagai lambang ketamadunan?.

Berdasarkan pemerhatian, negara-negara maju mempunyai budaya menjaga kebersihan yang tinggi. Walaupun tidak beragama Islam tetapi mereka lebih mengambil berat aspek kebersihan seperti mana dianjur oleh Islam. Hal ini menuntut agar kita umat Islam membuat perubahan untuk beramal dengan tuntutan agama Islam yang sebenarnya daripada anjuran menjaga kebersihan ini dapat menangani pelbagai musibah penyakit dan kemudharatan tubuh badan.

Hadirin hadirat sekalian,

Kes demam denggi yang melanda seluruh negara hari ini sudah mencapai tahap membimbangkan. Rakyat mulai bimbang

kemungkinan keluarga mereka turut diserang demam denggi, apakah lagi demam denggi berdarah yang boleh membawa maut.

Kes demam denggi boleh merebak dengan cepat. Pembangunan yang pesat, terutama di kawasan projek yang tidak dikawal dengan baik, boleh menyebabkan banyak kawasan ditakungi air dan terdedah kepada tempat pembiakan aedes. Longkang yang tersumbat akibat tindakan sambil lewa petugas PBT sering dikenal pasti sebagai tempat nyamuk membiak. Masalah ini diburukkan lagi dengan sikap segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap persekitaran.

Justeru, langkah awal perlu diambil sebagai usaha pencegahan paling berkesan agar rakyat dapat melihat kesungguhan Kementerian Kesihatan menangani masalah ini. Dalam hal ini, rakyat perlu dimaklumkan tentang bahaya aedes. Malah, rakyat sendiri perlu bersama-sama mengambil bahagian membantu usaha pencegahan. Kementerian Kesihatan perlu melancarkan kempen kesedaran secara besar-besaran.

Berdasarkan kepada laporan daripada jabatan kesihatan, kebelakangan ini terdapat peningkatan ketara bilangan kes kes demam denggi akibat daripada gigitan nyamuk aedes yang sekiranya tidak dikawal, akan mengancam lebih banyak nyawa yang terkorban. Peningkatan kes denggi ini seolah-olah menunjukkan masyarakat pada hari ini bersikap sambil lewa menjaga aspek kebersihan. Kalau dilihat statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan

Malaysia menunjukkan bahawa sepanjang Januari hingga awal Mac 2014 sahaja, sebanyak 18,165 kes denggi dilaporkan, peningkatan sebanyak 316 peratus berbanding 4,370 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2013.

Selangor merupakan negeri yang mencatatkan bilangan kes jangkitan denggi tertinggi di Malaysia dengan jumlah 22,060 kes sehingga 8 Jun 2014 dengan 29 kematian. Peningkatan sebanyak 366 peratus dalam tempoh yang sama berbanding tahun lalu iaitu hanya 4,734 kes dan mencecah jumlah kes yang dicatatkan dalam tempoh setahun pada tahun 2013 iaitu 23,852 kes. Manakala sebanyak 53 lokaliti dikategorikan sebagai *hot spot* denggi di Selangor.

Denggi di negeri kita pun agak meruncing dan menular dengan pantas. Minggu lepas sahaja mengikut laporan kita terima rekod denggi kita yang kedua tertinggi selepas negeri Selangor dan hospital pun penuh dengan mangsa denggi serta kita perlu bantuan perubatan tambahan segera.

Jika dibandingkan dengan tahun lepas hanya 820 kes denggi sahaja tapi tahun ini bermula Januari hingga 10 Ogos baru ini, sejumlah 6,740 dilaporkan di negeri kita iaitu meningkat sebanyak 722 peratus (atau sebanyak 5,920 kes) dan 12 kematian telah dikenal pasti. Mengikut maklumat yang diperolehi Kota Bharu merupakan penyumbang tertinggi kepada kes demam denggi iaitu 79 peratus diikuti yang kedua Tumpat (10.2 peratus) kemudian Bachok (3.6 peratus) dan seterusnya Tanah Merah (1.7 peratus).

Jadi kita mengharapkan daripada program gotong-royong ini, amalan menjaga kebersihan di semua lokasi di negeri kita dapat mencegah dari menularnya wabak denggi merbahaya. Kalau disyaki kawasan kediaman kita terdapat jejentik aedes, dalam kadar segera kita kena laporkan kepada pihak yang bertanggungjawab. Menurut kajian, jejentik aedes boleh hidup selama 9 minggu tanpa air. Ia juga boleh hidup dalam air bersih mahupun air yang kotor. Kadar pembiakan nyamuk aedes juga sangat pantas. Oleh sebab itu, bilangan nyamuk aedes yang banyak ini bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Kitar hidup nyamuk aedes dan sifat jejentik nyamuk aedes yang boleh hidup dalam jangka masa yang lama menyebabkan penularan demam denggi di luar kawalan dan akan menular dengan pantas.

Pelbagai langkah yang efektif haruslah diambil untuk menangani masalah ini. Langkah pertama sudah tentu bermula dari rumah. Bekas-bekas yang boleh menakung air mesti dibersihkan dan ditutupi dengan penutup. Kalau boleh, bubuhlah ubat nyamuk jejentik seperti ‘temephos’ dalam kolah air dan tempayan air untuk membunuh jejentik. Selain itu, semak-samun hendaklah ditebas dan halaman rumah hendaklah sentiasa kekal bersih dan kemas. Penggunaan penyembur aerosol juga dapat mengurangkan bilangan nyamuk aedes dan sebaik-baiknya digunakan pada waktu senja kerana pada masa itu nyamuk aedes paling aktif mencari mangsa.

Hadirin hadirat sekalian,

Pihak kerajaan berharap agar media massa juga mengambil peranan yang efektif dalam menyampaikan maklumat dan informasi kepada masyarakat. Kempen-kempen yang dilancarkan oleh pihak kerajaan haruslah disiarkan pada waktu primer agar semua lapisan masyarakat tahu dan sedar akan penularan penyakit demam denggi. Kita tidak mahu dengan sebab kecuaian dan sikap kita yang tidak mementingkan kebersihan ini sebenarnya yang menyebabkan wabak denggi semakin menjadi-jadi.

Allah sebut dalam firmanNya:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذْيِقُهُمْ  
بَعْضَ الَّذِي عَمِلُواْ عَلَيْهِمْ يَرْجِعُونَ



Maksudnya: "Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia sendiri; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)." (Ar-Ruum: 41)

Akhir sekali, sama-sama lah kita bahu-membahu dalam menjaga kebersihan dalam negeri kita semoga wabak denggi yang mencemaskan ini diangkat oleh Allah SWT, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang sanggup turun untuk bergotong royong pada pagi ini dan dengan lafaz *Bismillahirrahmannirrahim*

Saya rasmi dan sekaligus melancarkan gotong-royong yang kita adakan serentak di 3 lokasi pada hari ini.

## **MAJLIS PECAH TANAH ASRAMA BARU KIAS**

2 September 2014  
KIAS, Nilam Puri

Alhamdulillah pada pagi ini, kita dapat menjayakan majlis pecah tanah bagi pembinaan dua blok asrama baru lima tingkat dan satu blok dewan tiga tingkat di KIAS ini. Ini sesuai dengan kapasiti pelajar yang semakin ramai pada hari ini dengan status KIAS masih menunggu untuk penaiktarafan sebagai kolej universiti.

Jika dilihat kepada penubuhan KIAS semenjak tahun 1993 yang dikenali sebagai Maahad Dakwah Wal Imamah pada masa itu, penubuhan ini adalah untuk meneruskan tradisi pengajian Islam dalam bahasa Arab yang sudah sekian lama bertapak di Kelantan kita. KIAS ini dari sudut modul pengisiannya adalah kesinambungan dari Pusat Pengajian Tinggi Islam (PPTIK) Nilam Puri yang telah ditubuhkan pada tahun 1965 dahulu. PPTIK ini kemudiannya dikenali dengan nama Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) sehingga pada 1 April 1981 YPTIK telah diambil alih oleh Universiti Malaya dan ditukar nama kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Bila Tok Guru Bentara Setia cetuskan Maahad Dakwah Wal Imamah, tahun 1994, Alhamdulillah Mahaad Dakwah ini berjaya dibangunkan melalui YIK.

Dengan perkembangan pendidikan kontemporari yang kian pesat, Maahad Ad-Dakwah Wal Imamah ini dirangka semula dalam

kombinasi yang lebih dinamik lalu di *upgrade* dengan nama Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pada 24 Ogos 1999 dan dirasmi sendiri oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan pada masa itu.

Hari ini, KIAS semakin maju, saya yakin dengan staf akademik yang berjumlah seramai 52 orang pendidik dan staf pentadbiran seramai 42 orang. Yang memiliki Doktor Falsafah atau PhD seramai 11 orang, 21 orang berkelulusan Sarjana (M.A) ini adalah terlalu ramai dan mampu menjadikan KIAS bersaing dengan IPTA dan IPTS yang lain serta sudah menepati untuk menjadi kolej universiti. InsyaAllah dengan segala usaha ke arah kolej universiti yang telah dibuat, kita sudah dekat untuk mencapainya.

Bagi pihak kerajaan negeri, saya sentiasa menyokong penuh usaha-usaha ke arah menjadikan KIAS bertaraf kolej universiti. Ia amat penting dan selari dengan perkembangan semasa di Malaysia. Kita telah tambah modal berbayar KIAS dengan dipindahkan pemilikan tanah tapak Yayasan Islam Kelantan kepada KIAS sepenuhnya sebagai satu usaha untuk membantu KIAS terus maju ke hadapan dengan jayanya. YIK setakat ini kita akan pindah ke Pengkalan Chepa dan pembinaan bangunan pejabat baru akan dilaksanakan membabitkan kos sebanyak RM 5 juta.

Proses untuk menaiktarafkan KIAS menjadi kolej universiti ini sudah tentulah bukan sekadar melibatkan perubahan status sahaja, tapi dari sudut aspek-aspek peningkatan tambahbaik fasiliti, kualiti staf serta

perkhidmatannya, pemerkasaan professionalism dan lain-lain perlu turut dinaiktarafkan sekali.

Pembinaan asrama 5 tingkat ini dan satu blok dewan tiga tingkat yang belanjanya berjumlah RM 29, 746, 960.00 (dua puluh sembilan juta, tujuh ratus empat puluh enam ribu, sembilan ratus enam puluh ringgit malaysia) ini adalah salah satu usaha kita menjayakan proses KIAS ke arah kolej universiti dan untuk menampung jumlah pelajar KIAS yang berjumlah 2,293 orang. Asrama lelaki dan asrama perempuan yang ada sekarang sudah tidak dapat menampung jumlah yang sebegini ramai, kita juga bimbang sebenarnya keselamatan pelajar jika ramai pelajar tinggal di rumah sewa dan disiplin *study* serta program-program ilmiah sukar diikuti semua. InsyaAllah dengan adanya asrama dan dewan ini akan lebih memudahkan pihak pentadbiran KIAS menyusun aktiviti ilmu dan perkaderan kepada mahasiswa-mahasiswi.

Harapan pihak kerajaan negeri ingin melihat zon ilmu di sekitar Nilam Puri dan khususnya dihidupkan suasana pengajian di masjid Kampung Laut dapat dijalankan dengan baik. Selain masjid Kampung Laut diimarahkan secara sempurna, pengajian kitab-kitab turath dan muasarah yang membangunkan akhlak dan minda pelajar amat perlu ditekankan. Pihak kerajaan amat bersetuju dengan cadangan pihak KIAS dengan kerjasama Institut Pemikiran Tok Guru untuk membangunkan sebuah mакtabah atau perpustakaan di zon ilmu ini bagi kegunaan awam. Ilmu ini tidak dapat dipisahkan dengan pembacaan dan kajian, jadi dengan adanya perpustakaan ini akan

menarik masyarakat untuk lebih gemar membaca khususnya di peringkat remaja agar mereka tidak membuang masa begitu sahaja.

Apapun saya mengucapkan tahniah kepada KIAS di atas usaha yang gigih sehingga kini telah ada 2 pengajian peringkat ijazah dan 9 peringkat diploma. Yang terkini difahamkan KIAS telah buka kos baru iaitu Diploma Rantaian Perdagangan dan Pemasaran . Baru-baru ini KIAS telah menandatangani MoU dengan Infrastructure University of Kuala Lumpur (IUKL) khusus dalam bidang Pengurusan Kewangan dan Ekonomi dan ini akan menjadikan KIAS setanding dengan IPTS lain yang turut juga mengeluarkan pelajar yang profesional dan pakar dalam kewangan Islam.

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN EKSPON PERTANIAN  
NEGERI KELANTAN 2014 (EKSPOTANI KELANTAN  
2014)**

3 September 2014  
Dewan Jubli Perak MPKB-BRI,

Firman Allah SWT:

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ  
بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْتِنُوا شَجَرَهَا إِلَّا مَعَ اللَّهِ بِلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ

(An-Naml: 60)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kepada Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk bersama-sama berada di dalam majlis perasmian Ekspon Pertanian Negeri Kelantan 2014 atau EKSPOTANI yang mana tema pada tahun ini ialah Cakna Pertanian membawa maksud ambil peduli atau ambil berat berkenaan dengan bidang pertanian.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bertungkus-lumus di dalam memastikan ekspos ini dapat diadakan dengan jayanya. Dengan penganjuran ekspos ini, saya berharap ia dapat memberikan maklumat yang berguna kepada masyarakat seterusnya menyemarakkan semangat para petani di dalam berusaha meningkatkan daya pengeluaran negeri kita.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Di dalam banyak-banyak ilmu yang diterokai oleh orang-orang Islam ialah ilmu pertanian. Di dalam ayat yang saya bacakan tadi Allah SWT telah menyatakan kuasaNya yang menurunkan hujan dari langit dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dari bumi yang kering kontang seperti zaitun, kurma dan anggur. Ayat-ayat seperti ini secara tidak langsung merupakan gesaan kepada setiap pembaca al-Quran untuk mengkaji dan menerokai ilmu pertanian. Sebenarnya menjadi petani adalah amalan yang mulia kerana ia jalan yang lebih dekat kita mengenal Allah melalui ciptaan dan kuasanya.

Di dalam sejarah, inovasi pertanian diperkenal oleh jurutera dan peladang Muslim. Berdasarkan catatan sejarah dan para ilmuwan termasuk dari Barat, sistem pertanian pada era kerajaan Islam Sepanyol merupakan sistem pertanian yang paling canggih yang pernah disusun oleh kecerdikan manusia. Ini kerana budaya ilmu yang ada di dalam Islam telah menghasilkan banyak perubahan. Pada masa itu, seluruh Eropah sedang bergelut dengan isu perhambaan, namun tanah di bawah kekuasaan Islam mengalami kemajuan pesat di bidang pertanian. Ini menunjukkan pertanian bukanlah satu perkara yang asing bahkan ia telah digalakkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana di dalam sabdanya:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَعْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيُأْكِلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا  
كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ

Yang bermaksud: *Tiada seorang muslim menanam dan bertani maka hasil pertaniannya itu dimakan oleh manusia, binatang dan*

*sebagainya melainkan dia akan menerima ganjaran pahala sedekah.*  
(Hadis riwayat Bukhari)

Rasulullah SAW sendiri memberikan galakan yang cukup tinggi terhadap aktiviti pertanian sebagai satu motivasi kepada kaum muslimin memakmurkan bumi dengan tanam-tanaman walau apa jua situasi yang dialami. Sabda Rasulullah SAW:

إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَبِيَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيلَةٌ فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا يَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَفْعَلْ

Yang bermaksud: *Sekiranya berlaku kiamat sedangkan di tangan salah seorang kamu ada benih tamar dan dia berupaya menanamnya sebelum berlaku kiamat. Maka hendaklah dia menanamnya* (Hadis riwayat Ahmad).

Bagaimana mungkin benih yang ditanam sejurus sebelum berlakunya kiamat dapat tumbuh dan mengeluarkan hasil? Namun Rasulullah SAW tetap memerintahkan agar benih itu ditanam sekalipun di ambang kiamat. Ia menunjukkan bahawa setiap tanaman yang ditanam pastinya akan diganjari oleh Allah SWT samada ia mengeluarkan hasil atau tidak. Pemahaman seperti inilah yang dihayati oleh para sahabat selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW sehingga para sahabat sangat mengambil berat bidang pertanian dan memuliakan pokok-pokok yang sedang berbuah. Bahkan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq RA melarang daripada dimusnahkan tumbuh-tumbuhan sekalipun ia dimiliki oleh musuh dengan syarat ia tidak dimanfaatkan untuk tujuan memerangi kaum muslimin.

Oleh yang demikian, kerajaan Kelantan sejak zaman Tok Guru Bentara Setia lagi kita perkenalkan slogan Bertani Satu Ibadah yang merupakan satu gagasan yang dibentuk berdasarkan cita-cita murni untuk melihat para petani berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan daya usaha dan pengeluaran. Ini dapat dicapai sekiranya golongan petani ditanamkan dengan kefahaman bahawa bertani bukan sahaja menjadi satu punca pendapatan bahkan ia juga merupakan satu ibadah tanda pengabdian kepada Allah SWT. Betapa mulianya kerja seorang petani sehingga disebut tentang aktiviti pertanian ini hingga dalam syurga sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ رَجُلًا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ اسْتَأْذَنَ رَبَّهُ فِي الزَّرْعِ فَقَالَ لَهُ أَلَسْتَ فِيمَا شِئْتَ قَالَ بَلَى  
وَلَكِنِي أُحِبُّ أَنْ أَزْرَعَ

Yang bermaksud : *Seorang lelaki daripada ahli syurga memohon kepada Allah SWT untuk bertani, lalu Allah SWT bertanya kepadanya : Bukankah kamu mendapat segala yang kamu hajati? Dia menjawab : Ya, tetapi aku suka untuk bertani.*

Demikianlah mulianya kerjaya seorang petani sehingga diberikan keizinan oleh Allah SWT kepada mereka untuk bertani di dalam syurga. Justeru, penganjuran ekspo seperti ini saya harapkan dapat membantu untuk mencapai visi yang telah digariskan oleh kerajaan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Pada masa kini pula kita melihat bagaimana pertanian telah memainkan peranan yang utama dalam perkembangan tamadun dan pembangunan negara, dengan sejumlah besar penduduk dunia telibat dengan pertanian, pembangunan teknik pertanian telah meningkatkan daya pengeluaran pertanian secara beransur-ansur, ia berterusan dari zaman tercetusnya revolusi pertanian hingga ke hari ini.

Di pihak kerajaan, ke arah meningkatkan lagi kesedaran masyarakat agar mendalami ilmu pertanian serta meningkatkan hasil keluaran, kita telah melancarkan visi Kelantan Jelapang Makanan Negara. Visi ini digarap berdasarkan cita-cita untuk menjadikan Kelantan akan menjadi pengeluar terbesar makanan di Malaysia. Kerajaan Kelantan dalam menjayakan usaha menjayakan visi ini akan menggerakkan seluruh sektor pertanian untuk lebih agresif dan mampan, memanfaatkan bumi Kelantan untuk memberi sumbangan terbesar dari segi pengeluaran pertanian KDNK di Malaysia.

Kerajaan negeri Kelantan telah memperuntukkan sebanyak RM 11.47 juta bagi meningkatkan pelaburan dalam aktiviti pertanian dan penternakan di Kelantan. Kerajaan juga merancang program-program yang memberi input pertanian, program biotek, program bumi hijau, jihad ternak serta bantuan nelayan pantai dan akuakultur.

Harapan saya, semua pihak sama ada pegawai-pegawai, pimpinan masyarakat, para petani, penternak dan nelayan, dan seluruh rakyat negeri Kelantan, akan dapat menyelesaikan masalah tanah terbiar, hidupkan bumi kita yang Allah kurnia dengan pelbagai kelebihan serta hasil agar Allah akan memakmurkan bumi Kelantan ini insyaAllah.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanir Rahim*

Saya rasmikan Ekspotani 2014 ini, semoga mendapat barokah.

**MAJLIS PERASMIAN PERLETAKAN BATU ASAS  
PEMBINAAN RUMAH ANAK YATIM DAN DHUAFA'  
LILBANIN SRI PERAKSI SEMERAK**

3 Zulkaedah 1435 / 29 Ogos 2014  
Tapak Perasmian Kg Besar, Bukit Peraksi Semerak P.Puteh

قال الله تعالى : أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ . فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتَمَ . وَلَا يَحْضُ  
عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ .

Yang bermaksud: “*Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, dan dia tidak menggalakkan orang lain untuk memberi makanan kepada orang miskin*”. (Al-Ma’un: 1-3)

Hadirin hadirat anak-anak yang dikasihi sekalian,

Alhamdulillah syukur kerana pada petang ini dapat kita berkumpul di dalam majlis perletakan batu asas untuk rumah kebajikan anak yatim dan miskin di sini, dan saya ucapkan terima kasih kepada pihak yang mengusahakan pembinaan rumah kebajikan ini khasnya yang melibatkan kebajikan anak-anak yatim.

Di dalam al-Quran sebanyak 22 kali disebut perkataan yang merujuk kepada anak yatim di mana 9 kali al-Quran menyebut perkataan *yatim* dan 13 kali disebut perkataan *yatama* yang bermaksud anak-anak yatim. Ertinya mereka yang berada dalam golongan yatim iaitu anak yatim memerlukan perhatian dan pembelaan daripada masyarakat

untuk membolehkan mereka hidup selesa dan sempurna seperti orang lain yang mempunyai penjaga (ayah atau ibu).

Al-Quran secara jelas menegaskan dalam beberapa ayatnya yang menyuruh kita berbuat baik kepada anak yatim. Antaranya ialah ayat yang telah saya bacakan di awal ucapan tadi di mana Allah SWT mengherdik golongan yang dianggap bermuka-muka dalam beragama. Mereka ialah golongan yang mengherdik anak yatim. Di dalam ayat yang lain iaitu surah al-Baqarah, ayat 220, Allah SWT berfirman:

... وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْبَيَّنَاتِ فَقُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ

Maksudnya: *Mereka bertanya kepadamu mengenai anak yatim, katakanlah: Memperbaiki keadaan mereka adalah baik.*

Ayat ini menunjukkan dengan jelas bahawa melakukan kebaikan kepada anak-anak yatim merupakan satu kebaikan yang sangat dihargai oleh Allah SWT. Tidak kurang juga di dalam hadis, Rasulullah SAW menegaskan bagaimana melakukan kebaikan kepada anak-anak yatim merupakan perbuatan yang terpuji dan dianjari syurga oleh Allah SWT. Antaranya sabda Nabi SAW:

مَنْ مَسَحَ رَأْسَ يَتِيمٍ لَمْ يَمْسِحْهُ إِلَّا لِهِ كَانَ لَهُ كُلُّ شَعْرَةٍ مَرَّتْ عَلَيْهَا يَدُهُ حَسَنَاتٌ

Yang bermaksud: *Barang siapa yang membela kepala anak yatim kerana Allah SWT, maka baginya kebaikan yang berlipatganda daripada setiap rambut yang diusap itu.* (Riwayat Imam Ahmad)

Allah SWT juga berjanji akan memberi pahala dan ganjaran yang setimpal kepada kaum muslimin yang membantu meringankan beban anak yatim dengan memberi sumbangan wang ringgit (derma atau sedekah). Banyak sedikit sumbangan yang diberikan itu bukan ukurannya, tetapi keikhlasan yang penting. Allah melihat apa yang ada dalam hati.

Oleh kerana melakukan kebaikan kepada anak yatim termasuklah juga orang miskin dipuji dengan pujian yang begitu tinggi di dalam al-Quran dan Hadis, kerajaan negeri Kelantan sangat mengalu-alukan sebarang penglibatan badan-badan bukan kerajaan mahupun syarikat di dalam kerja-kerja kebajikan seperti ini. Langkah yang dilakukan oleh pihak pengurusan rumah kebajikan anak yatim dan dhuafa' lilbanin ini merupakan satu langkah yang sangat pro aktif dan harus mendapat pujian di dalam menyemarakkan aktiviti kebajikan kepada anak yatim di dalam masyarakat kita. Saya difahamkan rumah kebajikan yang akan dibina ini adalah cawangan yang kelima, sebelum ini sudah ada empat cawangan iaitu di Banggol Judah Machang, Padang Pak Amat, Bachok dan tempat saya sendiri di Pasir Pekan, tahniah atas usaha yang amat baik ini.

Bagi pihak kerajaan, kita juga akan terus memberi perhatian yang utama kepada golongan daif dan miskin, orang kurang upaya, anak yatim, armalah dan warga emas. Kerajaan prihatin akan kesukaran yang dihadapi rakyat terutamanya kos sara hidup yang semakin membebangkan. Oleh itu, kerajaan terus menyediakan peruntukan

sebanyak RM 28.31 juta bagi menjalankan program-program pembelaan rakyat miskin dan yang memerlukannya dalam bajet 2014 lepas. Antara program-program yang diteruskan oleh kerajaan negeri adalah seperti bantuan Armalah, bantuan Anak Yatim, bantuan Bulanan Orang Miskin, bantuan Sekolah, bantuan Bencana Alam, 'Gerbang Azziwaj, bantuan Al-It'am, bantuan Penjaga Pesakit di Hospital, bantuan Pesakit Kronik, bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU), bantuan Bekalan Air dan Elektrik, Program Pembelaan Rakyat Miskin dan lain-lain lagi.

Jadi harapan saya kepada anak-anak sekalian agar belajar bersungguh-sungguh dalam kelas pengajian yang diajar, serta hafaz Quran dengan bersungguh, walaupun boleh jadi susah tapi dengan usaha dan kesungguhan anak-anak sekalian akan mendatangkan hasil yang cemerlang dan boleh sambung ke pengajian di peringkat yang lebih tinggi lagi. Saya rasmikan majlis perletakan batu asas ini dengan lafaz yang mulia:

بسم الله الرحمن الرحيم

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

# KEBERKATAN




# KEBERKATAN



# KEMAKMURAN



# KEMAKMURAN



# KEBAJIKAN



# KEBAJIKAN





ISBN 978-967-16008-0-1

9 789671 600801